K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2003 (Halaman 16)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2003 (Halaman 16)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
2002

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

" Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S. (Bakri)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

" Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

" Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

Yang Berhormat	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

Yang Berhormat	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK
Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PERUNDANGAN
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 8 Oktober 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail [Gombak]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, strategi dan program di bawah Dasar Kesihatan Remaja yang telah dilancarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kesihatan Remaja Negara yang telah dilancarkan pada 29 September 2001 memberi penekanan kepada pembentukan dan pembangunan kesihatan remaja sebagai persediaan menjalani kehidupan alam dewasa kelak. Bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai, Kementerian Kesihatan telah menggariskan tujuh strategi utama di dalam Dasar Kesihatan Remaja Negara. Strategi-strategi yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

(i) menggalakkan kesihatan;

(ii) perkhidmatan penjagaan kesihatan yang sesuai dan mudah;

(iii) pembangunan sumber manusia;

(iv) mewujudkan sistem maklumat kesihatan remaja;

(v) penyelidikan dan pembangunan program yang berterusan;

(vi) kerjasama strategik dengan agensi berkaitan bagi membangunkan program kesihatan remaja yang komprehensif; dan

(vii) menyokong pembentukan peraturan dan undang-undang yang membawa manfaat kepada golongan remaja dan menyokong dasar-dasar yang menggalakkan kesihatan remaja.

Manakala program-program kesihatan yang dijalankan meliputi aktiviti pencegahan dan promosi seperti pencegahan HIV-AIDS, kempen anti merokok, kempen kesihatan mental, saringan kesihatan dan rawatan kesihatan remaja yang meliputi pengesanan penyakit, kaunseling perawatan dan rujukan.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan sebelum Program Dasar Kesihatan Remaja Negara dilaksanakan pada tahun 2001, pihak Kementerian Kesihatan pernah melaksanakan satu Program Sihat Tanpa AIDS atau PROSTAR sejak tahun 1996 untuk mencegah penyakit HIV-AIDS di antaranya kursus kepada remaja. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sejauh manakah kejayaan dalam pelaksanaan program PROSTAR ini dan berapa banyak pada masa kini di kelab-kelab PROSTAR ditubuhkan di sekolah menengah kebangsaan dan berapakah yang ditubuhkan di peringkat daerah untuk mewujudkan kesedaran sivik dan pendidikan kesihatan kepada

para remaja supaya mereka dapat menjauhkan diri daripada penyakit HIV-AIDS. Sekian, terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PROSTAR ini adalah satu program yang melibat komuniti di kalangan remaja berusia di antara usia 16 hingga 25 tahun yang telah dimulakan pada November 1996 di mana objektifnya adalah untuk melatih seramai 20,000 orang remaja sebagai pendidik kepada rakan sebaya di kalangan remaja dan belia dalam masa lima tahun di mana belia-belia yang dilatih akan menjadi fasilitator dalam program-program yang seterusnya iaitu kita gunakan konsep rakan sebaya di mana mereka boleh melatih ataupun memujuk kawan-kawan mereka untuk menjalankan cara hidup yang sihat ataupun amalan-amalan hidup yang baik.

Sehingga bulan Disember 1999, seramai 23,781 orang remaja dan belia telah dilatih di mana pada tahun 1999 sahaja seramai 2,931 remaja dan belia telah dilatih dalam 55 sesi latihan di seluruh negara dan juga pelbagai aktiviti promosi kesihatan turut diadakan untuk mewujudkan kesedaran AIDS di kalangan remaja kita. Program-program ini diadakan di peringkat daerah tetapi saya tidak dapat memberitahu dengan tepat berapa kelab di seluruh daerah kerana saya tidak ada statistik di sini tetapi kita cuba mewujudkan kelab-kelab PROSTAR ini di setiap daerah yang mungkin.

Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat boleh mengedarkan naskhah-naskhah Dasar Kesihatan Remaja Negara ini kepada kami Ahli-ahli Parlimen supaya kami lebih faham dan dapat memberi kerjasama dalam pelaksanaan program-program ini di kawasan-kawasan kami. Kerana setakat ini dalam kawasan saya Gombak, PROSTAR pun nampaknya tidak ada berita apa-apa.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas permintaan Yang Berhormat tadi dan kita akan mengedarkan naskhah ataupun butir-butir terperinci kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya mereka sedia maklum tentang program-program yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan untuk remaja kita. Tetapi program-program PROSTAR ini sebenarnya ia melibatkan kaum remaja sahaja. Jadi, penglibatan di antara seperti yang saya kata tadi biasanya di antara remaja usia 13 ataupun 16 hingga 18 umur sahaja yang banyak terlibat. Jadi, tidak ada golongan dewasa yang terlibat. Itulah sebabnya mungkin ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak begitu tahu tentang program-program ini. Tetapi sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengadakan program-program seumpama ini, melibatkan diri dalam program-program seumpama ini, saya boleh memaklumkan kepada pegawai kementerian untuk melibatkan lebih ramai lagi Ahli Yang Berhormat supaya mereka tahu tentang program ini.

Juga untuk program remaja yang perlu diadakan, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berhubung dengan pejabat-pejabat kesihatan di daerah masing-masing supaya mereka boleh membantu untuk mengadakan program-program khas untuk remaja seperti yang diharapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

2. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilakah kerajaan akan laksanakan sekolah satu sesi secara penuh di semua sekolah termasuk SRJK(C) dan SRJK(T). Apakah masalah yang dijalankan akan timbul dalam peringkat perlaksanaan daripada segi kemudahan dan logistik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya semua sekolah kerajaan akan menjadi sekolah satu sesi menjelang 2010. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek sekolah satu sesi ini dijalankan secara berperingkat-peringkat. Kerajaan telah meluluskan sebanyak 494 projek untuk dilaksanakan dalam Fasa I, manakala 200 projek dalam Fasa II dengan pembinaan bilik darjah dan sekolah baru di tapak-tapak yang dikenal pasti serta bekalan guru yang bersesuaian.

Kementerian Pendidikan menjangkakan tidak akan timbul masalah besar dalam pelaksanaan sekolah satu sesi dan seterusnya proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah tersebut dapat berjalan dengan licin dan baik. Untuk makluman Yang

Berhormat juga, pada Fasa I - 494 itu, 172 sudah siap. Fasa II belum lagi, iaitu 200 projek kesemuanya.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya rasa kementerian terlalu optimistik dengan pelaksanaannya kerana banyak projek kerajaan memang perancangannya adalah baik, dasarnya adalah baik tetapi pelaksanaannya menimbulkan masalah. Sama juga dengan sekolah satu sesi, memang saya sokong sekolah satu sesi kerana ia bersesuaian dengan perkembangan sekarang. Yang saya kuairi ialah kebanyakan sekolah di bandar terutamanya SRJK(C) yang sekarang memang banyak yang menjalani sekolah dua sesi dan bilik darjah memang tidak cukup di kebanyakan sekolah.

Jadi, saya ingin mendapat makluman, adakah kementerian sudah mengenal pasti berapa buah sekolah sekarang termasuk SRJK(C) yang menjalani dua sesi sekarang dan berapa bilik darjah yang perlu ditambahkan dan sama ada kerajaan sudah ada rancangan untuk melaksanakannya. Saya ingin tahu di SRJK(C) dan SRJK(T). Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat bersetuju pada dasarnya sekolah diwujudkan di satu sesi. Dan juga Yang Berhormat bersetuju mengenai dengan perancangan kita. Seperti mana yang telah saya sebut tadi, kita hanya bermula pada tahun 2001 dan kini hampir dua tahun baru kita mula projek ini yang diletakkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Oleh yang demikian, Yang Berhormat jangan bimbang kita sedaya upaya akan usahakan perkara ini. Umpamanya kita telah kenal pastikan sekolah-sekolah yang memerlukannya. Misalnya kalau saya dapat senaraikan ini, sekolah rendah sahaja buat masa ini sekolah yang mempunyai dua sesi kita kenal pasti sebanyak 1,165, manakala sekolah menengah pula kita kenal pasti yang mempunyai dua sesi, pagi dan petang ialah sebanyak 920 buah.

Jadi, soalnya sama ada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina ataupun Tamil asalkan sekolah itu adalah sekolah kerajaan, maksud saya sekolah kerajaan iaitu bukan sekolah yang terletak di atas tanah yang dipunyai oleh lembaga pengelola sekolah itu. Ini maksud saya, sekolah yang mendapat bantuan penuh daripada pihak kerajaan, itu kita akan usahakan. Bagi sekolah-sekolah yang lain itu bergantung kepada pihak sekolah untuk sama ada, dia hendak menambahkan bilik darjah ataupun tidak. Keutamaan memang kita beri kepada sekolah kerajaan ataupun sekolah yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan, di mana bilik-bilik darjah ini kita tetap tambah dan ini termasuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina juga kita ada usaha dalam perkara itu. Untuk senaraikan satu persatu di sini tidak dapat saya lakukan. Insya-Allah kemudiannya saya akan usahakan dapat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Yang Berhormat bagi Kluang.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila kementerian melaksanakan sekolah satu sesi secara berperingkat-peringkat, ini bermakna masa murid-murid berada di sekolah akan bertambah panjang. Selain daripada mungkin masalah yang akan timbul yang dapat kementerian menentukan dan untuk mencari penyelesaian, adakah struktur pelajaran di sekolah tertentu, misalnya kurikulum dan kokurikulum akan berubah, adakah ia akan berubah.

Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa peringkat pertama ada 400 lebih sekolah akan dilaksanakan dan selama ini saya belum nampak sekolah jenis kebangsaan Cina khususnya di pusat bandar ataupun bandar-bandar yang besar untuk dilaksanakan. Jadi saya rasa mungkin masa ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menerangkan; yang pertama dari segi kurikulum dan kokurikulum apa perbezaannya dan di pusat bandar yang besar berapa sekolah jenis kebangsaan Cina telah dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya rasa soalan itu adalah kerana pada satu masa yang lalu ada ura-ura mengadakan satu sesi ini di mana ia bermula sebelah pagi dan berakhir di sebelah petang. Itu ada diura-ura, diwar-warkan buat satu ketika dahulu. Tetapi pada kementerian kemudiannya sesudah kajian dibuat, kita maksud di sini satu sesi ialah sekolah itu tidak ada lagi sesi pagi dan

petang di mana dua kumpulan akan memasuki sekolah itu dan ini menyebabkan kesesakan sekolah dan katakanlah anak itu pergi ke sekolah sesi pagi tidak dapat menjalankan segala macam kegiatan kokurikulum di sebelah petang kerana kelas-kelas itu dipakai begitu juga dengan padang juga dipakai dan hari ini apa yang telah kita cadangkan supaya dia seperti biasa, sekolah seperti biasa, bermula di sebelah pagi berakhir di tengah hari dan di masa petang itu, tengah hari sampai petang bolehlah ia digunakan untuk kegiatan yang lain. Jadi tidak ada lagi sesi pagi dan petang.

Bagi makluman Yang Berhormat juga mengenai dengan sekolah-sekolah di bandar, memang kita amat mengetahui mengenai dengan kesesakan di setengah-setengah sekolah, misalnya kalau kita lihat yang paling besar sekali ialah di kawasan Selangor. Selangor yang mempunyai dua sesi yang paling banyak sekali iaitu sebanyak 195 dan di Perak 132. Itu angka yang paling tinggi sekali dan diikuti dengan Johor. Lain-lain negeri juga terdapat tetapi tidaklah seperti mana yang terdapat di negeri-negeri yang telah saya sebutkan.

Mengenai dengan struktur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan kurikulum, tidak ada perubahan dari segi struktur dan kurikulum. Insya-Allah sekolah-sekolah yang betul-betul mendesak kita akan bagi *dwi priority* ataupun keutamaan.

3. **Tuan Mah Siew Keong [Telok Intan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah status kerja dalam projek menaik taraf Jalan Changkat Jong dan Jalan Sultan Abdullah, bilakah projek ini dijangka siap dan jumlah peruntukan yang disediakan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja naik taraf Jalan Changkat Jong adalah di bawah Program Naik Taraf Laluan 58 Jalan Teluk Intan ke Bidor. Pada masa ini projek tersebut adalah di dalam peringkat awal pembinaan dan dijangka siap pada bulan Mac 2004. Kemajuan projek ialah 13% sebenar berbanding dengan 12% dijadualkan. Peruntukan yang disediakan bagi kontrak ini ialah RM33.8 juta. Sementara itu, projek naik taraf Jalan Sultan Abdullah di Teluk Intan merupakan projek kerajaan negeri. Berdasarkan maklumat yang diperolehi projek ini sedang dalam pembinaan dan jangka siap pada bulan April tahun 2003. Peruntukan bagi projek ini ialah sebanyak RM8.4 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini soalan khusus. Kalau agak khusus saya benarkan. Saya minta Teluk Intan dulu.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri yang telah datang banyak kali dan sendiri memastikan projek ini dilaksanakan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya sekarang bukan sahaja di Teluk Intan, tetapi di seluruh negara di mana selepas jalan ini, ia telah diturap dengan cantik tetapi Jabatan Air, Telekom dan Tenaga akan korek lagi dan merosakkan jalan, tidak ada koordinasi di seluruh Teluk Intan sekarang. Jalan dibuat…

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini tidak ada kena-mengena Jalan Changkat Jong, Jalan Sultan Abdullah.

Tuan Mah Siew Keong: Ini kena dengan jalan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sukarlah macam itu, Yang Berhormat.

Tuan Mah Siew Keong: …..dalam jalan yang sama yang telah mula kerja..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dia melibatkan jalan di situ saya benarkanlah…

Tuan Mah Siew Keong: Ya, di situlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:…kalau di seluruh negara, tidak jadilah.

Tuan Mah Siew Keong: Tuan Yang di-Pertua, jalan di situ….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, jalan di situ.

Tuan Mah Siew Keong: Jalan di situ dibuat baik tetapi kontraktor Lembaga Air dia korek dan rosakkan jalan, membahayakan. Apabila kita tanya dengan Lembaga Air dia cakap ini jalan masalah JKR. JKR cakap bukan masalah mereka sebab bukan mereka yang korek. Soalan saya, adakah pihak Lembaga Air, TNB atau sesiapa adakah mereka memberi deposit atau mendapat kebenaran dari JKR sebelum mengorek jalan dan siapakah yang ada *final authority,* dengan izin, untuk memastikan jalan-jalan dibaiki dengan baik selepas dikorek oleh mana-mana pihak. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada satu masa yang lalu, jalannya sempit, selepas itu kerajaan telah memperbaiki jalan daripada 13 kaki jadi 20 kaki, dari 20 kaki jadi 24 kaki. Masa itu perkhidmatan air, elektrik semua di tepi jalan. Apabila kita melebarkan jalan dia masuk dalam jalan. Oleh kerana itu kita kena bayar untuk memperbaiki, jadi soalan daripada Yang Berhormat berkenaan adakah koordinasi di antara jabatan-jabatan - Jabatan Bekalan Air, TNB dan juga Telekom Malaysia, ada juga koordinasi tetapi sekarang tidak berapa banyak masalah seperti dululah. Ini ada juga koordinasi tetapi maklumat Ahli Yang Berhormat, jalan yang kita sedia membesarkan di Teluk Intan itu, tidak ada masalah oleh kerana semuanya akan dijalankan oleh tiap-tiap jabatan baru sajalah kita akan membuat jalan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Bagan Datok.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan khusus Tuan Yang di-Pertua, saya pun khusus juga kerana hendak pergi Bagan Datok balik Teluk Intan. Ada berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan tahniah kepada Teluk Intan kerana baru berjaya jadi Ketua Pemuda Gerakan, sebab soalannya pun dekat-dekatlah.

Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, ada terdapat pakej untuk penaiktarafan jalan ini, adakah ianya melibatkan juga penaiktarafan jambatan yang melalui kawasan ini, kerana terdapat tidak kurang daripada lapan jambatan yang harus dinaikkan taraf sebab lapan batang sungai melalui kawasan saya itu. Memang kami balik berdua selalu banjir. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara berkenaan dengan banjir bukan dalam kuasa saya, ini dalam kuasa Yang Berhormat Menteri Pertanian. Walau bagaimanapun, untuk mendalamkan sungai di beberapa tempat dan juga di tepi jambatan yang sedia ada, saya sudah mengarahkan Jabatan Kerja Raya untuk mengambil tindakan, jikalau tidak kita akan menghadapi banjir dalam masa ini. Terima kasih.

4. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun [Rantau Panjang]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan dalam negeri dan luar negeri dan apa maksud kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan berada di tahap yang boleh urus (*manageable level*).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan sehingga Jun 2002 berjumlah RM118 bilion dan hutang luar negeri pula ialah RM28 bilion. "Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan berada di tahap yang boleh diuruskan" bermaksud kerajaan tidak menghadapi masalah untuk membayar balik hutang luar negeri termasuk faedahnya. Ini dapat dilihat dari segi nisbah khidmat hutang yang rendah.

Contohnya, di antara tahun 1999 hingga 2000 nisbah khidmat hutang luar Kerajaan Persekutuan adalah dalam lingkungan 0.5% hingga 1.2% daripada jumlah nilai eksport negara. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Soalan tambahan. Adakah hutang Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri terutama sekali negeri Kedah yang meningkat

hingga RM1 bilion ini juga dianggap termasuk dalam hutang yang boleh diurus atau *manageable level?*

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bincangkan tadi, saya jelaskan tadi ialah hutang Kerajaan Persekutuan sahaja, ya, sama ada melalui hutang dalam negeri ataupun hutang luar negara, tidak termasuk hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan tapi inilah hutang Kerajaan Persekutuan daripada dua sumber iaitu luar dan dalam sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan dan juga Kerajaan Malaysia kerana kalau kita lihat di antara kerajaan-kerajaan di dunia Kerajaan Malaysia adalah merupakan kerajaan yang mampu menguruskan kewangan dengan baik *[Tepuk].* Kita tidak mempunyai pinjaman yang besar daripada negara-negara luar sebab itu kita tidak mengikut telunjuk negara-negara luar ataupun kuasa-kuasa besar. Ini satu kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Malaysia.

Soalan tambahan saya, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, selain daripada kita mempunyai pinjaman daripada dana dalam negara, pinjaman dalam negara, adakah juga kerajaan mempunyai rizab yang besar untuk menguruskan kewangan negara dan apakah dana-dana dalam negara yang membantu kerajaan untuk menampung kewangan bagi mendapat pinjaman daripada dana-dana tersebut untuk menguruskan kewangan negara. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa negara kita Malaysia adalah satu-satunya negara khususnya di rantau ini yang mempunyai kadar hutang yang cukup rendah. Kalau saya hendak bandingkan Malaysia tahun lepas, Thailand - kadar hutang luar negara 42% daripada GNP, Filipina 70%, Indonesia 55% tetapi kita hanya 40% sahaja, yang terendahlah. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan tersebut dan yang kedua tadi, apa itu, tentang …

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rizab dan dana-dana.

Tuan Hashim bin Ismail: Hah, kita mempunyai rizab yang cukup tinggi *[Menyampuk]* hingga akhir-akhir ini Yang Berhormat kebanyakan para pengeksport kita menghantar wangnya lebih awal ke negara kita untuk menjadi rizab negara kita kerana ….

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada apa Yang Berhormat?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 36(6), Kemaman diminta, Kemaman tadi kata bohong kepada Setiausaha Parlimen, saya minta Kemaman tarik balik, adakah Yang Berhormat itu pembohong, minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Duduk, duduk Yang Berhormat. Jangan buat macam itu Yang Berhormat ya. Saya tidak suruh berdiri Yang Berhormat, kecuali hendak tarik balik, terpulanglah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak adalah, hendak…..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta Yang Berhormat jangan mencelah yang bukan-bukan, Yang Berhormat. Dengarlah apa yang orang jawab. Sila teruskan Setiausaha Parlimen.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik, memang jelas sebut 'pembohong', 'bohong' dia sebut tadi. Memang betul *[Dewan riuh]* sebab dia orang Islam, Kemaman kena mengaku. Saya minta. Dia sebut Setiausaha Parlimen 'pembohong'. Semua dengar ini, minta Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kemaman, ada sebut Yang Berhormat?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya sebut bahawa kenyataan 'auta' sebab sebenarnya apa yang dikatakan ialah rizab luar negara ialah 150% daripada .....apa ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak mahu hendak menghuraikan itu Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tak adalah, itulah sebab itu saya kata dia 'auta' sebab tidak betul dia jawab itu. *[Sorak][Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dato' Speaker, minta tarik balik. Sebagai orang Islam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tarik balik Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukan payah sangat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, saya tarik balik. Tetapi apa yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen tidak betul.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hah, sudahlah, dah tarik balik, sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut cukup. Sila Setiausaha Parlimen. *[Dewan riuh]* Kalau sudah habis Setiausaha Parlimen, cukup.

Tuan Hashim bin Ismail: Belum lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat bagi Kemamana, Tuan Yang di-Pertua, semua fakta daripada kita, dia anggap 'auta' Misalannya dahulu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah Kemaman tak ada kena-mengena dah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, Dato', bukan Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawab, jawab yang bertanya tadi Yang Berhormat daripada Arau.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya hendak jelaskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak ada kena-mengena dah tu.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya tidak puas hati Dato', ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lain kalilah pula. Sila jawab daripada Arau.

Tuan Hashim bin Ismail: Rizab antarabangsa kita sekarang RM130 bilion dan kebanyakan mereka membawa pulang *earning – export earning* lebih awal ke negara kita kerana ketidaktentuan ekonomi dunia. Itulah di antara sebabnya dan kita mempunyai satu rizab yang kukuh dan juga dalam negara kita, kita punya kecairan yang cukup tinggi. Ertinya kita tidak perlu meminjam daripada luar. Tidak terdesak untuk meminjam daripada

luar dan kalau kita pinjam pun kerana untuk *bench marking* iaitu kita hendak menentukan tanda aras sebagai panduan untuk membolehkan pihak-pihak yang lain di Malaysia membuat pinjaman daripada pasaran antarabangsa.

Kita letakkan satu standard *bench marking* lepas itu kalau orang lain hendak pinjam, maka inilah standard *bench marking* yang perlu diikut. Bukan kerana kita terdesak hendakkan duit. Kerana *liquidity* (kecairan) dalam negara cukup untuk membiayai pembangunan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok] minta Perdana Menteri menyatakan terhadap fitnah yang sering dilemparkan kepada kerajaan dan beliau sendiri yang lebih bersifat serangan peribadi dan bukan teguran membina oleh kumpulan atau individu tertentu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan oleh Yang Berhormat bagi Larut pada 28 Oktober 2002 mengenai perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan tetap dan akan terus mengambil tindakan terhadap mereka yang melemparkan fitnah terhadap kerajaan atau mana-mana pemimpin kerajaan mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

Tujuan utama tindakan ini diambil adalah untuk membuktikan kepada rakyat bahawa fitnah-fitnah yang dibuat oleh pembangkang sama ada melalui ceramah-ceramah atau melalui Internet adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan tidak mahu rakyat termakan dakyah yang disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan seterusnya membuat keputusan yang tidak akan menguntungkan diri mereka sendiri semasa pilihan raya diadakan.

Pembangkang hanya tahu mengkritik dan membidas apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan sebagai tidak baik walaupun pada hakikatnya mereka sendiri menikmati banyak faedah daripada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ada kalanya mereka bertindak lebih memihak kepada media dan kuasa-kuasa asing dan menjadi penyampai atau jurucakap secara tidak langsung kepada media dan kuasa-kuasa asing seperti menuduh kerajaan dengan tuduhan *kronisme, nepotisme, bail out,* dengan izin.

Negara kita mengamalkan demokrasi. Mereka kata kita autokrasi. Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) penting sebagai undang-undang pencegahan tetapi mereka katakan ISA zalim. Negara mengamalkan dasar *separation of power* di mana mahkamah bebas dan adil. Mereka menuduh politik campur tangan dalam urusan mahkamah. Kita kata Malaysia negara Islam, tetapi mereka tidak mahu menerimanya.

Kejayaan negara dalam menghadapi krisis ekonomi sepatutnya menjadi kebanggaan semua rakyat Malaysia. Kejayaan-kejayaan ini juga tidak mendapat sokongan dan menuduh bahawa ekonomi negara ini akan terus, akan tetap merudum. Mereka mendakwa perkembangan ekonomi yang berlaku adalah bersifat sementara dan tidak menggambarkan keadaan ekonomi negara yang sebenarnya - contoh, Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman lah baru sekejap tadi, *[Ketawa]* tidak mahu terima kenyataan. Mereka juga sejak dahulu lagi menghasut rakyat bahawa projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai projek mega dan membazirkan duit rakyat dan mempunyai tujuan untuk kepentingan kumpulan-kumpulan tertentu.

Projek-projek seperti Jambatan Pulau Pinang, Lebuh Raya Utara Selatan, projek kereta nasional Proton dan sebagainya sentiasa dicemuh dan dibangkang tetapi hakikatnya projek-projek tersebut memberi kesan positif dan berjaya. Pembangkang pun semua, ramai yang pakai Proton Saga sekarang ini. *[Ketawa]* Mereka ini beralih pula untuk menyerang peribadi pemimpin-pemimpin kerajaan.

Tuduhan-tuduhan secara peribadi yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak tahu membaca Al-Quran, menonton video lucah bersama cucunya dan banyak gelaran-gelaran yang tidak sepatutnya dibuat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Disorak]*

Untuk menghalalkan semua perbuatan yang tidak baik ini, mereka mendakwa pula bahawa Tuhan adalah samseng, penjahat, penipu. Tuhan juga mencarut dan juga boleh berkawan dengan syaitan. Oleh itu mereka boleh melakukan segala perbuatan yang tidak baik ini kerana Tuhan adalah maha samseng, maha penjahat, penipu dan Tuhan juga mencarut.

Kerajaan sedar apa yang dilakukan oleh mereka adalah tidak baik dan boleh merosakkan perpaduan rakyat. Kerajaan bertanggungjawab memastikan keamanan dan perpaduan rakyat sentiasa terpelihara. Jika mana-mana pihak membuat perkara-perkara yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan keharmonian masyarakat maka tindakan undang-undang akan diambil. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, pada hemat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah terdapat ajaran mana-mana agama yang mengizinkan fitnah dan mengizinkan juga seseorang itu melakukan *carrector assassination* (serangan peribadi). Itu sahaja.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya rasa pihak pembangkang lebih arif. Ketua Pembangkang juga lebih arif. Fitnah ini lebih tajam daripada hujung pedang. Jadi amat bahaya sebab itu kita lihat cara mereka untuk menjatuhkan kerajaan ialah dengan memburuk-burukkan pemimpin, kerana ini salah satu taktik yang kita lihat telah berjaya mereka lakukan di negara jiran kita. Apabila seorang Presiden yang lama memerintah, ia dilemparkan dengan berbagai-bagai tuduhan. Akhirnya pemimpin tersebut terpaksa letak jawatan.

Tuduhan yang dituduhkan kepada pemimpin negara jiran sama, nepotism, kronisme dan berbagai-bagai di mana mereka berjaya buat di negara jiran dan dia bawa ke Malaysia. Tetapi Alhamdulillah dalam pilihan raya yang lepas nampaknya rakyat tidak boleh menerima dan menolak segala fitnah yang dibuat oleh parti pembangkang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Ahli Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi soalan ditanya fitnah-fitnah yang kononnya dilemparkan oleh pembangkang kepada kerajaan dan peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagaimana pula dengan fitnah-fitnah yang dikeluarkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri dan juga terhadap Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan di mana kenyataan sebenar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah tidak disiarkan sepenuhnya.

Sepatutnya kalau kerajaan berlaku adil, siarkanlah satu jam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan kerana telah disahkan di dalam Mesyuarat Fatwa bahawa kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan tidak ada apa-apa kesalahan. Jadi sekarang ini kerajaan telah memfitnah dengan hanya mengambil satu sedutan tanpa mengambil keseluruhan teks ucapan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]; Soalan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: .....Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi kenapa. Apakah tindakan yang boleh dilakukan terhadap fitnah yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap pemimpin-pemimpin kerajaan-kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Yang itu macam mana pula itu kes dia.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ingat terima kasih Yang Berhormat, dia tidak spesifik ucapan yang bagaimana yang kata Tuhan mencarutkah, boleh berkawan dengan syaitankah ataupun Tuhan samseng. Tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum mengenai isu Tuhan samseng telah dibuat laporan polis dan sekarang ini di dalam penyiasatan polis. Saya rasa berkesannya apabila ada pihak ataupun rakyat yang membuat laporan polis ini hingga menyebabkan apabila Menteri Besar Kelantan membuat kesilapan yang kedua mengatakan Dr. Mahathir tak reti membaca Al-Quran mungkin dia sudah tahu bila polis ini panggil dia dan mungkin berbagai-bagai cara yang polis tanya dan dia mungkin sudah insaf bahawa apa yang dia buat itu merupakan satu kesilapan maka apabila laporan polis dibuat, maka dia menarik balik dan dia mengaku bahawa apa yang dimaksudkan bukannya Dr. Mahathir tak reti membaca Al-Quran tetapi tak tahu Bahasa Arab.

Ini alasan, dipusing setelah penyiasatan polis dibuat. Walau bagaimanapun kita percaya Dr. Mahathir seorang pemimpin yang begitu baik budi, memberikan kemaafan sebelum lagi Menteri Besar Kelantan meminta maaf. Jadi mengenai tuduhan-tuduhan yang lain, kita lihat kes-kes fitnah ini kalau betul dia menyatakan bahawa pimpinan kerajaan menabur fitnah kepada pembangkang, laporan polis telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan semalam Menteri Dal Negeri telah berjanji dia akan melihat *priority* laporan yang telah dibuat.

Oleh yang demikian, saya hendak mengambil satu contoh yang paling mudah bagaimana pembangkang memberikan fitnah kepada Dr. Mahathir. Kalau kita ingat mengenai kes Enakmen Jenayah Syariah II Negeri Kelantan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghantar surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan dua daripada contoh ketidakadilan di dalam Enakmen Jenayah Syariah II Negeri Kelantan 1993 iaitu Fasal 46(2) wanita hamil yang menjadi bukti korona zina dan Fasal 56 (untuk orang Islam sahaja) sedangkan orang bukan Islam diberikan pilihan.

Kita lihat dua isu ini telah diputar belit di mana PAS tidak bertindak memperbetulkannya dan menerima komen Dr. Mahathir ini. Sebaliknya PAS mengeksploitasi surat Perdana Menteri dengan membuat fitnah kononnya PM ataupun UMNO tolak hudud. Jadi kalau tujuan untuk menegakkan Islam, tentulah pembetulan hudud itu yang jadi utama.

Ini kita lihat apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri ini hari ini telah diterima oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Apabila Enakmen Jenayah ataupun hudud negeri Terengganu telah meminda Seksyen 9. Apabila Seksyen 9 ini dibantah dan menyatakan Seksyen 9 ini satu seksyen yang menzalimi wanita dan bermakna teguran Dr. Mahathir buat mengenai Enakmen Jenayah Syariah II Negeri Kelantan sama dengan teguran yang dibuat kepada Enakmen Jenayah Syariah Hudud dan Kisas di Terengganu ini.

Hari ini kita lihat apa yang ditegur oleh Dr. Mahathir dahulu kini diterima oleh PAS. Tetapi soalnya apabila mula-mula teguran ini dibuat, PAS mengatakan Dr. Mahathir ini anti hudud dan anti Islam. Jadi inilah contoh yang kita lihat banyak fitnah-fitnah yang dibuat dan hari ini harus kita mengambil keinsafan dan kita lihatlah apakah kesan kepada orang yang menabur fitnah kepada pemimpin kita dan orang yang difitnah iaitu Perdana Menteri.

Kita lihat yang jelasnya negara kita bertambah aman dan makmur. Kehidupan rakyat semakin selesa dan nyaman dan pemimpin kita pula mendapat sanjungan dan penghormatan antarabangsa. Banyak pujian yang diterima daripada pemimpin-pemimpin dunia. *[Tepuk]* Sedangkan mereka yang menabur fitnah ini, ini terpulanglah kepada kita untuk membuat kenyataan sesuatu, terpulang kepada Allah S.W.T.

Tetapi kita lihatlah bagaimana keadaan mereka, seorang demi seorang yang menabur fitnah kita lihat bagaimana keadaan mereka pada hari ini.

6. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah masalah sebenar yang menghalang Malaysia dari mencapai kegemilangan sukan. Adakah politik dalaman badan sukan atau nepotisme, kedaerahan pemilihan pemain atau ahli-ahli sukan atau bertujuan peribadi, rasuah, pegawai-pegawai dan jurulatih yang tidak profesional dan komited atau gangguan orang-orang atasan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia belum boleh diiktirafkan sudah mencapai kegemilangan dalam bidang sukan secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, negara kita berjaya mempamerkan prestasi yang cemerlang khususnya dalam beberapa jenis sukan yang tertentu, seperti badminton, skuasy, boling, hoki lelaki dan bina badan di mana tahap pencapaian atlet kita telah pun mencapai kecemerlangan di peringkat dunia.

Di peringkat kejohanan-kejohanan bertemasya yang tertentu, negara kita juga berjaya menempatkan diri dalam kelompok negara-negara terbaik, khususnya semenjak Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Komanwel tahun 1998. Kejayaan ini berterusan di peringkat Sukan SEA dan di Sukan SEA 2001 di mana Malaysia buat kali yang pertama dalam sejarah memenangi 111 pingat emas dan menjuarai temasya sukan yang berkenaan. Kejayaan atlet negara diteruskan lagi dengan memperbaiki pencapaian yang lepas di temasya Sukan Komanwel Manchester tahun ini. Kejayaan ini didorong oleh beberapa faktor seperti latihan luar negara, kepimpinan kerajaan dalam pelaksanaan program latihan, sokongan kewangan yang kukuh dan program latihan yang dirancang buat jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, pencapaian negara ini tidaklah begitu konsisten, dan ianya lebih didorong oleh faktor dorongan sebagai tuan rumah khususnya semasa Sukan Komanwel Kuala Lumpur tahun 1998 dan Sukan SEA tahun 2001.

Di antara faktor-faktor yang menghalang Malaysia mencapai kegemilangan sukan adalah seperti berikut:-

(i) kemampuan dan potensi atlet-atlet negara dalam sukan-sukan utama dan sukan yang menawarkan banyak pingat, masih boleh lagi dipertingkatkan. Walaupun bakat atlet ini boleh dibentuk tetapi latihan yang dijalankan secara sambilan di tempat masing-masing tidak dapat diberikan sepenuhnya, kerana sistem pendidikan negara hanya mengizinkan atlet berlatih satu sesi sehari sahaja;

(ii) kekurangan jurulatih-jurulatih yang berkualiti di samping kerjaya sebagai jurulatih yang diamalkan sebagai sambilan atau sukarela menyebabkan bakat atlet-atlet baru tidak dapat dibentuk sebaik mungkin;

(iii) pengurusan persatuan sukan yang kurang profesional, di mana kurangnya semangat kesukarelaan di kalangan pemimpin-pemimpin beberapa persatuan menyebabkan kegagalan persatuan yang berkenaan melaksanakan tanggungjawab untuk memajukan sukan-sukan yang dipimpininya. Sikap berpuak dan politik dalaman bagi memastikan kedudukan mereka terjamin, juga menyebabkan pegawai-pegawai yang tidak sepatutnya dipilih menguruskan persatuan-persatuan tersebut;

(iv) pengurusan persatuan yang longgar menyebabkan program latihan dan struktur pertandingan serta program penilaian tidak kemas dan ini menyebabkan latihan atlet-atlet tidak berjalan secara lancar dan kurang bersistematik;

(v) selain itu, sistem pendidikan dan sosial masyarakat kita juga menyekat perkembangan bakat-bakat sukan dan ini menyebabkan agak sukar untuk mengekalkan atlet-atlet yang berumur dalam lingkungan 17 hingga 23 tahun untuk terus

berkecimpung serius dalam sukan masing-masing kerana desakan luaran seperti desakan dari ibu bapa dan masyarakat yang mementingkan pencapaian akademik serta pekerjaan bagi mencari sara hidup harian.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berpandangan positif dan bertanggungjawab untuk membangun dan memajukan sukan negara kerana kerajaan berpendapat bahawa sukan mampu menyatupadukan masyarakat dan memberi sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan negara. Sehubungan itu, kita sentiasa mencari jalan bagi mengatasi masalah dan kekangan yang ada, bagi memastikan sukan negara mampu meletakkan Malaysia sebagai negara cemerlang dalam bidang sukan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan cukup baik, cukup cemerlang jawapan itu. Saya cukup bersetuju bahawa sukan-sukan spesifik yang sepatutnya dipelopori tetapi diketepikan umpamanya angkat berat. Di Kuching kita mempunyai seorang bekas juara angkat berat Asia dan juga mendapat *placing* di pertandingan Mr. Universe, tetapi sekarang beliau duduk di kaki lima dan jual sayur *(vegetable)*, sokongan berterusan nampaknya tidak dibuat, perancangan untuk sokongan berterusan kepada pihak atlet yang terlibat dan mempunyai bakat kecemerlangan tidak diberi, ini menjadikan suatu tidak ada motivasi langsung untuk pihak-pihak yang tertentu untuk terlibat dalam sukan.

Yang kedua, juga jurulatih, betul juga kata Yang Berhormat Timbalan Menteri, jurulatih umpamanya hoki wanita di Sarawak, gaji hanya RM600 sebulan, siapa yang hendak jadi jurulatih, RM600 sebulan, *office boy* pejabat saya pun tidak hendak RM600, driver pun tidak hendak menerima RM600 gaji sebulan, berilah tinggi-tinggi sedikit. Apakah rancangan kerajaan supaya jurulatih ini mempunyai motivasi peribadi dan boleh memotivasikan orang lain supaya menjadi atlet ataupun mewujudkan atlet dan ahli sukan yang cemerlang. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik teguran dan pandangan yang disuarakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Tetapi apa yang dibangkitkan itu sebenarnya lebih berkisar kepada sokongan, peri pentingnya sokongan yang patut kita berikan kepada atlet yang telah pun bersara. Ini satu-satunya dimensi yang saya rasa patut juga kita memberi penekanan yang sewajarnya. Dan bersabit dengan kejurulatihan seperti mana yang saya sebutkan tadi dalam jawapan saya, gaji ataupun elaun bulanan itu sebenarnya adalah untuk mereka yang mengambil kerja ataupun kerjaya kejurulatihan sebagai *part time*, dengan izin, ataupun kerjaya separa masa. Jadi, itu ada bezanya dengan elaun ataupun gaji bulanan yang dikhususkan untuk kerjaya *full time*, ataupun sepenuh masa. Sekian.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dalam konteks sukan di negara kita, kalau kita melihat sebagaimana yang disoal oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, masalah-masalah dalaman dalam badan-badan sukan kita, kita boleh melihat in public, bagaimana pergaduhan badan-badan sukan ini. Baru-baru ini persatuan ragbi menghadapi masalah dalaman yang berat. Kita boleh lihat sepak takraw juga menghadapi masalah yang berat dan begitu juga ini telah memberi kesan yang besar kepada prestasi sukan-sukan ini, begitu juga boleh sepak di negara kita. Walaupun telah pun disebut di negara kita selalunya kalau kita kalah kita menyalahkan pemain-pemain, tetapi adakah Yang Berhormat menyedari bahawa pegawai-pegawai yang memegang jawatan dalam badan-badan sukan ini terlalu lama, kadang-kadang sepuluh tahun, dua puluh tahun, dan tidak menerima hakikat bahawa *standard* bola sepak kita telah pun jatuh dan mereka tidak mengambil langkah-langkah yang positif.

Saya ingin penjelasan, Yang Berhormat adakah orang-orang yang memegang jawatan di badan-badan ini khususnya bola sepak, mereka mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu dalam badan-badan ini sehinggakan mereka tidak sanggup menerima hakikat bahawa tidak boleh dipersalahkan pemain sahaja, pegawai-pegawai mesti *gentleman*, kalau kalah mereka kena terima dan kena turun daripada jawatan mereka dan beri kepada orang lain. Minta penjelasan. *[Disampuk] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu atas soalannya, sebab ini setidak-tidaknya menunjukkan bahawa pihak PAS juga turut tunjuk minat dalam sukan. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat tadi, sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pertelagahan yang dimaksudkan itu sebenarnya tetap wujud dan ianya saya rasa bukanlah satu-satunya monopoli yang hanya berlaku di kalangan persatuan-persatuan sukan sahaja, dalam dunia politik pun itu sudah jadi begitu lumrah. Bagi saya apa yang penting itu adalah pertelagahan yang wujud, walaupun merupakan satu-satunya yang tidak dapat dielakkan di mana-mana persatuan ataupun aktiviti manusia tetapi apa yang penting adalah setakat mana kita akan dapat mengatasinya demi untuk kepentingan persatuan yang berkenaan khususnya, dan pembangunan sukan negara amnya, ini yang penting.

Sekiranya kita lupa daratan, maka ianya agak merbahaya dan ianya sudah tentu akan menjejaskan perkembangan dan juga pembangunan yang sihat untuk sesuatu acara sukan. Dan saya juga berharap pihak-pihak yang terlibat ataupun yang ghairah terlibat dalam pertelagahan itu ambillah iktibar daripada apa yang sentiasa kita sebut-sebut, iaitu jangan kita menang sorak kampung tergadai, itu yang pertama.

Yang keduanya, soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, bersabit dengan penyandang jawatan yang telah pun begitu lama ataupun sama ada mereka ini dapat terus menyumbang kepada pembangunan acara sukan yang berkenaan, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa soal pokok itu bukan sama ada penyandang jawatan itu telah pun menyandang jawatan lama atau tidak, itu bukan soal pokok, yang pentingnya itu adalah setakat mana seseorang penyandang jawatan itu dapat menyumbang secara berterusan, secara positif kepada pembangunan sukan berkenaan. Sekiranya seseorang itu ia dapat menyumbang kepada bola sepak misalnya, saya rasa tidak salah kiranya seseorang itu dapat dipilih secara demokratik oleh ahli-ahli ataupun anggota-anggota persatuan yang berkenaan. Jadi, itu bukan soal pokoknya.

7. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

(a) jumlah siasatan dan pendakwaan kes rasuah dan salah guna kuasa yang telah dilakukan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) dari tahun 2000 hingga kini.

(b) kedudukan penyiasatan pendakwaan yang dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, berhubung dengan campur tangan Perdana Menteri dalam penyiasatan dan pendakwaan ke atas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri oleh Pengarah BPR pada masa itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) dari tahun 2000 sehingga Jun 2002, Badan Pencegah Rasuah telah menjalankan 2,022 siasatan. Dalam tempoh tersebut BPR telah mendakwa seramai 401 orang.

(b) Badan Pencegah Rasuah ambil maklum mengenai dakwaan yang telah dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim itu, namun begitu tidak ada siasatan telah dijalankan mengenai dakwaan tersebut. Ini adalah kerana kes siasatan BPR yang melibatkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ditutup setelah Jabatan Peguam Negara …..

Beberapa Ahli Pembangkang: Hah!

Datuk Douglas Uggah Embas: Mahu dengarkah atau tidak? …..mendapati tidak ada keterangan yang mencukupi untuk meneruskan pendakwaan terhadap kes berkenaan.

Isu campur tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pendakwaan sesuatu kes juga tidak timbul, kerana pendakwaan kuasa untuk mendakwa atau tidak sesuatu kes itu adalah kuasa Peguam Negara, seperti termaktub dalam Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan, yang berbunyi: "Peguam Negara adalah mempunyai kuasa dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budi bicaranya bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa perbicaraan mengenai sesuatu kesalahan selain daripada perbicaraan di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Bumiputera atau Mahkamah Tentera."

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang diberi oleh kerajaan sebentar tadi. Dalam jawapan yang diberi tadi, saya rasa kecewa jugalah kerana daripada 2,022 hanya 401 kes sahaja yang dapat didakwa. Ini menggambarkan bagaimana tidak efisiennya Badan Pencegah Rasuah di Malaysia ini, kerana isu ini juga telah dibangkitkan oleh Perdana Menteri dalam ucapannya bahawa rasuah ini adalah …….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus kepada soalan Yang Berhormat, tidak usahlah yang lain-lain.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Soalan kedua Tuan Yang di-Pertua, mengenai ……

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kenapa ada dua pula Yang Berhormat?

Tuan Ramli bin Ibrahim: …. bukan……

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus, terus, terus. Cepat Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: Saya bercakap di sana bising ini, macam sarang burung ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila jawab Yang Berhormat, kalau dia tidak hendak. *[Ditujukan kepada Yang Berhormat Betong]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: Kes yang dibawa oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua, kerana dia pada waktu itu ialah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan yang didakwa ialah pembabitan laporan yang dibuat oleh Ketua Badan Pencegah Rasuah. Sudah pasti asas-asas yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu cukup, jika tidak kerana ada campur tangan oleh Perdana Menteri dalam kes seperti ini, sudah pasti Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak membuat pendakwaan tersebut. Kalau ini tidak disiasat seperti yang disebut oleh Menteri sebentar tadi, membuktikan bahawa adanya pendakwaan terpilih yang didakwa oleh pembangkang hari ini, dan saya rasa jawapan yang diberi tidak menepati seperti mana yang kita kehendaki. Saya minta apakah bersetuju dengan pandangan saya bahawa kes ini mesti disiasat semula. Terima kasih.

Datuk Douglas Unggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil untuk Yang Berhormat menuduh bahawa BPR tidak efisien semata-mata kerana jumlah yang didakwa adalah begitu kecil. Adakah ini pendirian Yang Berhormat untuk menangkap sesiapa sesuka hati tidak mengikut lunas undang-undang, saya pasti itu bukan maksud Yang Berhormat. BPR adalah satu badan membuat penyiasatan, menggumpul maklumat dan maklumat-maklumat tersebut akan dimajukan kepada Peguam Negara. Adalah terpulang kepada Peguam Negara untuk mendakwa atau tidak, kuasa ini jelas dan beberapa kes termasuk satu kes dari Kelantan yang telah disiasat, tetapi bukti tidak cukup dan tidak didakwa, walaupun itu satu laporan mengenai pihak dari sebelah sana. Jadi saya harap Yang Berhormat janganlah membuat tuduhan tanpa bukti yang cukup.

Mengenai pandangan Yang Berhormat yang kedua - itu adalah pandangan Yang Berhormat. Kita tidak terkejut kerana Yang Berhormat memang tidak mahu memahami apa perkara yang sebenarnya, *[Tepuk]* kerana kalau kita tangkap orang salah, itu adalah konspirasi, kalau kita tidak tangkap, itu adalah tangkapan pilihan – *our selective arrest of crony,* jadi semua tidak betul, tetapi Kerajaan Barisan Nasional tetap dengan pendirian kita memerangi rasuah, *[Tepuk]* dan saya berharap pihak di sebelah sana mengiktiraf kerja kita. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tuan Philip Benedict Lasimbang. Oh, satu lagi soalan, Gelang Patah ada berdiri yang kedua tadi Yang Berhormat. Sila. Maaf ya!

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya di dalam Dewan ini saya dapati bahawa pihak pembangkang sentiasa suka mengeksploitasikan kes-kes rasuah, *[Dibantah oleh pihak pembangkang]* bukan, sentiasa ulangi. *[Disampuk]* Dengar dahulu, dengar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat sama ada pihak kerajaan akan mewujudkan perkhidmatan yang lebih telus dan cekap, dan satu lagi ialah sama ada kerajaan ada rancangan supaya gaji-gaji pegawai kerajaan dinaikkan, kerana kita dapati daripada ajaran moral selama ini kita tahu *the love for money is the root of all evil,* tetapi pada masa sekarang ada orang kata *the lack of money is the root of all evil,* mana satu yang lebih betul. Dan oleh kerana pegawai-pegawai kerajaan, mereka pun ada keluarga hendak jaga….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat!

Tuan Chang See Ten: … ada kepentingan …..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah hurai Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: ...keperluan keluarga, pendidikan untuk anak mereka….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, tidak payah hurai.

Tuan Chang See Ten: Patut gaji mereka dinaikkan supaya mengurangkan gejala sosial negatif rasuah. Sekian, terima kasih.

Seorang Ahli: Kena diambil perhatian.

Datuk Douglas Unggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya pun tidak dapat memilih mana yang betul - *lack of money is the road of all evil,* atau *love for money is the road of all evil.* Walau bagaimanapun, soalan yang pertama, memang Kerajaan Barisan Nasional telah menjalankan program pembaharuan dan penambahbaikan dalam perkhidmatan awam. Ianya telah dijalankan dengan tujuan untuk membentuk satu perkhidmatan awam yang telus, yang efisien, yang cekap dan juga integriti yang tinggi dan ini bukan satu slogan di sebelah sini, tetapi ia benar-benar dijalankan dengan pelbagai program termasuk kita melaksanakan pelbagai program yang terkini, yang mengehendaki pelbagai jabatan kerajaan untuk mengambil pengiktirafan, misalnya ISO 9000 dan juga kita sedang melaksanakan *electronic government.*

Kesemua ini adalah suatu usaha daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk menentukan perkhidmatan kerajaan adalah satu perkhidmatan yang baik, yang telus, yang cekap, yang penuh dengan integriti, dapat memberi perkhidmatan *world class.* Mengenai gaji-gaji itu, ia dari masa ke semasa kerajaan selalu bersimpati dengan masalah kakitangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2003

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2003

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".

> "Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih tiga puluh enam bilion sembilan ratus enam puluh dua juta tujuh ratus tiga puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM36,962,737,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2003, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2003 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 2002 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan." ***[7 Oktober 2002]***

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Timbalan Menteri Dalam Negeri menyambung jawapan. Sebelum menyambung jawapan, ingin saya maklumkan bahawa kita masih ada 22 kementerian lagi yang belum membuat jawapan. Kita hanya dibenarkan dua hari sahaja lagi iaitu hari ini dan hari esok. Dengan keadaan ini, kalau hari ini tidak dapat diselesaikan, kita terpaksa menyambung Majlis kita pada hari ini dan hari esok.

Selain daripada itu juga untuk melicinkan lagi supaya kita berjalan lebih teratur dan mengikut masa yang ditetapkan, kemungkinan besar Pengerusi juga menggunakan Perkara 37(2) iaitu akan menahan orang yang selalu mencelah, sedangkan perkara itu berulang-ulang. Jadi saya sekarang menjemput Timbalan Menteri Dalam Negeri menyambung jawapan.

Kementerian Dalam Negeri

11.06 pagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua untuk mempercepatkan proses penyelesaian menggulung Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan kes-kes ragut yang semakin menjadi-jadi di kawasan Ipoh Timur seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, sebenarnya perkara ini perlu dilihat secara lebih luas. Secara keseluruhannya bilangan kes ragut di kawasan Ipoh bagi tempoh Januari hingga September 2002, …..

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada apa Yang Berhormat, hendak minta jalan? Ada apa Yang Berhormat?

Tuan Kerk Kim Hock: Bukan, banyak yang belum jawab. Sudah habis? Sudah habis hujah-hujah saya?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Belum habis, banyak yang belum jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa, itu hak dia Yang Berhormat, nanti dululah, duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Last, saya pun tidak mahu gaduh dengan Yang Berhormat, *last* sekali saya…..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak minta beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya berucap, bagilah saya.

Tuan Kerk Kim Hock: Akhir sekalilah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya jawab pasal Ipoh, pasal dia sudah habis.

Tuan Kerk Kim Hock: Semalam sambung saya punya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya habiskan satu kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah habis jawab Yang Berhormat!

Tuan Kerk Kim Hock: Belum! Banyak belum jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]* Saya tidak tahulah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sudah habis!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sudah habis Yang Berhormat, dia sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Bukan semalam, dia sudah*…..[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah habis, tidak usah macam itu Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Bagilah saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya ada tiga soalan yang penting!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia dah kata sudah habis Yang Berhormat, saya tidak tahu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua,……

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, tidak bagilah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua,….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia kata tidak boleh, tidak boleh, duduklah Yang Berhormat, dia tidak hendak jawab.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kalau dilihat *Hansard* jawapan saya semalam…..

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah Yang Berhormat!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ….saya sudah menyatakan menerusi penerangan di atas diharap….

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu hak dialah, dia hendak menjawab Yang Berhormat!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hak dia hendak menjawab, kalau dia kata sudah habis, sudah habis Yang Berhormat!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak hendak jawab.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Boleh!

Tuan Kerk Kim Hock: Balik, baliklah!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Lu baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kota Melaka, ……

Tuan Kerk Kim Hock*: [Berteriak tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usahlah Yang Berhormat itu macam.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulanglah kepada dia hendak menjawab Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kiralah, terpulanglah.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak memuaskan hati.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, duduk, Kota Melaka!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: You kena cermat sedikit, ….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka duduk!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: You cakap tidak mahu gaduh!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya sudah jawab habis dah semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: You hendak kira apa yang you hendak, Tuan Yang di-Pertua ……

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tidak boleh dengar apa yang sudah jawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, mana yang dia sudah jawab Yang Berhormat, duduklah, habislah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dia tidak boleh dengar kerana dia pekak.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habislah. Dia sudah habis jawab Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sudah habis!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulang Yang Berhormat. Duduk, duduk Yang Berhormat. Kota Melaka duduk!.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itu hak dia bercakap, hak saya menjawab.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, dia kata sudah habis, habislah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulang Yang Berhormat! Dia tidak bagi jalan, macam mana saya pula saya hendak kata….

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Semalam sudah ada jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kota Melaka sila duduk! Yang Berhormat Kota Melaka sila duduk!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Semalam saya sudah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak hendak jawab Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Semalam saya sudah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah Yang Berhormat!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang awak bercakap kita sudah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, duduk, duduk.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat cakap saya sudah jawab.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia tidak jawab banyak lagi… *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan pertikai begitu, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Memang banyak lagi tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak hendak jawab Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Memang banyak lagi tidak jawab.

Tuan Kerk Kim Hock*: [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan hujah awak!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan hujah awak, bukan hujah Yang Berhormat. Hujah Yang Berhormat sudah saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya banyak lagi yang hendak dijawab. Duduklah Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, saya gunakan kuasa saya Yang Berhormat, saya suruh duduk tidak hendak duduk, saya guna kuasa saya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Inilah daripada hati yang tidak ikhlas dan tidak jujur.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sekarang cakap …..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak hendak jawab, macam mana saya paksa pula.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pengawal, saya keluarkan Kota Melaka tiga hari.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat Kota Melaka Tuan Yang di-Pertua, jangan anggap Dewan ini dia punya seorang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah putuskan dia berdegil-degil, saya keluarkan dia tiga hari.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Keluarkan dia Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan …..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak perlu cadang!

Tuan Kerk Kim Hock: Apa pasal tiga hari keluar?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpulanglah kepada sayalah, ia tidak boleh lebih daripada sepuluh hari.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Membantah dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itulah saya kata dia tidak hendak jawab, suruh duduk, Yang Berhormat berdegil!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, dia tidak hendak jawab, saya suruh duduk!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah guna *point* itu Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya keluarkan dia tiga hari Yang Berhormat, sila *[Meminta Bentara Mesyuarat membawa Yang Berhormat Kota Melaka keluar Dewan].*

Tuan Kerk Kim Hock: Atas apa itu? *[Membantah dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kira itu, atas berdegil-degil saya suruh duduk… *[Beberapa orang Ahli Pembangkang campur tangan].*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Membantah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: …tidak kira, tidak kira. Sila keluarkan, sila keluarkan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Membantah dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Seorang Ahli: Minta dia keluar sudahlah bukan macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah saya minta dia keluar sahajalah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Berteriak dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada, tidak ada. *[Dewan riuh]*

Tuan Kerk Kim Hock*: [Masih membantah dan berteriak tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Pengawal, keluarkan.

Tuan Kerk Kim Hock*: [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, tidak apa Yang Berhormat. Saya sudah puas suruh duduk, dia tidak hendak. Keluarkan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih membangkang dan bercakap kasar]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Keluarkan!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Berteriak dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, saya suruh duduk, tidak mahu duduk, berdegil-degil.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Keluarkan Yang Berhormat, sila Pengawal. Saya sudah buat keputusan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih membantah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila. Sila jawab, sila jawab.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Masih bersungut dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup. Keluar.

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti dahulu. Atas apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa nantilah Yang Berhormat, sudah berdegil-degil saya suruh duduk, ….

Seorang Ahli: Keluar, keluar, keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Macam mana …..

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan cara apa?

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini adalah keputusan saya. Sila jawab Timbalan Menteri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya menyambung, kalau dapat disemak *Hansard* saya, saya telah membaca ayat ini semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Menerusi penerangan di atas, diharap isu ini …..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah ulang, jawab sahaja.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat, jawab yang lain terus.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Okey. Mengenai dakwaan kes-kes ragut yang semakin menjadi-jadi di Ipoh Timur ……

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak, tak saya sudah suruh dia jawab yang lain.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, …..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Keluar!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: … misalnya perkara ini perlu dilihat secara lebih luas. Dia keluar, dia keluar, dia tidak mahu dengar, dia keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa Yang Berhormat dia sudah keluar, sudahlah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada Yang Berhormat - Timbalan Menteri jawab, dia sudah keluar. Jawab teruskan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebenarnya perkara ini perlu dilihat secara lebih luas, secara keseluruhannya. Bilangan kes ragut di kawasan Ipoh bagi tempoh Januari hingga September 2002 adalah menurun dengan banyaknya iaitu 45.81% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2001.

Bagi tempoh Januari hingga September tahun lepas, jenayah ragut di kawasan Ipoh Perak adalah sebanyak 414 kes. Di dalam membanteras jenayah rompakan bersenjata api seperti yang dilakukan di Mid Valley Megamall baru-baru ini, pihak polis telah menubuhkan satu jawatankuasa khas, Task Force dengan izin bagi mengesan dan menangkap penjenayah-penjenayah yang terlibat. Pasukan khas ini turut bertanggungjawab bagi membanteras kegiatan-kegiatan samun atau rompak menggunakan senjata api oleh penjenayah-penjenayah lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan pertanyaan Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu mengenai kenyataan Ketua Polis Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tolong diamlah Yang Berhormat. Jangan buat macam itu Yang Berhormat. Nanti ramai lagi kena keluar…

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tentang hukuman hudud dan penganjur konsert polis UiTM di Kuala Terengganu. Sebenarnya kenyataan Ketua Polis Terengganu tersebut hanyalah ditujukan kepada pegawai dan anggota polis di kontinjen Terengganu. Dan beliau bukanlah bertujuan kepada umum sebaliknya merupakan penerangan kepada pegawai dan anggota polis di bawahnya bahawa tidak ada sebarang arahan daripada pihak atasan supaya polis membantu penguatkuasaan undang-undang yang masih belum dibuat keputusannya oleh mahkamah.

Konsert ataupun ceramah yang dijalankan di premis persendirian tidak memerlukan permit. Bagaimana pun jika konsert dan ceramah yang dilakukan di premis persendirian itu boleh mendatangkan kekacauan dan menjejaskan ketenteraman awam seperti yang berlaku di Terengganu baru-baru ini, pihak polis terpaksa mengambil langkah-langkah yang wajar supaya ketenteraman awam tidak terjejas termasuklah sekatan jalan raya dan sebagainya.

Ini berlainan dengan konsert PDRM di sebuah institusi pengajian tinggi di Terengganu baru-baru ini. Ia tidaklah menyalahi undang-undang kerana ia dilakukan di premis persendirian dan konsert itu didapati tidak mendatangkan sebarang masalah daripada segi keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan tentang wujudnya diskriminasi di antara pasangan penduduk tempatan wanita yang berkahwin dengan penduduk asing terutamanya di dalam masalah mendapatkan visa ataupun permit kerja. Di sini suka saya menjelaskan, kerajaan tidak mengamalkan diskriminasi dalam pengeluaran visa atau permit kerja kepada suami wanita warganegara Malaysia.

Apa yang berlaku adalah wanita tersebut berkahwin dengan pekerja asing di mana salah satu syarat pengeluaran permit kerja adalah pekerja asing tersebut tidak boleh berkahwin di Malaysia dalam tempoh tersebut. Sekiranya mereka berkahwin, permit kerja mereka akan terbatal, mereka terpaksa keluar daripada negara ini dan masuki semula ke Malaysia melalui Pas Lawatan Sosial.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan visa dibuat oleh pemohon di Kedutaan Malaysia di luar negara dan ia adalah sama dengan proses permohonan visa oleh warganegara Malaysia ke negara-negara lain yang memerlukan visa. Tidak terdapat apa-apa halangan birokrasi dalam hal ini.

Kerajaan amat menggalakkan suami atau isteri kepada warganegara Malaysia yang berada di luar negara tetapi yang utama sekali mempunyai kepakaran, untuk pulang dan berkhidmat di negara ini. Insentif-insentif yang diberikan untuk menggalakkan kepulangan mereka adalah seperti mereka boleh membawa masuk wang asing ke negara

ini selama dua tahun dan boleh membawa dua buah kereta tanpa dikenakan cukai dan akan diberi pertimbangan untuk menjadi penduduk tetap.

[Ahli Yang Berhormat bagi Cheras memasuki Dewan]

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ada seorang lagi pembangkang, pun banyak terima kasih …

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus Yang Berhormat, terus.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana boleh meneruskan. Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan tidak seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen bagi Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen bagi Kota Melaka ini seolah-olah dialah yang terpandai dan dialah yang jujur, dialah yang boleh berpidato dan dialah boleh bercakap. Saya ingin menyatakan di dalam Dewan ini, ucapan-ucapan dan kata-kata sumbang, kata-kata yang tidak tertib, kata-kata yang tidak teratur selalu dibuat oleh Ahli Parlimen bagi Kota Melaka ini. Kalau dia boleh mengeluarkan kata-kata seperti itu, satu hari kita juga boleh mengeluarkan kata-kata tegas seperti itu pada masa yang akan datang…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri Dalam Negeri. Saya mengikuti dengan khusyuk jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Menteri Dalam Negeri menjawab daripada petang semalam bermula 3.30 petang sampai 5.30 petang, disambung pukul 11.00 lebih pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya Yang Berhormat, cukuplah itu. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sepanjang Yang Berhormat menjawab, bertubi-tubi, bertujai-tujai, bertalu-talu, soalan-soalan yang dikemukakan yang kebanyakannya menghentam, mengkritik, membuat tuduhan kepada pihak polis oleh pihak pembangkang. Saya berterima kasih ,Yang Berhormat menjawab satu persatu.

Tetapi sebagai rakyat Malaysia kita amat terhutang budi kepada pasukan Polis Diraja Malaysia *[Tepuk]* Usaha merekalah, pengorbanan merekalah, keringat dan darah merekalah yang menjamin kestabilan dan keamanan rakyat dan negara. Perkhidmatan mereka sangat mulia dan perkhidmatan mereka sentiasa menghadapi cabaran-cabaran yang kadangkala tidak terfikir bagaimana perit dan jerihnya….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat, panjang sudah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: …. dalam usaha untuk memikul tugas dan tanggungjawab. Saya berharap kerajaan memberikan penghargaan dan rasa terima kasih yang tinggi kepada setiap diri pasukan Polis Diraja Malaysia atas usaha murni mereka dan jangan sekali-kali kita dan rakyat seluruhnya terpengaruh dengan elemen-elemen yang sengaja ditaburkan oleh pihak pembangkang dalam usaha untuk memburukkan imej pasukan polis…

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya, ini hendak bertanya ini…

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baru hendak bertanya. Itu mukadimah Tuan Yang di-Pertua, biasalah Sri Gading begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini bukan ucapan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apakah agaknya usaha-usaha kerajaan kita untuk meningkatkan lagi imej pasukan Polis Diraja Malaysia yang sangat-sangat berjasa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, di antara persoalan yang telah saya jelaskan kepada Dewan ini semalam termasuk perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka ialah perkara-perkara dan insentif-insentif yang telah dibuat oleh kepada kerajaan dan pasukan Polis Diraja Malaysia sendiri bagi menaikkan prestasi Polis Diraja Malaysia dan mengekalkan atau mengelokkan imej kerja-kerja mereka kepada rakyat dan kepada negara pada masa yang akan datang.

Insya-Allah daripada segi bilangan, daripada segi etika dan daripada segi kesungguhan anggota polis, saya yakin Kementerian Dalam Negeri amat yakin bahkan PDRM sendiri amat yakin bahawa imej dan prestasi Polis Diraja Malaysia akan lebih baik pada masa akan datang. Tetapi sebaliknya, saya tadi mengaitkan sedikit apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Dalam ucapannya semalam dia mengatakan bahawa Polis Diraja Malaysia memperbodohkan kementerian dan memperbodohkan Menteri Dalam Negeri termasuk Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Dan, ini saya yakin bahawa apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi …

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: …. Rompin semalam ….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Perkataan yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka adalah perkataan yang benar, memperbodohkan Menteri Dalam Negeri dan memperbodohkan Kementerian Dalam Negeri di dalam Dewan ini. Inilah kata sumbang yang biasa dilakukan, perkataan yang kasar, yang biasa dilakukan oleh Yang Berhormat bagi Kota melaka.

Dan, saya berharap Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini akan diambil tindakan yang tegas dan tahniah atas tindakan Tuan Yang di-Pertua *[Tepuk]* Mengambil keputusan menghalau mereka keluar daripada Dewan ini kerana mereka ini orang kata, orang tua-tua kata, orang bijak pandai kata, *"Yang cerdik susah diikut, yang bodoh susah hendak diajar".*

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, minta penjelasan?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya ini dan saya mohon untuk mendapat sokongan. Terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh hendak buat apa Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: 36(6)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada apa itu Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Tuduhan oleh Timbalan Menteri terhadap Yang Berhormat bagi Kota Melaka itu adalah terlampau. Apabila seorang …..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat…

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin menjelaskan di sini, memperbodohkan sebenarnya ialah mengelirukan, sama ertinya, *check dictionary*, kamus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah, Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat. *[Disampuk]* Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: *You* cakap, saya sudah habis Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah habis Yang Berhormat. *[Disampuk]* Cukup Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya jemput Kementerian Pertahanan.

Kementerian Pertahanan

11.25 pagi.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 2003 peringkat Dasar yang tamat pada 3 Oktober 2002 dan sedikit sebanyak telah menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan.

Ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar, Batu Pahat, Kuala Terengganu, Lumut menunjukkan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan begitu prihatin dan mengambil berat mengenai isu-isu keselamatan dan pertahanan negara serta aspek kebajikan anggota-anggota tentera kita.

Saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian bersedia menerima segala pandangan dan teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat demi melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih sempurna dan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar berkenaan terhadap anggota-anggota tentera yang masih menduduki rumah keluarga satu bilik. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa kini tidak terdapat rumah keluarga yang mempunyai satu bilik di Kem Lokawi dan Kem Desa Pahlawan.

Rumah-rumah yang sedia ada di kedua-dua kem tersebut mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik. Walau bagaimanapun masih terdapat rumah keluarga satu bilik di Kem Taiping, di Kluang yang mana tidak sesuai untuk menampung bilangan ahli keluarga melebihi enam orang. Kementerian telah menetapkan spesifikasi baru di mana setiap rumah yang dibina mempunyai tiga bilik.

Bagi rumah-rumah yang sedia ada di mana struktur pembinaannya masih kukuh ianya akan diubahsuai kepada tiga bilik dengan mencantumkan dua unit menjadi satu unit. Walau bagaimanapun, rumah-rumah yang masih mempunyai satu bilik, ianya akan dibina semula dengan rumah-rumah baru.

Contohnya di Kem Lokawi, kementerian akan membina sebanyak 180 unit rumah di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang terdiri dari kelas 'C' - 4 unit, kelas 'C' *flat* - 16 unit, kelas 'F' – 32 unit, kelas 'G' – 128 unit, keseluruhannya 180 unit. Bagi rumah-rumah yang usang, penggantian akan dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan

kem. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, daripada jumlah bilangan rumah usang sebanyak 3,375 unit, sebanyak 1,650 unit atau 50% daripada jumlah rumah usang ini telah dicadangkan untuk dilaksanakan penggantiannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyelenggaraan ke atas rumah-rumah keluarga, kementerian telah mengambil kira keperluan ini melalui selenggaraan khusus, peningkatan bangunan dan selenggaraan berjadual. Selenggaraan ini merangkumi kerja-kerja selenggaraan bumbung dan siling, bekalan air, pendawaian elektrik, sistem kumbahan dan pembetungan serta saliran.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai perkara isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat, kementerian memang menyedari tentang kurangnya minat kaum bukan Melayu menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Justeru itu, Angkatan Tentera Malaysia sentiasa berusaha menggalakkan lebih ramai kalangan belia bukan Melayu untuk menyertai perkhidmatan tentera.

Di antara langkah-langkah dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

(i) mengadakan pameran dan ceramah kerjaya di pusat membeli-belah, *shopping complex* seperti KLCC dan tempat lain-lain termasuk sekolah-sekolah terutama yang majoriti pelajarnya terdiri daripada kaum Cina dan India;

(ii) memperluas program pengambilan anggota dengan menyiarkan iklan-iklan pengambilan di dalam akhbar-akhbar utama termasuk akhbar bahasa Cina dan Tamil;

(iii) Angkatan Tentera Malaysia dari masa ke semasa melakukan usaha-usaha untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan, gaji, elaun, ganjaran dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada selaras dengan keadaan semasa dan perkembangan ekonomi;

Tuan Kong Cho Ha: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Lumut berdiri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya habiskan dahulu ini.

(iv) pihak Angkatan Tentera Malaysia juga bersedia untuk memberi ceramah di majlis perhimpunan kaum atau bangsa sekiranya di jemput.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Lumut.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk mengadakan *National Service* khasnya untuk belia lelaki untuk menangani gejala sosial, untuk menyemai sikap penyayang dan mencintai negara?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Lumut. Seperti yang telah saya jelaskan, kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan satu dasar iaitu *National Service* kerana kita tahu pada hakikatnya, kita masih mempunyai bilangan yang mencukupi untuk menampung keperluan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu supaya perolehan peralatan Kementerian Pertahanan dibuat secara lebih telus. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan sentiasa melaksanakan urusan perolehan berpandukan prinsip dan tata cara perolehan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Perolehan peralatan adalah diurus secara rundingan terus, tender terhad atau tender terbuka. Untuk mengurus perolehan secara rundingan terus dan tender terhad, kementerian perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

Bagi perolehan secara tender terbuka, ianya akan diiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang-bidang yang berkaitan sahaja yang boleh mengambil bahagian di dalam tender terbuka berkenaan.

Manakala bagi tender antarabangsa, ianya diiklankan di akhbar-akhbar berbahasa Inggeris tempatan dan juga disebarkan melalui kedutaan-kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi di Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua urusan tender perlulah melalui proses-proses yang telah ditetapkan. Sebelum urusan tender dilaksanakan, pihak pengguna iaitu Angkatan Tentera Malaysia dikehendaki menyediakan spesifikasi bagi perolehan-perolehan peralatan yang berkenaan. Untuk perolehan yang melibatkan penilaian teknikal, satu jawatankuasa teknikal akan ditubuhkan bagi menilai tawaran-tawaran berpandukan kepada spesifikasi yang telah ditetapkan.

Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran di dalam bidang yang berkaitan. Hanya penender-penender yang memenuhi keperluan spesifikasi sahaja yang akan dipertimbangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menyentuh saranan Yang Berhormat bagi Lumut berkenaan dengan cadangan penubuhan tabung khas bagi membantu anggota-anggota tentera sebagai pengiktirafan kesetiaan mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini sudah terdapat dua tabung khas yang diwujudkan bagi membantu anggota-anggota tentera iaitu Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPAN) dan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera. Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara telah ditubuhkan pada 5 November 1984, berikutan penggabungan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara dan Tabung Pertahanan Negara melalui Akta Parlimen, Akta 305 pada 18 Jun 1984. Sekretariat bagi tabung ini ialah Amanah Raya Berhad.

Objektif TAPAN ialah untuk memberi sumbangan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan dan keluarga mereka dalam bentuk membiayai bantuan-bantuan seperti berikut:

(i) sagu hati sebanyak RM18,000 kepada waris-waris anggota pasukan keselamatan yang meninggal dunia semasa bertugas. Sumbangan ini adalah sebagai bantuan nafkah kepada balu dan bantuan persekolahan kepada anak-anak mereka;

(ii) sagu hati kepada anggota keselamatan yang cedera semasa bertugas dengan jumlah sumbangan seperti berikut:

(a) sebanyak RM600 untuk cedera ringan;

(b) sebanyak RM4,000 untuk cedera parah;

(c) cedera parah yang mengakibatkan kecederaan kekal tetapi masih boleh berkhidmat akan menerima sumbangan sebanyak RM6,500;

(d) cedera parah yang mengakibatkan kecederaan kekal dan terpaksa diberhentikan daripada perkhidmatan akan menerima sumbangan sebanyak RM9,000;

(e) cedera parah yang mengakibatkan kehilangan pandangan kedua-dua mata menyebabkan sukar untuk mencari mata pencarian, kudung kedua-dua belah kaki atau lumpuh dari paras pinggang ke bawah dengan kadar sumbangan sebanyak RM21,000.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari tahun 1990 sehingga tahun 2000, sejumlah RM5 juta telah disumbangkan kepada seramai 9,013 anggota-anggota waris atau balu-balu yang layak ke atas pemberian ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Tabung Kebajikan Angkatan Tentera Yang Disatukan merupakan tabung rasmi Angkatan Tentera Malaysia. Tabung Kebajikan Angkatan Tentera diwujudkan dengan penggabungan Tabung Derma Pelajaran Kanak-Kanak Angkatan Tentera dan Tabung Derma Tanggungan Angkatan Tentera. Tabung ini ditubuhkan pada tahun 1965.

Penubuhan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera ini adalah untuk tujuan-tujuan seperti berikut:

(i) memberi bantuan dan pinjaman dalam kes-kes kesusahan kewangan atau apabila bantuan kebajikan diperlukan oleh anggota Angkatan Tentera yang sedang berkhidmat;

(ii) menyediakan bantuan untuk memenuhi keperluan segera balu atau tanggungan sekiranya berlaku kematian anggota-anggota yang sedang berkhidmat;

(iii) membantu ahli-ahli tabung dalam membiayai kos pendidikan menengah anak-anak anggota;

(iv) menyediakan kemudahan peralatan yang tidak disediakan di bawah peruntukan kerajaan;

(v) memenuhi permintaan-permintaan sampingan seperti derma-derma daripada organisasi atau badan yang memberi manfaat kepada anggota-anggota tentera.

Semenjak 10 tahun kebelakangan ini….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat….

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: …iaitu dari tahun….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lumut.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: …1993 hingga tahun 2002.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Kementerian Pertahanan atas tabung-tabung kebajikan untuk ATM dan saya hendak tanya, adakah tabung-tabung yang sedia ada itu juga untuk bekas anggota tentera kerana cadangan saya ialah menubuhkan satu tabung untuk membantu bekas anggota-anggota tentera yang begitu lama berkhidmat untuk kedaulatan negara.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Lumut. Sebahagian daripada apa yang saya sebutkan di peringkat awal, ia juga adalah merupakan kemudahan yang boleh diperolehi oleh anak-anak bekas tentera dan di samping itu kementerian ada juga mempunyai beberapa pendekatan seperti kita telah mewujudkan satu tabung yang diadakan setiap tahun di mana kita adakan pungutan derma daripada masyarakat, pihak swasta dan umum, kita dapat sedikit sebanyak menampung keperluan bekas-bekas tentera.

Di samping itu juga, kita mempunyai Jabatan Hal Ehwal Veteran yang telah diwujudkan oleh kerajaan di mana Jabatan Hal Ehwal Veteran ini ada sedikit peruntukan yang membolehkan jabatan ini membantu bekas-bekas pesara.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 10 tahun kebelakangan ini, dari tahun 1993 hingga tahun 2002, Tabung Kebajikan Angkatan Tentera telah memberi sumbangan dan kemudahan pinjaman seperti berikut:

(i) **Derma tanggungan.**

Tabung ini telah menyumbang derma kepada seramai 1,093 orang anggota bagi kes meninggal dunia iaitu RM500 untuk

setiap sumbangan dan telah membabitkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM546,500;

(ii) **Tabung pinjaman akademik anggota tentera tanpa faedah.**

Skim ini dilancarkan pada 13 September 1999 dan telah memberi kemudahan pinjaman kepada 181 orang pegawai dan 84 orang anggota lain-lain pangkat membabitkan pinjaman berjumlah RM1,381,000;

(iii) **Tabung pinjaman akademik anak anggota tentera tanpa faedah.**

Skim ini dilancarkan pada 5 Oktober 2001 dan telah memberi kemudahan pinjaman kepada 47 orang anak pegawai dan 5 orang anak anggota lain-lain pangkat membabitkan pinjaman berjumlah RM302,000.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Lumut agar Elaun Tetap Perumahan diterima oleh bekas-bekas anggota tentera, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bil. 7 Tahun 2000 telah menetapkan pemberian Elaun Tetap Perumahan yang juga dikenali sebagai Imbuhan Tetap Perumahan hanya layak dibayar kepada anggota tentera berkeluarga atau berkahwin yang sedang berkhidmat dan tidak menduduki rumah keluarga. Anggota-anggota lain yang masih berkhidmat dan disediakan rumah keluarga tidak layak mendapat Imbuhan Tetap Perumahan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa kini tidak terdapat sebarang peraturan dan peruntukan yang membenarkan kementerian memanjangkan Elaun Tetap Perumahan atau Imbuhan Tetap Perumahan kepada bekas tentera ataupun pesara tentera. Ia adalah selaras dengan peraturan kerajaan sedia ada di mana imbuhan tersebut hanya diberikan kepada anggota yang sedang berkhidmat dan tidak kepada anggota yang sudah bersara.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahajalah di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada di antara perkara yang tidak sempat saya jawab, insya-Allah kita akan memberi maklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Kementerian Kerja Raya.

<u>Kementerian Kerja Raya</u>

11.40 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkn saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tampin pada 2 Oktober 2002 telah meminta menteri memberitahu kenapa projek jalan raya di Tampin yang sepatutnya bermula pada bulan Jun tetapi masih belum berjalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembaikan jalan-jalan di Tampin telah ditender pada 6 Jun 2002 dan pada masa ini sedang dalam peringkat penilaian tender dan akan dimulakan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau pada 3 Oktober….

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tampin bangun.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya tadi sebut tetapi sebenarnya saya bukan sahaja tanya dari segi baik pulih jalan di Tampin tetapi saya lebih pentingkan jalan yang telah diluluskan antara Seremban ke Kuala Pilah yang mana saya masih ingat lagi ayat yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri, "Pasti bulan enam, kita akan mula ini jalan, jangan takut". Ha, ini menteri yang cakap, bukan saya cakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bulan enam kalu….

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tetapi bulan enam, saya tengok sekarang ini sudah bulan sepuluh, jentolak pun tidak nampak, mungkin di *workshop* lagi, tanah pun belum dibuka tepi lagi. Saya hendak tanya, apakah status keadaan ini, dari segi jalan yang diluluskan antara Kuala Pilah dengan Seremban. Kalau boleh, minta jawapan berhubung perkara ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bulan enam kalu….

Datuk Yong Khoon Seng: Sebenarnya jalan Seremban ke Kuala Pilah, telah ada satu kontraktor dilantik. Tadi yang saya jawab bukan jalan yang disebut oleh Yang Berhormat. Yang Yang Berhormat tanya itu memang sekarang sudah tender. Saya harap tidak seperti tidak boleh janji kah atau bila-bila boleh ditetapkan. *[Ketawa]* Saya tidak tahulah. Kita akan menyelidikinya. *[Ketawa]*

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Datuk Speaker. Soalan saya, saya kata, dahulu Dato' Menteri jawab, bukan saya cakap. Dia kata, "Bulan enam pasti jalan, jangan takut". Ini ayat dia. Hari ini saya tengok satu jentolak pun tidak ada lagi. Satu *bulldozer* pun tidak ada lagi. Apa masalahnya dan apa statusnya hari ini? Adakah projek ini akan diteruskan ataupun janji terus janji? Itu yang saya hendak tanya, apa masalahnya? Kalau boleh, kita bantu sama-sama. Itu yang saya hendak tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bulan enam kalu….

Datuk Yong Khoon Seng: Seperti yang saya sebut tadi, ia telah ditender dan akan bermula tidak lama lagi. *[Ketawa]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Menyampuk]*

Datuk Yong Khoon Seng: Saya tahu, okey. Ini yang sebenarnya. Yang Berhormat bagi Tebrau pada 3 Oktober meminta supaya kerajaan menimbangkan kos pengambilan balik tanah yang terlibat….

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tampin.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya tanya soalan mudah, Datuk Speaker. Soalan saya, apakah definisi 'tidak lama lagi'? Satu bulan, dua bulan, tiga bulan, enam bulan, satu tahun – definisi 'tidak lama lagi'. Hari ini saya hendak tahu pasal definisi 'tidak lama lagi'. Lima tahun pun boleh jadi 'tidak lama lagi'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Jadi, saya *quote* 'tidak lama lagi'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Setiausaha Parlimen sudah kata tender sudah dipanggil dan tidak lama. Jadi, dia pun tidak pasti dan tidak boleh berikan janji.

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya definisi 'tidak lama lagi' memang tidak lama lagilah. *[Ketawa]* Tidak dapat jawab itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, Yang Berhormat, mungkin satu minggu, mungkin satu bulan ya.

Datuk Yong Khoon Seng: Tidak lama lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak lamalah. Tidak apalah. Jadi Yang Berhormat, tidak lama lagi kalau masih tidak dibuat, boleh timbulkan dan tanya sekali lagi.

Datuk Yong Khoon Seng: Saya sambung. Menimbangkan kos pengambilan balik tanah yang terlibat dengan pembinaan jalan raya atau lebuh raya hendaklah dinilai berdasarkan harga tanah komersial dan bukan harga tanah pertanian sebagaimana amalan sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan mengenai kos pengambilan balik tanah pertanian berdasarkan harga tanah komersial kerana terlibat dengan pembinaan jalan raya dan lebuh raya adalah sukar untuk dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya penilaian JPJ bagi projek-projek jalan raya dan lebuh raya adalah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kerajaan. Jabatan tersebut mempunyai kriteria-kriteria tertentu untuk menetapkan kadar penilaian yang patut diberi kepada pemilik-pemilik tanah berkenaan yang terlibat berdasarkan status tanah semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen bagi Kuala Selangor pada hari yang sama, juga ada meminta Kementerian Kerja Raya untuk menaik taraf Jalan Persekutuan dari Asam Jawa melalui Simpang Tiga Ijok sehingga ke Penjara Sungai Buloh memandangkan ciri-ciri keselamatan di jalan tersebut adalah rendah dan kerap berlaku kemalangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedia maklum mengenai keperluan naik taraf Jalan Persekutuan dari Asam Jawa ke Penjara Sungai Buloh. Walau bagaimanapun, cadangan kementerian untuk menaik taraf jalan ini di bawah Rancangan Malaysia Kelapan tidak mendapat kelulusan oleh kerana terdapat projek-projek lain di Selangor yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Selangor bangun.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Mengenai jalan yang telah pun dijawab oleh kementerian, untuk pengetahuan saya mengharapkan sebagai mewakili warga rakyat Parlimen Kuala Selangor mengharapkan bahawa jalan ini perlu dinaiktarafkan, ikut cara mana untuk mencari bajet. Apa yang saya nampak hari ini, setiap minggu ada kemalangan maut di jalan yang mana berhampiran dengan jerat orang Cina dan juga bersebelahan dengan India. Boleh dikatakan setiap minggu ada kemalangan yang melibatkan maut. Jadi rasanya perkara ini perlulah kiranya kementerian mengambil tindakan dan saya telah menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pun, dia mengakui bahawa jalan itu memang belak belok dan mungkin diakui oleh wakil bagi Sabak Bernam pun tahu jalan itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan wakil bagi Sabak Bernam, Yang Berhormat? Jalan ini memang jalan yang mustahak sangat untuk di*upgrade*kan. Saya mengharapkan supaya perkara ini diambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya akan sampai ke sana. Saya akan seterusnya menjawab.

Kementerian akan menggerakkan semula projek ini sewaktu kajian semula separuh penggal nanti. Bagi memperbaiki jalan-jalan utama di sekitar Kuala Selangor, kerja-kerja pembesaran dan pelebaran jalan telah dimasukkan dalam program naik taraf. Jalan Persekutuan laluan ke lima iaitu Banting, Klang, Sabak Bernam yang kini sedang dalam peringkat pembinaan. Bagi bahagian Kuala Selangor ke Tanjong Karang, adalah terletak di bawah Fasa A dan dijangka siap pada awal tahun 2003. Sementara itu, bahagian Kapar ke Kuala Selangor adalah terletak di dalam Fasa B dan dijangka siap pada tahun 2004. Bagi memudahkan lagi lalu lintas menyeberangi sungai di Kuala Selangor, satu jambatan baru turut dibina di bawah program ini yang kini sedang dalam peringkat pembinaan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen bagi Bukit Bintang pada 3 Oktober 2002.....

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, Kuala Selangor bangun.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian yang telah pun berusaha dengan gigih untuk memastikan bahawa jalan ini disegerakan, yakni disiapkan. Namun, apa yang berlaku ialah manakala pembinaan dibuat, cuma ada penghalang kecil sahaja dengan tali merah, putih dan ini mengakibatkan selalu berlakunya kemalangan dan lampu-lampunya pun kurang. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk memastikan bahawa keselamatan pengguna ini akan diambil kira dari masa ke semasa terutama jalan ini adalah jalan yang penting, yang mana jalan ini menembusi terus ke utara, sampailah ke Sabak Bernam, terus menghala ke utara, Perak dan seterusnya. Saya mengharapkan pihak kementerian supaya mencari jalan untuk memastikan keselamatan terutama kepada pengguna waktu malam, terutama pada hari Sabtu petang dan juga malam Isnin, mereka balik dan mereka pulang balik ke Kuala Lumpur. Terima kasih.

Datuk Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Kita akan menelitikan perkara ini khususnya dalam pembinaan di mana pengurusan jalan perlu dipertingkatkan dan keselamatan dijaga dengan baik. Saya akan menelitikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen bagi Bukit Bintang pada 3 Oktober telah meminta penjelasan mengenai aduan para pengguna di kawasannya yang mendakwa pihak PUAS telah mengenakan caj kepada para pengguna bagi penggantian paip-paip air lama di kawasan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, adalah tidak benar dakwaan ini bahawa pihak PUAS Berhad mengenakan sebarang caj kepada pengguna bagi penggantian paip-paip agihan air utama.

Ini kerana semua paip agihan sehingga ke meter pengguna adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab pihak berkuasa air negeri iaitu PUAS Berhad. Oleh itu, sebarang kos terlibat bagi menggantikan paip-paip tersebut adalah ditanggung oleh PUAS Berhad. Walau bagaimanapun, ingin saya menjelaskan di sini bahawa kos bagi kerja-kerja penggantian paip selepas meter iaitu daripada meter pengguna sehingga ke paip dalam di rumah atau bangunan kediaman adalah di bawah tanggungjawab pihak pengguna sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen bagi Setiu turut membangkitkan tentang isu bekalan air semasa mengambil bahagian dalam sesi perbahasan bajet. Beliau mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan kajian sumber bekalan air yang mapan bagi keperluan masa hadapan memandangkan terdapat kajian menunjukkan beberapa buah negeri dijangka akan menghadapi masalah kekurangan bekalan air pada masa hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat, satu pelan induk pembangunan sumber air telah pun disediakan oleh kerajaan bagi menentukan sumber bekalan air di negara ini mencukupi dan dapat memenuhi permintaan sehingga tahun 2050. Pelan tersebut yang dihasilkan melalui kajian sumber air negara, telah disiapkan pada Jun tahun 2000. Ia menetapkan syor mengenai dasar dan pengurusan sumber air peringkat Persekutuan dan negeri serta mencadangkan program pelaburan untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan.

Ketika ini, program-program bekalan air yang dicadangkan hasil daripada kajian tersebut sedang dan akan dilaksanakan dalam setiap rancangan lima tahun negara iaitu bermula daripada Rancangan Malaysia Kelapan ini. Di samping itu, kerajaan juga ketika ini sedang dalam peringkat menggubal satu dasar berkaitan pembangunan sumber air di negara ini. Dasar tersebut dikenali sebagai Polisi Air Negara, bertujuan untuk memelihara, membangun, mengurus dan menggunakan sumber air daripada perspektif nasional dengan berasaskan tatacara Persekutuan dan pemeliharaan. Ia meliputi aspek lembangan sungai, perlindungan kawasan tadahan dan takungan air serta menangani isu pemindahan air antara negeri dan antara lembangan. Apabila siap kelak, dasar ini akan dibentangkan dalam Majlis Air Negara, iaitu forum yang berperanan untuk menyelaras semua aspek berkaitan perancangan dan pembangunan sumber air di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen bagi Setiu juga mencadangkan penguatkuasaan terhadap kawasan-kawasan tadahan air di negara ini diperketatkan bagi

mengelakkan pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebagaimana telah saya maklumkan tadi, perlindungan terhadap kawasan tadahan dan takungan air adalah antara aspek yang turut diberikan perhatian dalam draf Polisi Air Negara. Ia juga mencadangkan penguasaan terhadap kawasan tadahan dan empangan termasuk juga kawasan tadahan di luar empangan bagi tujuan mengekalkan keutuhan empangan dan memelihara kualiti air takungan.

Walaupun begitu, perkara air dan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan melalui pelbagai forum dan platform seperti Majlis Tanah Negara telah menasihati semua kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan tadahan air di negeri masing-masing. Tumpuan terhadap perlindungan dan pemuliharaan kawasan tapak empangan sedia ada adalah penting bagi memastikan program sumber bekalan air di negara ini dapat dilaksanakan mengikut rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek infrastruktur khususnya bekalan air di daerah Setiu Terengganu, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Setiu Peringkat II dengan kos sebanyak RM126.5 juta. Projek ini akan dilaksanakan dalam dua fasa dan dijangka siap pada tahun 2004 dan ia seterusnya dapat mengatasi masalah kekurangan air di daerah tersebut. Pada masa kini, Kementerian Kerja Raya sedang menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melantik kontraktor yang berjaya untuk melaksanakan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Setiu juga ada mencadangkan supaya kerajaan tidak lagi menjual air mentah kepada Singapura sebaliknya menjual air yang telah dirawat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian 1961 dan Perjanjian 1962 antara Kerajaan Johor dengan Lembaga Bekalan Awam Singapura atau Public Utility Board telah memberikan hak kepada Public Utility Board untuk mengambil, menakung dan menggunakan air mentah sebanyak 338 juta gelen sehari dari beberapa sumber air di negeri Johor.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum isu bekalan air antara Malaysia dan Singapura ini merupakan isu yang sensitif dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati dan bijaksana kerana ia melibatkan kepentingan dua hala. Pada masa ini kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri telah dan akan mengadakan beberapa siri rundingan dengan Kerajaan Singapura bagi mencari persetujuan untuk menyelesaikan perkara itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita selalu sifat mengalah, apabila menceritakan hubungan Singapura-Malaysia kita akan mengatakan sensitif dan kalau kita sebut juga berkenaan air antara kita dan Singapura, kita pun katakan sensitif. Kita selalu bersifat mengalah. Sifat mengalah kita ini diambil kesempatan oleh jiran yang cuba mengambil keuntungan dari sifat mengalah kita. Tiga sen seribu gelen, gula-gula sebiji pun sudah tidak dapat tiga sen. Singapura menjual air ke kapal USD28, berapa ribu kali ganda. Kita hendak minta naik 60 sen, tahun 2002 hingga ke 2007. Bukan banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak memberikan penjelasan atau hendak meminta penjelasan. Sudah dua minit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi apa saya hendak buat Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu pun saya tidak tahu. Saya pun tidak faham apa Yang Berhormat hendak buat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ialah apa saya hendak buat. Saya hendak melahirkan rasa kecewa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Yang Berhormat sudah sampaikan semasa Yang Berhormat berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, pasal Setiausaha Parlimen menjawab sensitif. Saya sebagai rakyat Malaysia tidak berapa sedap dengan jawapan ini tidak begitu merangsangkan, mengalah. Sebab itu saya dalam ucapan saya, saya mencadangkan supaya air kumbahan kita diberikan kepada Singapura. Saya dengar orang Singapura marah kepada saya tetapi kita hendak menolong pasal dia sudah menggunakan *new water.* Hendak memproses *new water* lebih mahal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apa soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalan Tuan Yang di-Pertua, ini dalam perjalanan saya hendak menyoal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lambat .

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi sahabat saya Setiausaha Parlimen JKR ini saya sudah lama mengenalinya. Saya tidak mahu menyusahkannya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sahabat awak boleh bincang di luar Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Saya tidak mahu menyusahkan. Saya cerita di tempat lainlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sambung nanti Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya berharap Setiausaha Parlimen tidak jawab pun tidak mengapa biar Menteri luar menjawabnya. Rundingan peringkat pegawai akan berlangsung pusingan yang ketiga dalam bulan ini di Kuala Lumpur. Cuma saya berharap para pegawai kita sebelum sampai ke peringkat Menteri tolong bertegas, jangan bertolak ansur atas permintaan kita, bukan tidak bertolak ansur atas seolah-olah kita hendak menekan Singapura, tidak.

Jangan bertolak ansur atas saranan kita, cadangan kita supaya 60 sen 2002 sehingga 2007 itu dipertahankan. Selepas itu kita berundinglah harga-harga yang berikut. Kalau tidak hendak murah kita punya air kumbahan. Saya ingat dua sen pun boleh kita berikan untuk seribu gelen, kurang satu sen dan Singapura cuma ada 1% dia punya air kumbahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang hendak bertanya siapa? Hendak bertanya dengan JKR atau Kementerian Luar Negeri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham maksud saya, dia sahabat saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya berharap rundingan akan terus dijalankan yang mana tidak akan menjejaskan cara mereka akan berunding supaya dapat menyelesaikan perkara ini. Komen-komen yang ……

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak boleh menyerahkan kepada Kerajaan Negeri Johor sahaja untuk mengendalikan isu air dengan Singapura ini. Sebab Kerajaan Negeri Johor cukup lemah dalam hal ini *[Tepuk]* Perdana Menteri kita Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini lantang menasihatkan negara-negara Arab dalam masalah dengan Timur Tengah, dengan Israel, dengan Amerika gunakan senjata minyak kita. Wah! bukan main hebat Perdana Menteri kita hendak mengajar Timur Tengah

begitu, begini. Kita sudah puluhan tahun kes air ini, kenapa tidak kita pakai nasihat itu gunakan senjata air dengan Singapura. Minta penjelasan.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya tidak perlu menjawab soalan ini. Rundingan di antara dua kerajaan memang di antara dua negara itu dan apa cara dengan mereka lebih baik kita ada rundingan dan menyelesaikan masalah tersebut. Saya tidak ada komen berkenaan ini lagi. Tuan Yang di-Pertua akhir sekali saya merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan bajet. Kalau ada perkara-perkara yang saya tidak dapat jawab di sini kita akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan susulan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan. Sila.

Kementerian Pengangkutan

12.07 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang fungsi bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Kementerian ini menghargai pandangan dan teguran yang telah diberikan semasa sesi perbahasan di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun ingin saya tegaskan di sini bahawa kementerian akan sentiasa melaksanakan tugas sebaik mungkin supaya prestasinya terus-menerus dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sibu ada mencadangkan penerbangan domestik ke Sibu ditambah untuk menjana industri pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan secara amnya memang memberikan penumpuan akan keperluan dalam mengembangkan industri pelancongan negara. Dalam hal ini Penerbangan Malaysia, MAS akan mengkaji sebarang cadangan untuk menambah penerbangan domestik ke mana-mana destinasi termasuk Sibu, bila mana terdapat permintaan ataupun keperluan untuk berbuat demikian. Pada masa ini Sibu boleh dihubungi secara langsung daripada Kuala Lumpur ataupun melalui penerbangan sambungan di Kuching.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Batang Lupar ada membangkitkan isu mengenai aspek keselamatan di KLIA. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat keselamatan operasi diberi keutamaan di setiap lapangan terbang Malaysia. Perkhidmatan keselamatan yang disediakan di KLIA adalah berasaskan kepada piawaian-piawaian yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa atau ICAO. Kawalan keselamatan dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut keadaan seumpamanya selepas peristiwa 11 September 2001. Kawalan keselamatan di KLIA telah pun dipertingkatkan seperti mana lapangan terbang Antarabangsa lain serantau.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai meningkatkan prasarana KLIA supaya pengeksport tertarik menggunakan KLIA daripada Changi Airport. Tuan Yang di-Pertua, memang merupakan dasar kerajaan untuk memajukan KLIA sebagai pusat yang menarik bagi pengeksport barangan udara dari Malaysia. Selaras dengan dasar ini kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan di KLIA oleh MAB, MAS dan KLAS adalah bertujuan untuk menarik pengeksport-pengeksport menggunakan KLIA sebagai pusat pengeksport barangan bukan sahaja dari Malaysia tetapi dari negara-negara jiran.

Tindakan akan terus diadakan bukan sahaja untuk meningkatkan mutu perkhidmatan tetapi membuat promosi untuk tujuan meningkatkan lagi kegunaan kemudahan kargo yang sedia ada di KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan juga membangkitkan supaya mewujudkan kemudahan-kemudahan untuk pelbagai peringkat penumpang seperti istirahat, mandi yang kini hanya ada di *lounge* kelas *business* dan kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kemudahan-kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan di KLIA adalah setanding dengan mana-mana lapangan terbang antarabangsa. Namun demikian usaha akan diteruskan untuk meningkatkan perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Untuk makluman, kemudahan istirahat dan mandi hanya disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mengendalikan *lounge* bagi penumpang-penumpang yang membuat perjalanan masing-masing sebagai penumpang kelas pertama atau kelas *business*. Seperti di lapangan-lapangan terbang antarabangsa di negara-negara lain, pengurusan lapangan terbang tidak dapat mengadakan kemudahan yang setanding itu seperti mana yang terdapat di lounge syarikat-syarikat penerbangan-penerbangan kerana ianya melibatkan kos yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan juga menyentuh mengenai…..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak bertanya sedikit berhubung dengan masalah tambang. Tambang kapal terbang daripada Kuala Lumpur ke luar negara dengan tambang kita naik daripada Singapura melalui Kuala Lumpur, Kuala Lumpur ke luar negeri lebih murah. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat apa sebab? Saya contohkan saya hendak pergi ke Europe, ke Amerika, saya naik business class, daripada Singapore tiba ke Kuala Lumpur menaiki kapal terbang yang sama dengan orang yang menaiki daripada Kuala Lumpur, murah RM11,000 lebih tetapi saya naik daripada Kuala Lumpur hendak pergi ke tempat yang sama RM14,000 lebih. Ini kenapa berbeza jauh Yang Berhormat, tidak bolehkah harga itu disamakan bermakna saya kalau hendak tambang murah saya boleh naik daripada Singapura. Jadi, ini saya hendak meminta sedikit macam mana boleh berlaku seperti ini.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kementerian dan juga MAS tahu perkara ini. Seperti yang kita tahu memang penerbangan SIA adalah lebih besar, mereka mempunyai lebih kapal terbang dan mereka sengaja mengadakan tambang yang lebih murah untuk mengadakan 5% kerusi untuk kacau MAS. Itu satu strategi sahaja. Oleh itu memang kita pun ada membuat begitu juga, kita pun ada kerusi yang lebih, kita pun berbuat begitu juga supaya kita boleh lawan mereka dan menarik penumpang dari Singapura ke Kuala Lumpur ke destinasi akhir.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat ini salah sedikit. Saya cerita itu kapal terbang yang sama, cuma saya naik daripada Singapura, tiba di Kuala Lumpur naik MAS 002 atau 009.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kapal terbang yang sama?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya. Itu bukan SIA, dekat Kuala Lumpur itu memang sudah sedia MAS untuk bertolak saya naik daripada Singapura, tiba ke Kuala Lumpur naik MAS, mahal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat boleh siasatlah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh, hendak siasat ya berapa lama? *[Ketawa]*

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Saya akan menjawabnya secara bertulis.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Baiklah, tahun hadapan, tahun hadapan lah cakap dahulu.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan ada menyentuh mengenai Labuan sebagai …..

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah bangun.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Labuan sebagai pusat international ship registry.

(i) cadangan penubuhan Labuan Maritime Authority;

(ii) cadangan penubuhan Labuan Ship Owner Association;

(iii) cadangan penubuhan sekolah nautical Labuan.

Tambang itu memang tidak ada di dalam jawapan saya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Amboi nak pujuk baru dapat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: MAS telah menurunkan tambang 50% kepada orang yang *booking* awal, setelah Air Asia menurunkan harga tiket mereka dan 50% diberi kepada yang *booking* awal, tetapi sebagai penumpang mereka tidak pernah dapat harga 50% itu, kebanyakannya diambil oleh syarikat-syarikat penerbangan, ejen-ejen penerbangan. Mereka inilah yang menikmati tambang 50% itu dan mereka jual kepada pelanggan dengan harga penuh. Apakah benar perkara ini sedang berlaku, kerana saya tanya tempat kaunter tiket, mereka kata tidak pernah pun kami jual tiket yang harga murah itu, kerana telah ditempah oleh agensi pelancong. Jadi turunnya harga 50% itu yang dapat menikmatinya ialah syarikat-syarikat penerbangan, bukan orang awam. Ini minta penjelasan.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasihlah Yang Berhormat, setelah Air Asia dapat membuat satu struktur baru dalam penerbangan, iaitu memberi tambang yang agak murah kalau dibanding dengan MAS. MAS juga menurun tambangnya purata….

Puan Chew Mei Fun: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: …..ada di antara 45% hingga 50% kurang dari dahulu dan MAS ada memberikan 10 kerusi tiap-tiap penerbangan untuk ke destinasi domestik.

Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa ada *what do they call*, *ticketing agent* yang dapat faedah, kita akan semak perkara ini, memang apabila MAS mengadakan program ini, kita pun tahu insiden ini boleh berlaku, memanglah ada salah guna kuasa. MAS pun ada satu *auditing group* yang menyemak perkara ini. Oleh itu Yang Berhormat jangan bimbang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sudah bangun lama.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya nak beritahu kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana baru-baru ini saya dapat 50% diskaun bila saya pergi ke Kedah. Oleh itu apa yang diberitahu oleh Kuala Kedah adalah tidak betul. Adakah Yang Berhormat sedar? Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasihlah Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara, jiran saya - cukuplah. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Kamarudin bin Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: …. Kementerian Pengangkutan tidak melihat keperluan *maritime authority* diwujudkan di Labuan memandangkan institusi-institusi yang sedia ada…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat, Yang Berhormat sudah tujukan….

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: …memadai bagi mengawal selia dan merancang pembangunan industri *maritime* di Labuan. Malahan satu jabatan baru - Jabatan Laut Semenanjung telah pun diwujudkan di Labuan, iaitu Jabatan Laut Wilayah Labuan yang mana bertanggungjawab khususnya kepada *industry maritime* di Labuan bersama-sama Kementerian Pengangkutan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Labuan supaya ditubuhkan Labuan, *Ship Owner Association,* sukacita dimaklumkan bahawa pertubuhan persatuan seumpama itu sewajarnya menjadi inisiatif di pihak pemilik kapal-kapal di Labuan sendiri. Kementerian tidak ada halangan jika ini menjadi kenyataan, walaupun telah ada *Malaysian Ship Owner Association* di mana pemilik-pemilik kapal di Labuan boleh menjadi ahli.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini dua buah institusi latihan telah pun diluluskan untuk menjalankan kursus-kursus modul asas, *standard of training, certification and wash keeping* (CTW) 1995 di Labuan. Oleh yang demikian, kewujuduan kedua-duanya adalah memandai bagi menampung permintaan di Labuan dan di persekitaran.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan ringkas saya berhubung dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada lagi……..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana membenarkan saya untuk bertanya ekoran daripada Yang Berhormat Kuala Kedah dan Petaling Jaya Utara, berkaitan dengan pertandingan antara syarikat-syarikat penerbangan domestik dalam negara kita, iaitu antara MAS dengan Air Asia. Air Asia kita tahu membawa suatu konsep yang baik iaitu konsep tambang murah dan penerbangan yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan utama seperti minuman, layanan dan sebagainya. Tetapi nampaknya Air Asia sendiri telah meruntuhkan konsep mereka ini, sebab apabila mereka dipindahkan dari Subang ke KLIA, pada satu hari tiba-tiba saya saksikan bahawa ada *carpet-carpet* merah dipasang di tempat-tempat menempah dan *check in* di KLIA. Saya teliti rupanya Air Asia pasang *carpet-carpet* merah, ini kita semua tahu. Minggu depan saya hendak balik sekali lagi ke Kelantan nampak *carpet-carpet* hijau pula. Rupanya MAS hendak lawan dengan Air Asia *carpet* merah dia hendak lawan dengan *carpet* hijau, *carpet* hijau menanglah sudah tentu dalam kes ini.

Seorang Ahli: Belum tahu lagi!

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tapi ini masalahnya bahawa Air Asia sepatutnya mempelopori konsep tambang rendah, tetapi dia menaikkan kos dengan memasang *carpet* yang tidak perlu dan *carpet* ini menutup lantai granite yang amat penting dan cantik, dan kita tahu granite itu dibekalkan oleh syarikat anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, ketika membuat KLIA dahulu. Jadi ini saya fikir suatu dasar KLIA juga, dasar MAS dan dasar Air Asia khususnya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen patut tegur supaya mengekalkan konsep tambang rendah supaya kita pengguna dapat keuntungan dan tidak berlumba-lumba *carpet* dan menutup granite yang cantik yang disediakan, dibekalkan oleh syarikat anak Perdana Menteri itu. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat bagi Tumpat, kementerian akan mengambil perhatian mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin seperti Yang Berhormat bagi Tumpat kerana telah sudi meluangkan masa bagi membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Sila.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

12.23 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2003 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20hb September 2002 banyak menyentuhkan mengenai kepentingan ICT sebagai teras kepada pembangunan negara. Bagi mencapai matlamat ini kementerian akan melaksanakan program-program yang telah digariskan dalam Bajet 2003 bagi mempercepatkan peralihan ke arah ICT serta penyediaan infrastruktur elektrik dan telekomunikasi termasuk di kawasan luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah mensasarkan matlamat penyediaan infrastruktur perkhidmatan elektrik di seluruh negara sebanyak 95%. Perkhidmatan telefon talian tetap sebanyak 30%, perkhidmatan selular sebanyak 38% dan Internet sebanyak 25% di seluruh negara menjelang tahun 2005. Terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan sebuah pelan induk latihan dan perancangan tenaga manusia untuk meramaikan bilangan *knowledge workers,* dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat rancangan induk tenaga kerja adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia, dan aspek pembangunan sumber manusia termasuk dalam bidang ICT telah pun dimasukkan sebagai teras utama dalam pelan rangka rancangan jangka panjang ketiga. Dalam teras ini sistem pendidikan dan latihan akan diorientasikan semula supaya pengetahuan kemahiran dan kepakaran yang diperolehi dapat menyokong ekonomi berasaskan pengetahuan, dalam pada itu aspek tenaga manusia juga diberi perhatian dalam pembangunan MSC, di mana sehingga 30hb September 2002, MSC telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada 18,906 orang dengan 15,951 terdiri daripada golongan *K-Workers,* dengan izin.

Mengenai cadangan meliberalisasikan kemasukan tenaga pakar asing ke bidang ICT, kerajaan telah mengenakan skim galakan untuk tenaga-tenaga pakar rakyat Malaysia termasuk dalam bidang ICT yang bekerja di luar negara supaya kembali ke tanah air. Kerajaan telah bersedia menimbangkan permohonan mana-mana pihak yang terbukti memberi sumbangan dalam bidang ICT untuk tinggal dan bekerja di negara ini.

Kerajaan juga menyedari tentang peri pentingnya peranan yang dimainkan oleh bahasa Inggeris dalam memajukan pembangunan ICT di negara ini. Untuk itu kerajaan telah mengenakan perancangan untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk mata pelajaran Sains dan Matematik. Kita sedar perkara ini akan mendapat tentangan dari setengah pihak, namun setelah memikirkan kepentingan negara untuk maju bergerak ke hadapan dalam bidang ilmu khasnya ICT, perkara ini terpaksa dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat sedar bahawa penghayatan terhadap undang-undang *cyber* sangat penting untuk membolehkan rakyat ini menjadikan pengamal bidang ICT secara bertanggungjawab di samping menarik keyakinan pelabur-pelabur asing ke negara ini serta menjamin kejayaan E-Dagang di Malaysia.

Pada masa sekarang, tahap jenayah *cyber* masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti USA dan Australia. Bagi menangani masalah jenayah *cyber,* kerajaan telah membenarkan enam undang-undang *cyber* dan beberapa undang-undang lain pula sedang dipertimbangkan. Dalam hubungan ini kementerian bersama-sama agensi-agensi yang lain seperti MAMPU, SIRIM, MIMOS dan badan-badan ikhtisas seperti Persekutuan Komputer Kebangsaan Malaysia MSCC sedang berusaha meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap keselamatan rangkaian komputer termasuk dari segi penggunaan piawaian sistem pengurusan keselamatan bagi organisasi-organisasi.

Mengenai cadangan supaya memasukkan mata pelajaran undang-undang *cyber* di pusat-pusat pengajian tinggi, kementerian berpendapat ini merupakan satu cadangan yang baik dan tindakan akan diambil untuk melaksanakannya.

Berhubung kemajuan terhadap undang-undang perlindungan data peribadi yang sedang dirangka oleh kementerian ini, suka saya memaklumkan bahawa berikutan dengan keputusan kerajaan supaya draf rang undang-undang ini dibawa kepada perundingan awam terlebih dahulu sebelum dibentangkan di Parlimen. Kementerian telah menerima banyak maklum balas daripada pihak industri, jabatan-jabatan kerajaan dan juga NGO, berasaskan maklum balas tersebut kementerian sedang memperkemaskan rang undang-undang ini sebelum dibawa kepada kerajaan dan ke Parlimen yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menentukan semua golongan rakyat mendapat akses maklumat yang lebih saksama, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk merapatkan jurang digital di antara kumpulan-kumpulan dan di kawasan-kawasan di negara ini. Antara inisiatif-inisiatif tersebut termasuk program Internet desa oleh kementerian ini, projek infodesa oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pusat-pusat latihan teknologi maklumat belia oleh Kementerian Belia dan Sukan, pusat-pusat latihan teknologi maklumat untuk para usahawan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, Unit Internet bergerak oleh Kementerian Pendidikan dan MIMOS dan perbelanjaan makmal komputer untuk sekolah-sekolah oleh Kementerian Pendidikan.

Selain daripada itu di bawah program USB, kerajaan juga telah melancarkan projek pembekalan talian ke 220 sekolah di Sabah dan Sarawak di mana kemudahan yang ditawarkan termasuk telefon-telefon awam. Oleh kerana sekolah-sekolah ini terletak di kawasan pedalaman, teknologi V-set dengan izin, *very small opportune terminal* telah pun digunakan. Pada tahun 2003, program ini akan diperluaskan di mana infrastruktur komunikasi ini bukan sahaja untuk sekolah-sekolah tetapi meliputi juga klinik-klinik dan perpustakaan luar bandar di kawasan-kawasan pedalaman.

Mengenai dakwaan yang mengatakan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia tidak membuat pembayaran sepenuhnya kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad untuk projek-projek Universal Service Obligation (USO), perkara ini sedang disemak oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun saya difahamkan bahawa jumlah yang ditetapkan itu adalah berdasarkan laporan audit yang dijalankan oleh firma juruaudit yang bertauliah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari menangani isu jurang digital, kementerian ini juga amat memandang berat kemajuan infrastruktur jalur lebar yang masih kurang memuaskan serta kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi. Kemudahan jalur lebar adalah kritikal untuk membolehkan penggunaan dan pelaksanaan aplikasi-aplikasi multimedia dan aplikasi-aplikasi perdana MSC di seluruh negara. Sementara kualiti perkhidmatan akan memberi lebih keyakinan kepada orang ramai dan pelabur-pelabur mengenai kemudahan telekomunikasi kita. Selain dari penggalakan melalui pelesenan, kementerian juga akan mengambil berat beberapa pendekatan baru seperti galakan untuk pemasangan teknologi baru, menggalakkan perkongsian menara telekomunikasi dan memberi fokus kualiti perkhidmatan di kawasan-kawasan tertentu dan strategik seperti MSC, lebuh raya-lebuh raya utama, kawasan-kawasan pelancongan, kawasan-kawasan perindustrian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini juga telah dibangkitkan isu peranan industri komunikasi dan multimedia dalam membantu menjana IKS di negara kita. Bagi membantu penjanaan IKS di bidang ICT, kerajaan telah mencadangkan supaya satu dana baru berjumlah RM1 bilion ditubuhkan seperti yang terkandung dalam Bajet 2003 bagi menggalakkan usaha modal teroka menceburi dalam ICT. Isu ini perlu dilihat bukan sahaja dari program ICT untuk menjana IKS, tetapi lebih penting penggunaan ICT oleh syarikat-syarikat IKS sendiri untuk meningkatkan daya saing mereka di samping membantu membangunkan industri ICT tempatan.

Untuk maksud ini kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif seperti geran ICT untuk e-commerce dan e-manufacturing dengan izin, yang dikendalikan oleh SMIDEC untuk mempercepatkan penggunaan teknologi ICT di kalangan usahawan IKS. Di samping itu bagi melahirkan usahawan dalam bidang ICT kerajaan telah tampil dengan program

aplikasi perdana teknopreneur. Melalui aplikasi perdana ini kementerian berharap akan wujud rangkaian pusat-pusat inkubasi yang dapat menampung keperluan syarikat-syarikat ICT yang baru memulakan perniagaan mereka. Langkah-langkah ini adalah positif bagi Malaysia untuk menembusi arena e-business dan e-commerce.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan Kemaman bangun. Batang Lupar, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan inisiatif kerajaan mengadakan dana untuk SME dan SMI juga untuk teknopreneurs. Ini amat dialu-alukan tetapi Yang Berhormat, saya ingin bertanya adakah mekanisme pengeluaran dana ini kepada pihak SME dan SMI ataupun syarikat-syarikat ICT ini menerusi pihak perbankan ataupun disalur menerusi satu agensi kerajaan yang baru ditubuhkan. Jikalau perkara ini disalur menerusi pihak perbankan apakah jaminan pihak kerajaan supaya dana ini sampai kepada matlamat dan tidak tersimpan di dalam bank sahaja dan tidak dibelanja dan program kerajaan ini akan terbantut dan matlamat kerajaan tidak akan tercapai kerana pihak-pihak bank yang masih konservatif masih tidak bekerjasama dengan kerajaan untuk menggalakkan penggunaan dana tersebut. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, dana ini akan disalurkan melalui beberapa saluran melainkan daripada bank-bank yang tertentu. Adakah melalui organisasi-organisasi yang telah ditubuhkan dan juga syarikat-syarikat tertentu yang akan dapat menilai cadangan-cadangan atau *proposal* mereka sebelum dana ataupun pelaburan akan diberikan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua usaha …..

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya mengenai banyak yang diperkatakan bahawa kita membantu pembangunan IKS dan sebagainya dan tindakan-tindakan kerajaan untuk memperbanyakkan pembangunan usahawan-usahawan dalam bidang ICT ini. Saya hendak tahu kriteria yang telah dibuat oleh kerajaan untuk membantu orang jenis yang macam mana yang dibantu oleh kerajaan ini untuk dibangunkan sebagai usahawan dalam bidang ICT ini sebab banyak cakap tetapi tengok daripada apa yang berlaku hari ini pun banyak yang tidak mempunyai atau tidak mempunyai nama-nama yang setakat ini yang betul-betul berjaya dalam IKS di bidang ICT ini. Jadi saya hendak tahu kriteria yang macam mana yang telah dibuat oleh kerajaan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa dari segi ICT ini dan dalam bidang teknologi yang tinggi ini membawa satu risiko yang biasanya dan kadang-kadang terlalu tinggi. Oleh sebab itu bukan semua pelabur ataupun bukan semua dana yang diberi itu adalah mendapat hasil. Tetapi memang ada hasil ataupun kejayaan yang terdapat daripada projek-projek yang telah dijalankan. Saya setakat ini tidak ada maklumat. Tetapi yang mustahak sekali ialah konsep untuk menubuhkan satu rangkaian pusat-pusat inkubasi di seluruh negara supaya mereka dapat bersama-sama mewujudkan teknopreneur ataupun syarikat-syarikat termasuk IKS yang boleh berjaya dalam bidang ICT ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk melanjutkan di mana saya mengatakan bahawa langkah-langkah positif telah diambil untuk menembusi arena e-business dan e-commerce. Usaha-usaha ini juga akan dapat membuka peluang pekerjaan dan peluang perniagaan kepada graduan-graduan dalam ICT serta dapat melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Yang Berhormat tidak ada jawapan. Boleh saya dapat secara bertulis sebab apa yang saya bimbang ialah hanya jawapan yang diberi itu hanya merupakan kenyataan-kenyataan kosong yang tidak mempunyai asas kebenaran dan

kenyataan. Jadi, boleh kalau saya dapatkan mereka yang mendapat dan kriteria yang telah mereka mendapat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua saya tidak dapat memberi jawapan tetapi maklumat atau butiran yang berkenaan tidak dalam fail saya tetapi yang mustahak ialah secara am saya boleh bagi maklumat tetapi mesti ambil satu sikap yang lebih positif. Kalau tidak maklumat yang saya berikan itu tidak dapat memberi apa-apa makna kalau saya beri. Saya berharap bahawa kalau saya dapat maklumat dan secara am saya akan beri kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa penghasilan dan pengeksportan produk-produk berbentuk *e-learning* dengan izin, adalah sangat penting untuk meningkatkan perdagangan dalam bidang pendidikan serta menjadikan Malaysia sebagai pusat produk pendidikan yang utama di rantau ini. Ianya juga adalah bentuk-bentuk produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Dalam hubungan ini negara telah menghasilkan produk-produk *e-learning* yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat tempatan dan beberapa negara seperti Sri Lanka, Myanmar dan negara-negara Timur Tengah telah menunjukkan minat terhadap produk-produk tersebut.

Berhubung dengan masalah penyalahgunaan *Internet, e-mail* atau *chatting* untuk tujuan memeras ugut dan sabotaj seseorang dan sebagainya, negara telah mempunyai peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Kanun Keseksaan di mana kes-kes seperti ini boleh diputuskan sebagai kes jenayah berbentuk penipuan, peras ugut, khianat dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, sekiranya penyediaan khidmat laman yang mempunyai kandungan lucah dan sebagainya itu dapat dikenal pasti beroperasi di dalam negara, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang berkenaan. Di samping itu kerajaan di bawah Program Kerjasama Telekomunikasi ASEAN sedang merangka program bagi meningkatkan program penggunaan secara positif.

Tuan Yang di-Pertua, bagi industri tenaga, kerajaan akan memastikan pembekalan tenaga elektrik yang terjamin dan berdaya, harap melalui campur….

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Tuan Chia Kwang Chye: Ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum masuk kepada tenaga, saya hendak kembali sedikit mengenai program memajukan ICT di negara kita dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat daripada segi perancangan yang dilakukan oleh kerajaan dalam konteks MSC sendiri yang mana projek MSC ini adalah satu projek yang besar dan kebanyakannya dikendalikan oleh MDC dan juga projek-projek yang dikendalikan oleh MDC sebagaimana yang saya sebut di dalam Parlimen ini dan juga saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat mengenai pelaburan yang begitu besar yang kerajaan laburkan melalui MDC tetapi MDC telah mengalami kerugian beratus-ratus juta ringgit melalui anak-anak syarikat yang mereka laburkan ke dalam projek-projek yang dikatakan untuk memajukan lagi program ICT di negara kita.

Saya ingin juga penjelasan berkaitan program-program kita memajukan ICT ini dengan Technology Park yang ada di negara kita yang mana saya difahamkan juga Technology Park yang ada di negara kita mengalami terlalu banyak kerugian dan projek-projek yang dijalankan oleh Technology Park adalah projek-projek yang tidak *viable* langsung sebagai contohnya projek anak ayam ataupun menetas telur-telur ayam yang dijalankan di Technology Park yang dikatakan tidak *viable* dan kerajaan ataupun Technology Park berbelanja berpuluh-puluh juta ringgit dengan program-program yang sedemikian. Saya minta penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, MSC seperti yang saya jawab ialah selain daripada kawasan yang seluasnya 15 kilometer dengan 50 kilometer ini dan di mana letaknya Cyberjaya dan lain-lain pusat siber ataupun *cyber cities* seperti MTDC, UPM, Technology Park dan KLCC dan sebagainya yang mustahak ialah selain daripada cara fisikal ini terdapat tujuh atau lapan aplikasi perdana di mana kerajaan telah dengan jayanya melaksanakan beberapa aplikasi perdana ataupun *flagship application* termasuk e-kerajaan, *smart school, smart kad* dan sebagainya. Ini akan membawa negara di dalam pembangunan ICT bukan di beberapa tempat ke seluruh negara dan rakyat dapat menikmati dan juga mengamalkan aplikasi atau kejayaan aplikasi ini.

Selain daripada rancangan, pelaburan pun telah dibuat, cuma kita hendak menentukan kriteria-kriteria untuk memastikan atau menentukan kejayaan MSC ini dan memang ada projek-projek yang setakat ini yang menghadapi masalah seperti *e-village* dan konsep *e-village* ini adalah penting untuk menghasilkan kandungan tempatan untuk negara kita supaya kita dapat memenuhi kandungan yang kreatif, inovatif dan tepat pada tradisi tempatan dan juga dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Oleh sebab menghadapi masalah, tindakan-tindakan pun telah diambil supaya projek ini dapat dimulakan sekali lagi supaya dapat mencapai matlamat *e-village* yang telah ditentukan itu. Jadi memang usaha dan tindakan telah diambil dan setakat ini cuma untuk menjalankan tandatangan perjanjian sebelum projek ini dapat dimulakan sekali lagi. Kalau kita mengambil pandangan seperti saya dengan konsistennya mengatakan sasaran yang telah ditujukan dan setakat ini saya tidak berhajat untuk mengulangi sasaran itu tetapi yang terdapat ialah sebanyak 758 buah syarikat, taraf MSC telah pun boleh dikatakan diberi kepada syarikat-syarikat ini dan di antara 758 syarikat ini, lebih kurang 236 adalah syarikat asing dan 522 adalah syarikat tempatan dan jika kita mengikut satu kajian impak, jumlah pelaburan setakat ini boleh dianggarkan sebanyak RM4.7 bilion.

Dan seperti yang saya baca tadi, bilangan pekerja-pekerja *knowledged* atau berilmu atau berpengetahuan adalah lebih daripada 18,000 orang. Mengikut kajian ini, dalam tahun 2001, *turnover* MSC untuk tahun lalu dianggarkan lebih kurang RM2.97 bilion dan ini boleh dikatakan sebagai impak MSC untuk negara secara amnya, dan diharapkan untuk tahun 2002 ini, *turnover* mungkin boleh mencapai RM5.65 bilion. Ini secara kasar, secara impak. Jadi kalau kita selalu memilih satu-dua projek seperti *e-village*, yang setakat ini mempunyai masalah, selalu dibangkit-bangkitkan, kita tidak dapat mengambil satu pandangan atau pendekatan yang lebih meluas dan lebih besar untuk menilai kejayaan MSC ini.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya cuma ingin jawapan yang spesifik dengan tidak menafikan kemasukan syarikat-syarikat bagi menjayakan program ICT di negara kita, khususnya dalam program MSC. Cuma MDC adalah pengendali kepada keseluruhan program-program MSC dan merupakan tonggak kepada program-program MSC. Soalan saya adalah kenapakah kerugian MDC, bukan *e-village* sahaja tetapi program-program ataupun anak-anak syarikat MDC mengalami kerugian yang besar, khususnya kalau saya spesifik, tahun 1999, tahun 2000, kerugiannya melebihi daripada RM100 juta bagi MDC sendiri, sedangkan kerajaan telah mengeluarkan jumlah yang begitu besar kepada MDC untuk program-program supaya berjalan dengan baik tetapi mengalami kerugian yang begitu besar dalam pelaburan-pelaburan yang dilakukan oleh MDC di bawah anak-anak syarikatnya, selain daripada *e-village* sendiri.

Begitu juga *Technology Park* yang saya sebutkan tadi, program-program yang dijalankan adalah tidak *viable* sedangkan kerajaan telah membelanjakan jumlah yang begitu besar seperti yang saya bagi tadi. Contoh, program menetas anak ayam yang mungkin lebih daripada RM30 juta yang dijalankan di *Teknology Park* tetapi program itu menurut maklumat yang saya terima adalah tidak *viable* langsung. Jadi perkara-perkara ini yang saya minta penjelasan supaya tidak timbul permasalahan-permasalahan dari segi kita bercakap mengembangkan teknologi di negara kita – ICT dan sebagainya, tetapi induk

kepada apa yang ada di negara kita mengalami kerugian yang begitu besar, khususnya MDC sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya pelaburan dalam bidang ICT dan bidang teknologi tinggi adalah menghadapi risiko yang kadang-kadang tinggi pastinya membawa keuntungan, dan keuntungan yang boleh diperolehi bukanlah pada jangka yang pendek ini. Jadi, kalau kita lihat pelaburan yang telah dilabur oleh MDC ini untuk beberapa projek, ini mesti dipandang dari segi jangka panjang, di mana dari segi permulaan mungkin menghadapi kerugian, tetapi pada jangka masa yang panjang, kemungkinan pelaburan itu mendapat hasil dan mungkin boleh mendapat keuntungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Tuan Chia Kwang Chye: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan banyak lagikah?

Tuan Chia Kwang Chye: Lebih kurang lagi 10 minit kalau tidak ada yang meminta penjelasan. Jadi, pada jangka masa pendek mungkin nampak kerugian, tetapi pada masa jangka panjang, mungkin akan mendapat keuntungan. Tetapi yang dikatakan MDC sebagai teras untuk MSC dan MSC ada satu konsep yang tadi sudah saya terangkan. Jadi yang mustahak ialah projek-projek yang dijalankan oleh MDC setakat ini memberikan satu impak yang begitu besar dan secara tidak langsung seperti fakta-fakta yang saya beri tadi itu, secara langsung boleh dikira sebagai keuntungan atau hasil yang dibawa oleh MDC untuk menjayakan projek MSC ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi industri tenaga, kerajaan harap akan memastikan pembekalan tenaga elektrik yang terjamin dan berdaya maju melalui percampuran tenaga, dengan izin, *energy-mixed,* yang optimum. Dalam hubungan ini, dasar kepelbagaian bahan api yang terdiri daripada minyak, gas, hidro dan arang batu, akan diperluaskan lagi dengan menjadikan sumber tenaga yang boleh diperbaharui atau dengan izin, *renewable energy* sebagai bahan api kelima negara.

Bagi tujuan ini, usaha untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan RE, dengan izin, *renewable energy* dalam industri penjanaan elektrik telah diatur. Antara usaha awal adalah melalui pelaksanaan program pembangunan jana kuasa kerja tenaga yang boleh diperbaharui, dengan izin, *small renewable energy power*, yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2002, yang membolehkan pengusaha jana kuasa kecil, yang menggunakan RE menjual elektrik kepada utiliti melalui sistem grid.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Chia Kwang Chye: Bagi menjayakan usaha ini, kerajaan turut menyediakan insentif bagi penggunaan *bio-mass* sebagai sumber tenaga baru, yang mana skop insentif tersebut telah diperluaskan kepada RE yang lain, iaitu mini-hidro.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Sistem mini hidro ini tidak boleh mempunyai kuasa melebihi 10 megawatt dan kuasa suria. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam usaha berterusannya bagi meningkatkan penggunaan RE dalam campuran bahan api bagi menyokong dasar kepelbagaian bahan api negara.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai talian *grid,* oleh kerana negeri Terengganu merupakan negeri yang paling banyak mengeluarkan tenaga dan banyak *transmission lines* melalui kawasan-kawasan di negeri Terengganu, dan kebanyakan *compensation* yang diberikan kepada tuan tanah-tuan tanah itu tidak memadai kerana Tenaga Nasional hanya membayar kos tapak tanah untuk membina *transmission tower* sahaja, sedangkan tanah yang tidak boleh digunakan oleh kerana *transmission lines* itu amatlah luas tetapi *compensation* tidak diberikan kepada tuan tanah-tuan tanah tersebut. Apakah kerajaan ingin mengkaji semula *compensation* yang diberikan kepada tuan tanah-tuan tanah, di mana *transmission lines* ini melalui di atas

tanah-tanah mereka – terlalu banyak, sebab *reserve land* diberikan kepada laluan *transmission lines* ini. Minta penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan ialah rintis, atau tanah yang diasingkan untuk *transmission lines*, dan ini merupakan satu formula atau dasar yang telah ditentukan setakat ini untuk membuat pembayaran itu. Atas cadangan Yang Berhormat untuk sama ada dapat dikaji, kita boleh ambil kira berkenaan formula yang digunakan setakat ini. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh sambung pada petang ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mesyuarat disambung semula. Saya menjemput Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyambung ucapannya.

2.30 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambung ucapannya menggulung kementerian ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Tan Chai Ho: Terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai isu projek Hidroelektrik Bakun. Salah satu yang telah disentuh adalah berhubung dengan isu pencemaran alam sekitar. Saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya di bawah undang-undang alam sekitar sebelum memulakan projek Hidroelektrik Bakun.

Beberapa kajian penilaian kesan ke atas alam sekitar telah dijalankan pada tahun 1995 dan 1996 pihak Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak telah meluluskan beberapa kajian EIA bagi projek Hidroelektrik Bakun seperti berikut:

(a) EIA Report for Reservoir Preparation;

(b) EIA Report for Dam and Ancillary Facilities;

(c) EIA Report for Power Transmission; dan

(d) EIA Report for Bintulu, Mubau, Bakun Access Road.

Kajian EIA untuk komponen *reservoir preparation*, ampangan dan jalan masuk dari Bintulu ke Bakun masih boleh dipakai kerana tidak banyak perbezaan dari segi aspek teknikal, kecuali komponen kabel dasar laut yang telah dikukuhkan di bawah skop kerja bagi pembinaan empangan. Walau bagaimanapun, kajian EIA yang baru perlu dijalankan untuk komponen *power transmission*. Memandangkan jajaran penghantaran dari Bakun ke lokasi ke lokasi yang lain di Sarawak dan Sabah masih belum dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pampasan bagi pengambilan balik tanah bagi isu projek Hidroelektrik Bakun, saya ingin menjelaskan bahawa sebanyak RM272,550,561.67 telah diluluskan sebagai pampasan kepada 9,428 orang yang terlibat dalam penempatan

semula di pusat penempatan Sungai Asap. Setakat ini sebanyak RM215,977,571.41 telah dikeluarkan kepada penduduk yang terlibat dan bakinya iaitu RM56,572,990.26 akan dibayar apabila pertikaian mengenai hak milik tanah diselesaikan.

Berhubung dengan isu mengenai pampasan, saya ingin menerangkan bahawa isu pampasan tanah tidak seharusnya dilihat secara berasingan daripada pembangunan sosioekonomi yang akan dijanakan akibat pelaksanaan projek Hidroelektrik Bakun. Penduduk-penduduk di sekitar kawasan Belaga akan menikmati pembangunan sosioekonomi dengan wujudnya infrastruktur perhubungan dan pengangkutan yang lebih baik serta peluang pekerjaan dan perniagaan yang lebih banyak.

Peluang untuk kontrak-kontrak kecil dan industri sokongan seperti pembekalan diesel, pelicin, bengkel motor, kedai makanan dan sebagainya akan meningkatkan pendapatan rakyat tempatan hasil daripada pelaksanaan projek - Hidroelektrik Bakun. Di samping itu, kerajaan telah menyediakan…

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang minta penjelasan, Yang Berhormat. Sila bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri, saya ingin bertanya dua perkara berhubung dengan Bakun ini. Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa barangkali projek Bakun ini ataupun power yang dijanakan daripada projek Bakun ini akan dihantar ke Sabah. Adakah kementerian ataupun kerajaan telah membuat keputusan bahawa Bakun ini membekalkan elektrik ke negeri Sabah, itu soalan pertama.

Yang kedua soalan saya berhubung dengan pampasan. Ini bukan pampasan berhubung Bakun tetapi pampasan yang dilalui oleh wire-lift mana-mana grid elektrik. Saya telah menerima banyak rungutan daripada rakyat di kawasan saya apabila wire-lift atau grid daripada Kota Kinabalu ke Kudat dibuat maka banyaklah tanah-tanah orang-orang kampung terlibat dan mereka mengatakan bahawa pampasan yang diberikan terlalu kecil.

Jadi sebentar tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa dalam kes Bakun orang-orang yang terlibat dalam pampasan ini telah diberikan beberapa kemudahan. Misalannya yang mempunyai tanah diberi peluang untuk menjalankan kontrak dan sebagainya. Jika sekiranya bekalan elektrik dari Bakun dihantar ke Sabah yang melibatkan lebih kurang 700km. Aadakah pemilik-pemilik tanah ini akan diberi peluang seperti mendapatkan kontrak dan sebagainya ataupun apa juga bentuk, sebab setakat ini pampasan yang diberikan kepada pemilik-pemilik tanah tidak memihak kepada pemilik tanah oleh kerana geran tanah itu masih lagi pada tangan pemilik tanah tetapi pampasan yang diberikan masih lagi tidak memuaskan kepada pemilik-pemilik tanah. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telahpun memutuskan untuk melaksanakan projek Hidroelektrik Bakun untuk membekalkan elektrik ke negeri Sarawak dan Sabah dan kemungkinan kalau ada berlebihan kita boleh mengeksport elektrik ke Brunei dan Kalimantan. Jadi inilah keputusan dari kerajaan.

Isu mengenai pampasan, tadi saya sudah sebut ada penduduk yang oleh kerana belum dapat kerana pertikaian antara penduduk dengan pihak berkenaan belum diselesaikan. Jadi jika ada pertikaian mana-mana jika dua pihak tidak dapat setuju memanglah ia ambil sikit masa supaya perundingan boleh dijalankan. Dan masalah-masalah yang lain saya fikir saya tidak ada detail yang cukup…

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: ..tetapi memang saya tidak boleh jawab sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan ke Yang Berhormat? Ya, sila Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Yang saya minta, adakah kerajaan akan mengkaji semua sistem pampasan yang ada sekarang. Itu saya yang saya minta, kalau mahu kaji semua ataupun mahu teruskan apa yang ada sekarang. Kalau teruskan yang ada sekarang tentu sekali masih lagi pemilik-pemilik tanah tidak puas hati. Yang kedua tadi,

soalan saya sama ada bekalan elektrik itu akan dihantar, akan diberi ke Sabah. Keputusan sudah dibuat ataupun belum?

Datuk Tan Chai Ho: Sudah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sudah.

Datuk Tan Chai Ho: Tadi saya sebut, bekalan elektrik akan ditransmit ke Sabah juga. Ini bermakna jika kita ada lebihan kita akan jual kepada negeri Brunei dan Kalimantan, jadi bekalan elektrik dari Bakun telah diputuskan oleh kerajaan. Kebanyakannya atau majoritinya penduduk telah pun setuju terima pampasan dari agensi kerajaan yang berkenaan atau Kerajaan Negeri Sarawak, yang balance, yang bakinya tadi saya kata ada pertikaian, jadi memang ambil sikit masa. Untuk mereka bincang supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat. Ya, sila bagi Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan mengenai keperluan *electricity* di Sabah dan Sarawak dalam jangka pendek dan juga jangka panjang sampai 10 tahun dan berbanding dengan pengeluaran elektrik yang akan dikeluarkan oleh Bakun, dan daripada apa yang telah dinyatakan oleh kerajaan selama ini bahawa Bakun dibina kerana ada keperluan ataupun perjanjian dengan kerajaan-kerajaan di Indonesia, Brunei dan juga Filipina untuk *supply electricity* daripada Bakun ini.

Jadi daripada jawapan Yang Berhormat bagi hanya ada ‘kemungkinan’ sahaja dan ini menunjukkan bahawa projek tersebut adalah satu projek yang mempunyai *access* yang terlalu banyak sekiranya negara-negara tersebut tidak mahu membeli electricity daripada Bakun ini, dan adakah kerajaan dan bercadang untuk salurkan ke Semenanjung melalui summary cabel dan sebagainya. Minta penjelasan.

Datuk Tan Chai Ho: Pada atau setakat Ogos 2002, penjanaan elektrik di Sabah adalah 777 megawatt. Di negeri Sarawak adalah 871 megawatt dan untuk tahun 2010 kapasiti penjanaan elektrik diramalkan adalah Negeri Sabah lebih kurang 1,500 megawatt, di negeri Sarawak, kapasiti penjanaan 2,100 megawatt. Ini melalui IPP dan SESB dan juga Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO).

Projek Bakun akan menjana elektrik sebanyak 2,400 megawatt. Jadi permintaan sekarang di kedua-dua negeri adalah lebih kurang 750 megawatt. Jadi ini bermakna pada tahun 2007, di mana Projek Bakun ini akan menjana elektrik sebanyak 2,400 megawatt, iaitu pada fasa satu projek ini boleh menjana sebanyak 900 megawatt. Jumlah semua ialah 2,400 megawatt.

Jadi yang tadi saya kata, kemungkinan ada lebih di mana kita akan eksport, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita akan berunding dan mencari pelabur-pelabur yang terlibat dalam industri yang banyak menggunakan elektrik seperti industri peleburan aluminium. Baru-baru ini satu syarikat sedang berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak di mana projek peleburan aluminium ini dijangka memerlukan tenaga elektrik sebanyak 1,000 megawatt.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Datuk Tan Chai Ho: Jadi kita akan cari pelabur-pelabur atau industri-industri di mana banyak menggunakan elektrik supaya tenaga yang dijanakan oleh Projek Bakun akan digunakan sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Terima kasihYang Berhormat memberikan ulasan panjang lebar kepada Dewan yang mulia ini tentang manfaat projek Bakun.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, bahawa dengan adanya pembangunan Bakun ini, rakyat di Sarawak insya-Allah di Sabah juga nanti akan melalui talian elektrik HBDC di hantar ke Sabah, bermakna ada pembangunan di Sarawak dan Sabah kerana melalui projek Bakun ini dibela rakyat Sarawak dan Sabah, tetapi dalam bajet tiruan pembangkang baru-baru ini, mereka tidak menyokong pembangunan Sabah. Adakah ini bermakna mereka tidak membela masyarakat Sabah dan Sarawak. Oleh kerana itulah baru-baru ini bila Sarawak menolak parti sebelah sana, nanti di Sabah waktu pilihan raya kecil rakyat akan tolak parti pembangkang ini juga.

Datuk Tan Chai Ho: Pandangan daripada Yang Berhormat di mana parti pembangkang tidak ambil berat untuk membela rakyat di negeri Sabah dan Sarawak. Oleh itu pilihan raya kecil yang akan diadakan di kawasan Gaya, jadi kena fikir baik-baik. Parti pembangkang tidak boleh disokong. Jangan sokong parti pembangkang.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat, dua orang berdiri, hendak bagi siapa?

Datuk Tan Chai Ho: Soal apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagikah tak bagi Yang Berhormat? Hendak bagikah atau tak mahu bagi?

Datuk Tan Chai Ho: Okey, Bagan, Bagan. Bagan ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Ahli Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sudah jawab berkenaan *electricity* dan boleh diejek-ejek oleh TNB. Jadi sudah masuk ke arena politik dan saya pun ingat hendak menanya. Tadi Yang Berhormat kata, tahun 2010 keluaran IPP, penswastaan dan SESCO 3,600 megawatt. Keluaran Bakun 2,400 megawatt semua sekali 6,000 megawatt.

Tadi Yang Berhormat menjawab, masa sekarang hanya memerlukan 750 megawatt. Sekiranya satu kali ganda kalau tahun 2010, itu pun cuma 1,500 megawatt. Jadi kita ada 6,000 megawatt berlebihan 4,500 megawatt. Jadi bukankah ini satu projek yang bukan *viable* kerana tenaga yang dijana oleh swasta itu tidak kira dia ada pakai, tak pakai, kerajaan kena beli dari beliau. Ini adalah satu pembaziran. Tolong beri penjelasan.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata kapasiti penjanaan elektrik yang dikehendaki oleh negeri Sabah dan Sarawak adalah 750 megawatt hingga 800 megawatt. Pada tahun 2010 permintaan tenaga elektrik di negeri Sabah dianggarkan sebanyak 900 megawatt dan di Sarawak 1,200 megawatt. Jadi ini bermakna sudah 2,100 megawatt. Jadi Projek Hidro Elektrik Bakun akan menjana tenaga elektrik sebanyak 2,400 megawatt.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Datuk Tan Chai Ho: Jadi adalah mencukupi untuk bekalan elektrik ke negeri Sabah dan Sarawak dan kos penjanaan elektrik di Projek Hidro Elektrik Bakun adalah lebih rendah, murah daripada kos penjanaan tenaga elektrik IIPP. Jadi itulah sebab kerajaan hendak menjalankan projek Bakun supaya penduduk atau pihak industri akan dapat bekalan elektrik dengan kos yang rendah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Rompin sama Kemaman. Ya, Rompin sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Tahniah kepada kerajaan, kementerian untuk membangunkan Bakun. Dengan adanya Bakun ini dapat menggantikan penjanaan-penjanaan yang mahal di Sabah dan Sarawak berasaskan diesel. Mungkin Ahli Yang Berhormat bagi Bagan dia tidak tahu tentang Sabah dan Sarawak, walaupun calon dia ada pun dia tidak pergi. Yang dihantarnya wanita sahaja. Yang lelaki, takut dan tunggu di sini. Nampaknya dalam DAP ini yang beraninya perempuan, lelaki semuanya takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, apa soalannya Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, *[Ketawa]* adakah Yang Berhormat fikir bahawa rakyat Sabah dan Sarawak dalam pilihan raya kecil ini tak tahu macam mana hendak pilih. Sepatut yang eloknya tolak kedua-duanya sekali. Yang DAP tak senada, yang Adil tak senada, bersama-sama tidak senada. Tetapi satu nada sahaja, jangan bela Sabah dan Sarawak.

Nada kedua-dua parti berbeza, tetapi satu nada sahaja bersama, tak mahu rakyat Sabah dibangunkan, tak mahu rakyat Sarawak dibela. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju bahawa yang kedua-dua parti ini dalam isu untuk memberikan bekalan elektrik yang murah pun tiada dasar untuk membela rakyat Sabah dan Sarawak.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, dengan Projek Hidro Elektrik Bakun, pembangunan di kedua-dua negeri iaitu Sabah dan Sarawak akan membangun dan banyak penduduk di kedua-dua negeri ini akan hidup dalam suasana yang bahagia. Nampaknya kedua-dua parti pembangkang tidak hendak membela penduduk-penduduk di negeri Sabah dan Sarawak. Jadi dengan itu *by election* di Gaya patutlah tolak calon-calon parti pembangkang.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Tan Chai Ho: Banyaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat. Dia tak bagi dah Yang Berhormat. Kemaman sila duduk, dia tak bagi.

Datuk Tan Chai Ho: Okey, *last* ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, jangan sekali bagi, sekali tidak, saya pun susah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat bercadang untuk memecat Pengerusi TNB hari ini? Sebab kalau itulah nasihat dia kepada kerajaan untuk mengeluarkan elektrik di Bakun ini, maknanya dia tidak buat *homework* yang sebenarnyalah, yang tidak bertanggungjawab. Sebab itulah Ahli Yang Berhormat bagi Rompin nanti pergi Rompin pun orang tak akan undi lagi dia.

Yang keduanya ialah saya hendak tahu, kerajaan sedar tak bahawa projek seperti LRT, STAR dan sebagainya ini berdasarkan kepada fokus penggunaan di masa akan datang, tetapi apa yang berlaku hari ini, semua fokus yang dibuat untuk melaksanakan LRT semuanya *out of focus* belaka menyebabkan hari ini LRT, STAR semua sekali bankrap dan terpaksa di*bail out* oleh kerajaan.

Begitu jugalah dengan projek Bakun ini kerana *assumption* yang dibuat untuk mengeluarkan sebegitu banyak *electricity* berdasarkan kepada keadaan ekonomi yang terus meningkat, tetapi hingga hari ini ekonomi merudum. Jadi tidakkah patut kerajaan kaji semula daripada meneruskan projek ini yang akan menggunakan wang begitu banyak untuk membina projek ini.

Datuk Tan Chai Ho: Pengerusi TNB sepanjang masa ini beliau telah menjalankan tugas dengan baik. *[Tepuk]* Jangan rasa cemburu. *Don't be jealous.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawab yang kedua pula Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Projek Hidro Elektrik Bakun pasti dijalankan untuk kepentingan penduduk-penduduk kedua-dua negeri, Sabah dan Sarawak. Tadi sudah kata, kedua-dua negeri ini hendakkan pembangunan. Jadi inilah satu projek yang cukup baik. Jadi kita hendaklah menyokong dan saya berkeyakinan kejayaan projek ini akan membantu penduduk-penduduk di negeri Sabah dan Sarawak supaya mereka boleh hidup dalam suasana yang selesa.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat. Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat, ini 'Adil' kita, Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman ini, dia entah macam mana, dahulu sebelum dia masuk politik, dia orang profesional. Bila masuk politik itu, hilang profesionalismenya. Dia telah terpengaruh, dihasut oleh dakyah-dakyah politik yang negatif daripada Keadilan ini.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, daripada 2,100 megawatt yang dijana oleh Bakun, kira 700 megawatt adalah untuk digunakan oleh SESCO Sarawak, dengan adanya peningkatan beban di Sarawak dan juga menggantikan kos-kos diesel, adakah Yang Berhormat ingin memaklumkan kepada Dewan, kos dieselnya 40 sen satu unit. Kos di sini di IPP Semenanjung 12 sen. Walhal sekarang ini di Sabah dan Sarawak, mereka ini pengguna di sana dikenakan bayaran 15% atau 20% lebih tinggi daripada apa yang dikenakan di Semenanjung.

Adakah rakyat Sabah dan Sarawak minta pandangan Yang Berhormat bahawa rakyat Sabah tidak sepatutnya mendapat bekalan elektrik dengan harga yang sama dengan kita, adakah patut mereka juga mendapat pembelaan bersama kita di Semenanjung, bahkan bila ada ura-ura baru-baru ini hendak adakan elemen smelting plan di Sarawak, bekalan elektrik pada masa dahulu, hendak beritahu minta pandangan Yang Berhormat, saya hendak pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tahu bahawa bekalan elektrik - ini Pengarah Pilihan Raya kecil di Sabah, di Sabahlah. Saya hendak bertanya Yang Berhormat mungkin sepatutnya ……

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, Rompin, Peraturan Mesyuarat. Duduk, duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peraturan apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahulah, duduklah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Lepas itu, saya ….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan Mesyuarat yang ke berapa Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: 35(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mengenai? Kepentingan diri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan apa-apa perkara ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk. Minta ….

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya satu saham Syarikat Tenaga Nasional pun tidak ada. Ada, ada, kalau saya pemegang saham TNB barulah ada kepentingan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, nantilah saya buat keputusan dahulu. Janganlah jawab dahulu, duduklah dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta Rompin, kalau ada kepentingan diri cuba isytiharlah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak ada kepentingan diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepentingan saya ialah pengguna, seperti juga Ahli Yang Berhormat yang lain, satu saham pun Tenaga Nasional Berhad pun saya tidak ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Gaji.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Gaji, selepas ini saya beri secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup, sila jawab soalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya belum habis lagi, adakah Yang Berhormat ini floor saya, minta pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar, bahawa sekarang ini dengan adanya elemen semelting plan di Sarawak, sehingga sekarang tidak ada lagi power daripada Bakun yang akan disalurkan ke Sabah, bermakna tidak betul apa yang Kemaman kata, bahawa bila Bakun ini dimaklumkan nanti, kuasa yang dijanakan adalah berlebihan, yang sebenarnya depa berdua ini ADIL dengan DAP hendak bersatu untuk pilihan raya kecil pun tidak ada, ini pula hendak membela Sabah dan Sarawak, tidak ada agendanya, kalau betul-betul ada agenda yang baik, Seputeh dengan Kemaman patut berdua-dua, pegang tangan pergi ke Sabah untuk pilihan raya kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Rompin, cukuplah Yang Berhormat, sila jawab.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah sebut kos penjanaan tenaga elektrik dari projek Bakun adalah lebih rendah, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ada benarnya kerana kos tenaga IPP di negeri Sabah dan Sarawak adalah tinggi dimana yang tadi dikatakan diesel 40 sen dan IPP yang jual elektrik kepada SESCO dan SESB adalah 12 sen atau 15 sen, jadi ini merupakan kos yang tinggi, oleh itu, Projek Bakun pun sudah dikaji, secara terperinci dan terdapat kos penjanaan tenaga elektrik adalah rendah, dan ini tentu akan mempercepatkan pembangunan Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Bagan berdiri.

Datuk Tan Chai Ho: Cukup, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di samping itu ….

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat Bagan.

Datuk Tan Chai Ho: Di samping itu, kerajaan telah menyediakan kemudahan asas yang lain seperti sekolah ……

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk Yang Berhormat, dia tidak beri jalan dah. Dia tidak beri dah Yang Berhormat, dia tidak beri.

Datuk Tan Chai Ho: …. Klinik desa, bekalan elektrik dan air serta padang permainan di pusat penempatan semula Sungai Asap.

Bagi memastikan keselesaan dan kemudahan penduduk-penduduk di pusat penempatan semula ini, kerajaan juga telah menaiktarafkan jalan utama dari Bintulu ke Miri, dengan siapnya jalan utama ke projek hidro elektrik Bakun pada akhir tahun 2001, rakyat tempatan telah dapat menikmati kemudahan pengangkutan yang lebih selesa, selamat dan cepat.

Untuk meningkatkan kemudahan prasarana jalan yang sedia ada, kerajaan juga telah meluluskan peruntukan untuk menurap jalan masuk ke pusat penempatan semula Sungai Asap iaitu sepanjang 40.05 kilometer, dengan keputusan ini penduduk-penduduk di pusat penempatan semula Sungai Asap akan dapat menikmati kemudahan jalan yang lebih selesa iaitu jalan bertar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan supaya projek hidro elektrik Bakun dilaksanakan untuk memenuhi keperluan tenaga elektrik di Sabah dan di Sarawak, dengan kemungkinan mengeksport lebihnya kepada Indonesia dan Brunei, mengikut perancangan, penjanaan elektrik dari Bakun akan dilaksanakan secara berperingkat di mana sejumlah 900 megawatt akan dijanakan di bawah Fasal 1 apabila projek ini bermula bertugas pada tahun 2007.

Sebanyak 300 megawatt akan diagihkan kepada negeri Sabah manakala selebihnya kepada negeri Sarawak.

Kerajaan sedang berunding dengan pelabur-pelabur yang terlibat dalam industri yang banyak menggunakan elektrik seperti industri peleburan aluminium supaya terdapat di Sarawak. Ketika ini pelabur asing daripada Dubai sedang berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk memuktamadkan lokasi yang sesuai bagi projek peleburan aluminium.

Projek peleburan aluminium ini, dijangkakan akan memerlukan tenaga elektrik sebanyak 1,000 megawatt.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang dapat saya berikan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan di peringkat dasar Bajet 2003. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang ……

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah habis Yang Berhormat. Hendak beri jalan Yang Berhormat? Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: …. yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dan tidak sempat saya menjawab, saya memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, saya berjanji bahawa kemudian ini akan mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina, dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah yang berkaitan. Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, sekarang saya jemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

3.06 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang ada hubungkait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Bajet 2003 di peringkat dasar.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pelaburan asing langsung atau FDI. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, dari Kota Melaka, dari Kemaman dan dari Tanjong menzahirkan kebimbangan ke atas arah aliran FDI akibat daripada persaingan dengan negara-negara lain seperti China, persepsi pelabur-pelabur asing mengenai Malaysia dan lantaran itu menggesa supaya kerajaan mengambil langkah untuk menangani dengan izin, trend ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan di sini beberapa perkara berhubung dengan pelabur asing langsung FDI, supaya tidak timbul kekeliruan yang seterusnya membawa kepada tafsiran yang silap berhubung dengan kedudukan arah aliran FDI di negara kita.

Pertamanya, angka mengenai jumlah FDI yang dilaporkan oleh MITI adalah meliputi jumlah pelaburan dalam bidang perkilangan sahaja, aliran masuk pelaburan dalam sektor-sektor perkhidmatan lain seperti pelajaran, pelancongan, pertanian dan lain-lain tidak diambil kira.

Dalam kebanyakan laporan FDI di peringkat dunia, sumber data adalah daripada imbangan pembayaran, di mana ia merupakan *net inflow*, dengan izin, pelaburan asing.

Angka ini juga merangkumi pelaburan di semua sektor ekonomi termasuk percantuman dan pengambilalihan atau *mergers and acquisition*, pembayaran pinjaman dan pinjaman antara syarikat.

Keduanya, FDI di peringkat dunia telah jatuh dengan mendadak pada tahun 2001, angka FDI yang merangkumi semua sektor ekonomi, termasuk, dengan izin, *mergers and acquisition* sedunia telah menjunam sebanyak 50% dari USD1,492 bilion pada tahun 2000 kepada USD735 bilion pada tahun 2001.

Kemasukan FDI ke Asia Pasifik juga telah menurun sebanyak 24% iaitu ke USD102 bilion bagi tahun 2001 berbanding dengan USD134 bilion pada tahun 2000. Daripada jumlah tersebut bahagian untuk Asia Pasifik sebanyak USD47 bilion atau 46% daripada FDI sedunia telah ditarik oleh negara China.

Ketiganya, Malaysia memang menjangka persaingan yang sengit untuk membawa masuk FDI, dengan sebab itu seperti mana yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan OPP3 bahawa pergantungan kepada input modal untuk meningkatkan KDNK akan berkurangan.

Sebaliknya pertumbuhan KDNK akan bergantung banyak kepada, dengan izin, total factor productivity (TFP). TFP boleh ditingkatkan dengan cara meningkatkan kemahiran pengurusan dan kecekapan, pembelajaran R&D, penggunaan teknologi terutama ICT dan memperkemaskan program latihan dan pendidikan.

Walaupun negara kurang bergantung kepada input modal dan persaingan untuk memperolehi FDI adalah sengit, kerajaan tetap yakin Malaysia mempunyai daya tarikan sendiri, kepada pelabur-pelabur asing, ini memandangkan syarikat asing yang sedia ada dan syarikat multinasional yang telah lama beroperasi di Malaysia terus menunjukkan minat untuk melabur di Malaysia dengan membuat pelaburan dalam projek pembesaran dan pelbagaian. Ini dapat dibuktikan dengan penambahan nilai pelaburan syarikat asing dalam tempoh Januari hingga Ogos 2002 sahaja sebanyak RM5.2 bilion.

Memandangkan bahawa persaingan untuk menarik pelaburan ini di peringkat global adalah bertambah sengit, tumpuan kerajaan sekarang ialah untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi dalam semua sektor yang berpotensi yang berasaskan kepada sumber tempatan terutamanya dengan aktiviti-aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Dengan sebab itu, kerajaan menggalakkan secara bersungguh-sungguh pelaburan tempatan, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia maklum, Bajet 2003 ini memberi insentif yang baru dan lebih menarik bagi menggalakkan pelaburan tempatan.

Ini termasuk insentif-insentif berikut iaitu insentif untuk korporat, insentif untuk mengurangkan kos perniagaan, insentif khas untuk meningkatkan eksport, insentif untuk sektor kewangan, insentif untuk sektor perkhidmatan, insentif untuk sektor pelancongan, insentif untuk menggalakkan pelaburan produk, nilai ditambah tinggi, insentif untuk sektor pertanian, insentif untuk sektor pendidikan. Salah satu isu FDI yang diperdebatkan dalam Dewan ini, ialah mengenai kajian AT China berhubung dengan izin, FDI *confidence index* yang mana Malaysia telah terkeluar dari senarai 25 negara terbaik bagi tahun 2002 dari segi destinasi pelaburan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari Kota Melaka dan dari Kuala Terengganu, FDI *confidence index* yang dirangka oleh AT China adalah berdasarkan kepada pendapat eksekutif-eksekutif kanan dari 1,000 buah syarikat besar di dunia mengenai kemungkinan kemasukan pelaburan asing ke sesebuah negara dalam tempoh satu hingga tiga tahun, akan datang. Hakikatnya, faktor-faktor utama yang mempengaruhi pengurusan FDI ialah ketidaktentuan dalam ekonomi Amerika Syarikat dan inisiatif perdagangan peringkat wilayah terbit daripada kesan peristiwa 11 September 2001.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Rompin, hendak beri jalan.

Datuk Fu Ah Kiow: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat, satu isu yang saya yakin, bukan sahaja Dewan yang mulia ini, mahu mendengarnya, rakyat Malaysia mahu juga mendapat maklumat bahawa kurangnya FDI masuk di negara kita ini oleh kerana ada dalam bahasa Inggerisnya kata, China menjadi macam *vacume cleaner*, semua ditariknya pelabur-pelaburan masuk ke negara China, semua lari pergi sana, macam. Saya nampak bahawa mungkin pembangkang menjadikan satu isu, tetapi saya tidak mahu kerajaan merasa tertekan kerana masalah ini bukan sahaja negara kita, saya yakin, minta penjelasan Yang Berhormat adakah ini isu perkara yang sama juga dihadapi persaingan dengan China ini, juga Thailand, Singapura, Filipina, Indonesia. Saya minta pandangan Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen.

Datuk Fu Ah Kiow: Seperti apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rompin, memang benar bahawa China merupakan sebuah negara yang mempunyai pasaran dalaman yang begitu besar dan juga upah tenaga yang lebih murah, maka ia telah berjaya menarik banyak pelaburan asing ke negara itu. Ini tidak bermakna cuma Malaysia yang menghadapi hakikat ini. Kalau kita kaji angka-angka FDI yang telah ditarik oleh negara China, kita dapati semua negara jiran seperti Thailand, Singapura, Korea dan lain-lain negara pun menghadapi hakikat bahawa kita perlu bersaing dengan negara China yang mempunyai tarikan yang lebih besar.

Apa yang kita perlu ada ialah sikap positif. Kita sedar persaingan adalah satu hakikat tetapi bagaimana kita bolek memaksimumkan manfaat dengan pembukaan pasaran China dan adakan perkongsian yang strategik supaya Malaysia juga boleh menggunakan kekuatan China untuk mengeluarkan barangan bagi pasaran ketiga. Saya rasa itu akan lebih memberi manfaat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Fu Ah Kiow: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah faktor Multilateral Agreement on Investment atau MAI yang cuba ditekankan oleh beberapa Multinational Companies iaitu MNCs dengan izin, ke atas negara yang menerima pelaburan menjadi satu faktor kelembapan kemasukan FDI.

Saya bertanya soalan ini kerana sekarang ini soal MAI atau Multilateral Agreement on Investment dijadikan salah satu kuasa perundingan atau *bargaining power* sesuatu syarikat besar masuk ke negara ini. MNCs memohon supaya kehendak-kehendak mereka tidak dihalang dan kalau ada dasar-dasar tempatan yang menghalang perkembangan syarikat tersebut, maka dasar itu juga seharusnya dimansuhkan. Adakah ini benar? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah salah sebuah negara ahli WTO di mana kita sentiasa mengikuti *multilateral agreement* untuk memajukan perdagangan dan juga meningkatkan *cross border investment,* dengan izin. Maka dalam sektor-sektor kita membuka pasaran, kita sentiasa berbincang dengan syarikat-syarikat yang sedia ada dan juga berbincang dengan persatuan-persatuan yang ada kaitan dengan sektor tersebut untuk membuka pasaran kita iaitu kita membuka mengikut kemampuan Malaysia secara progresif

Kita tidak membuka pasaran kita sehingga akan menjejaskan kepentingan syarikat tempatan, tidak. Sebelum kita bersetuju dengan sesuatu pembukaan pasaran, kita sentiasa mengadakan perundingan dengan mereka yang terlibat dalam sektor itu dan juga mengadakan perbincangan dengan persatuan-persatuan yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada di kalangan syarikat asing yang telah menutup operasi mereka di Malaysia dan seterusnya berpindah ke negara-negara lain seperti Vietnam dan Sri Lanka...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti saya habis ini, nanti saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sekejap, sekejap, sila.

Datuk Fu Ah Kiow: Izinkan saya habiskan semua tentang FDI, nanti saya bagi peluang untuk bertanya. Akan tetapi pemindahan ini adalah bagi tujuan mengurangkan kos operasi yang berinsentif buruh dan ada juga dilakukan sebagai sebahagian daripada program penggabungan dan percantuman atau *consolidation* dan *merger* syarikat multinasional itu sendiri bagi memperkukuh daya saing mereka secara global.

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong bahawa kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki iklim pelaburan di negara kita dan meningkatkan daya saing negara. Ini adalah termasuk mewujudkan jawatankuasa khas mengenai daya saing perniagaan kebangsaan yang turut dianggotai oleh wakil-wakil sektor swasta bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh para pelabur dan usaha yang perlu diambil bagi meningkatkan daya saing negara terutamanya dalam isu-isu mengenai sumber manusia, pendidikan, imigresen, infrastruktur, insentif fiskal dan kewangan serta pembaikan dalam dengan izin, *delivery system* di sektor awam. Usaha-usaha ini adalah dilakukan secara berterusan dan akan terus dipertingkatkan lagi di masa-masa hadapan.

Hasil daripada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, kedudukan Malaysia yang telah terjejas akibat daripada krisis kewangan seperti negara-negara lain di rantau ini telah bertambah baik tahun demi tahun. Pada tahun 2001, Malaysia menduduki tempat ke 26 jika dibandingkan dengan tempat ke 29 pada tahun 2001. Ini adalah kerana beberapa faktor yang diambil kira untuk menentukan daya saing sesebuah negara seperti kecekapan jentera kerajaan kita telah bertambah baik daripada tempat 26 ke tempat 19 pada tahun

2001, dan kecekapan *business* daripada tempat ke 36 pada tahun 2001 ke tempat 25 pada tahun 2002 dan infrastruktur daripada tempat ke 38 ke tempat 26. Ini adalah faktor-faktor yang telah bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong semasa perbahasan telah menyebut beberapa data FDI.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti saya bagi, saya tentu bagi, jangan bimbang. Lepas saya habis, saya bagi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya belum bertanya lagi.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti saya bagi, saya…

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan cakap, kalau dia tidak bagi, tidak usah bercakaplah Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Saya jawab semua FDI, nanti saya bagi. Siapa hendak minta penjelasan bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila, Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Fu Ah Kiow: Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong semasa perbahasan telah menyebut beberapa data FDI yang tidak betul dan seterusnya membuat tafsiran yang mengelirukan dan boleh menjejaskan imej negara dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelabur. Adalah tidak benar jumlah FDI di Malaysia pada tahun 2001 berada dalam lingkungan RM3 bilion, sebenarnya jumlah FDI bagi tempoh Januari hingga Ogos 2002, adalah sebanyak RM5.2 bilion.

Adalah tidak benar dan mengelirukan kenyataan bahawa FDI di Malaysia pada tahun 2001, adalah lebih rendah daripada hampir kesemua negara jiran di rantau ini. Sebenarnya jumlah FDI di Malaysia dalam sektor perkilangan pada tahun 2001 secara relatif adalah yang tertinggi iaitu RM18.8 bilion dan ini tidak termasuk pelaburan dalam sektor bukan perkilangan seperti pelancongan, pendidikan dan pertanian. Kedudukan FDI di Malaysia berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain dalam sektor perkilangan seperti yang dilaporkan oleh agensi penggalakan pelaburan negara-negara berkenaan adalah seperti berikut:-

(i) untuk tahun 2000, Malaysia RM19.8 bilion; Thailand RM16.3 bilion; Singapura RM15.9 bilion; Indonesia RM28.9 bilion; Filipina RM6.1 bilion; dan

(ii) untuk tahun 2001, Malaysia RM18.8 bilion; Thailand RM12.5 bilion; Singapura RM14.8 bilion; Indonesia RM15.6 bilion; Filipina RM2.3 bilion.

Ini jelas menunjukkan bahawa FDI dalam sektor perkilangan di Malaysia pada 2001, adalah lebih tinggi daripada negara-negara lain termasuk Singapura. Berdasarkan kedudukan arah aliran pelaburan FDI dan tempatan, kerajaan yakin sasaran pelaburan dalam sektor perkilangan boleh dicapai. Sasaran pelaburan Industrial Master Plan yang kedua bagi tempoh 1956 hingga tahun 2005, adalah RM250 bilion ataupun purata RM25 bilion setahun, manakala jumlah pelaburan yang diluluskan untuk tempoh tahun 1956 hingga tahun 2001 adalah sebanyak RM162.5 bilion. Secara purata pelaburan masuk dalam tempoh ini adalah sebanyak RM27 bilion setahun. Ini bermakna, sasaran pelaburan yang ditetapkan oleh IMP itu telah dicapai walaupun dalam keadaan persaingan sengit untuk menarik FDI. Dengan itu, segala keraguan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong sudah pun terjawab. Minta Kemaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak bertanya mengenai keadaan di Malaysia ini yang *protective* kepada setengah-setengah industri. Contohnya industri automobil yang menyebabkan hari ini pelabur-pelabur luar tidak lagi memilih Malaysia tetapi hari ini mereka memilih Thailand yang lebih menarik berbanding dengan Malaysia kerana mereka lebih terbuka dalam pemasaran industri automatif ini. Inilah akibatnya kita *too protective* kepada Proton sehinggakan pelabur-pelabur baru yang ingin melabur dalam industri automatif tidak lagi datang ke Malaysia tetapi pergi ke negara lain.

Yang keduanya, Yang Berhormat juga menyebut bahawa kebanyakan syarikat yang keluar daripada Malaysia ialah yang melibatkan *labor intensive,* dengan izin. Sebenarnya ini tidak benar kerana banyak juga syarikat-syarikat yang *hi-tech* dan juga elektronik yang keluar daripada Malaysia bukan yang melibatkan *hi-tech in labor intensive* sahaja tetapi juga melibatkan syarikat-syarikat yang *hi-tech* dan sebagainya.

Selain daripada persaingan daripada Asia ini, kerajaan juga patut mengambil kira bahawa di Amerika dan Eropah pun menghadapi kegawatan ekonomi. Kalau kita lihat industri-industri mereka hari ini kapasiti pengeluarannya hanyalah 80%. Maknanya, mereka mempunyai *access* kapasiti menyebabkan mereka tidak melabur ke luar negara mereka dan ini adalah juga faktor yang menyebabkan pelabur-pelabur tidak datang ke sini. Adakah kerajaan mengambil kira faktor-faktor ini dalam membuat formula atau *formulate* polisi untuk menarik lebih ramai pelabur asing ke negara kita? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan syarikat *electronic* dan elektrik yang berbentuk *hi-tech* telah berpindah daripada Malaysia. Kita perlu sedar bahawa di sektor elektronik ini, syarikat seperti Seagate mereka ada banyak aktiviti, ada sebahagian aktiviti yang berintensifkan buruh. Bahagian tersebut ialah bahagian pemasangan tetapi pada masa yang sama ada bahagian yang berintensifkan pengetahuan yang melibatkan reka bentuk produk, yang melibatkan R&D. Sebahagian yang Hi-Tech itu masih ada di Malaysia dan kian banyak syarikat elektronik yang telah menubuhkan operasi seperti *testing*, R&D, produk inovasi di Malaysia. Jadi, adalah tidak benar mengatakan mereka yang pindah adalah berbentuk *hi-tech.*

Yang kedua, tentang kapasiti. Kapasiti pada masa kini bila Amerika Syarikat dalam keadaan yang tidak ketentuan di mana permintaan dalaman yang tidak meyakinkan, tentulah kapasiti adalah kelebihan. Akan tetapi, apabila permintaan meningkat, apabila suasana ekonomi dunia lebih meyakinkan dan apabila orang-orang Amerika Syarikat lebih yakin terhadap masa hadapan mereka, permintaan akan meningkat. Jadi, walaupun dalam sektor tertentu pada masa kini ada kapasiti yang lebih tetapi sama ada mereka akan melabur, syarikat-syarikat swasta, mereka tentu akan mengambil kira tentang kapasiti dan permintaan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Datuk Fu Ah Kiow: Tentang *protective* …., nanti Yang Berhormat bagi Rompin, sekejap ya. …

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab dahulu Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: ….. Tentang *protective industry* yang mengatakan Malaysia terlalu melindungi industri automobil, sebenarnya tajuk ini tidak disentuh dalam perbahasan. Walau bagaimanapun, saya ingin menjawab bahawa kita perlu sedar industri automatif adalah suatu industri berat yang kita ingin wujudkan sebab industri ini ada mempunyai banyak industri sokongan, industri rantaian yang boleh menolong negara kita meningkatkan keupayaan teknikal syarikat-syarikat tempatan dan setakat ini kita pun cuba memperbaiki daya saing dalam sektor ini dan Proton serta Perodua pun banyak mengambil langkah-langkah yang saya telah banyak kali menjelaskan di sini, mereka sedang berusaha termasuk baru-baru ini mereka telah meningkatkan keupayaan reka bentuk mereka dengan mengeluarkan 'Campro' Machine. Dan dengan penghasilan tersebut, saya berharap daya saing mereka akan meningkat dan kos mereka akan menurun…

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya sedikit dan minta pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dalam hujah beliau, begitu banyak perbahasan tentang isu pasaran kita ditutup dan bila pasaran patut dibuka, kadang-kadang dalam perbahasan, perdebatan mengenai pasaran terbuka atau ditutup ini ada agenda tertentu. Kemaman sebagai contoh. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, dahulu bila kita cuba hendak menyelamatkan industri kita kita dituduh *bail out.* Media seperti *Times, Newsweek, Far International Economic Review* semua kata kita *bail out*, tetapi kita tengok apa berlaku kepada Amerika selepas 11 September, 10 bilion mereka belanja untuk menyelamatkan industri penerbangan mereka.

Kita tidak kata mereka *bai lout,* dia kata apa? *To save the industry*. Tetapi bila kita hendak menyelamatkan industri kita, dia tuduh kita *bail out*. Ini kadang-kadang kita, tempatan ini, kerana kita ada agenda kata dalam hati kita, kita macam terbawa-bawa agenda luar. Kita menyanyikan suara lagu yang sama. Ini saya minta pandangan sebab apa kalau misalannya katalah macam industri besi baru-baru ini, Amerika, 100% dia naikkan dutinya untuk menyelamatkan industri besi mereka dan kita hendak menyelamatkan, hendak membela Proton dan Produa yang memberikan pekerjaan ribu-ribu anak Malaysia kita, adakah kita tidak berbangga?

Sepatutnya kita panggil Yang Berhormat bagi Kemaman pergi jumpa warga kerja Proton dan Produa, khabar di situ, buka – mereka tidak akan dapat kerja lagi. Terbuanglah mereka dari kerja mereka, kerana apa? Kalau kita berikan industri automobil yang besar ini, mereka, agenda *globalization* hendak membesarkan pasaran mereka, bukan untuk kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta pandangan Yang Berhormat kadang-kadang kita berbahas dalam politik tetapi mesti ada batasannyalah, batasannya mesti agenda negara kita, mesti ada semangat nasionalisme. Baru-baru ini …

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: …mereka hendak menghantar kepada orang Vietnam, Tuan Yang di-Pertua, hendak menghantar ikan haruan, dia beri duti 1000%, kononnya katanya, ikan haruan di sana boleh memakan orang, semata boleh tembak orang. Dia kata ikan haruan ini merbahaya, dia tidak beri naik sebab itu 1000% naik tarifnya.

Saya hendak minta pandangan beliau. Jangan terlalu kita terikut-ikut globalisasi, desakan buka pasaran tetapi yang patut kita mula agenda kita sentiasa mestilah menjaga, memelihara industri tempatan kita. Saya minta pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan memang benar, negara-negara yang berkuasa besar sentiasa memainkan *double standard* dalam arena perundingan perdagangan antarabangsa. Kes-kes seperti ikan haruan yang mereka mengenakan syarat-syarat yang tidak memadai dan Malaysia juga pernah dikenakan syarat-syarat yang menghalang eksport ikan bilis daripada negara kita. Ini biasalah tetapi apa yang menyedihkan ialah ada pihak tertentu khususnya pembangkang yang sentiasa mengikut-ikutkan pandangan mereka.

Kita perlu sedari bahawa dalam perundingan antarabangsa, kekuatan negara amat penting sebab itu Perdana Menteri kita sentiasa ingin mewujudkan EAEG sebagai satu blok, sebagai satu kumpulan di mana kita, kalau terkumpulnya pasaran maka kita akan mempunyai kekuatan untuk berunding supaya kita dapat yang terbaik untuk negara-negara Asian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok dan Rompin membangkitkan perlunya diperhebatkan lagi usaha-usaha penerokaan sektor eksport bagi membolehkan syarikat-syarikat tempatan bersaing di peringkat global. Berhubung dengan pertukaran ini, MITI melalui agensinya MATRADE telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk mempromosikan produk keluaran syarikat-syarikat tempatan.

Usaha ini diperkukuhkan lagi dengan pelbagai insentif dan bantuan kewangan seperti mana yang pernah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini pada masa lepas. Untuk menggiatkan lagi penerokaan sektor eksport semasa membentangkan Bajet 2003, kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif baru iaitu pengecualian cukai untuk pendapatan berkanun sebanyak 30% untuk syarikat milik tempatan yang mencatatkan peningkatan eksport yang ketara; pengecualian cukai untuk pendapatan berkanun sebanyak 5% untuk syarikat milik tempatan yang menembusi pasaran eksport baru; pengecualian penuh cukai untuk syarikat milik tempatan yang mencatat peningkatan tertinggi di dalam eksport.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian membahaskan pembangunan EKS. Isu yang menjadi tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Yang Berhormat bagi Kapar dan Yang Berhormat Tanjung termasuklah cadangan meningkatkan pemberian insentif, daya saing EKS di pasaran antarabangsa serta memperbanyakkan promosi bagi merangsang pembangunan EKS.

Seperti yang pernah saya maklumkan dalam Dewan ini, kerajaan telah menyediakan pelbagai program insentif dan bantuan kewangan bertujuan membantu EKS meningkatkan pembangunan kapasiti pertumbuhan serta daya saing EKS di pasaran global. Antara bantuan kewangan yang disediakan ialah geran untuk perancangan dan pembangunan perniagaan di tahap I, geran untuk peningkatan produk dan pembangunan proses di tahap II, geran untuk peningkatan produktiviti dan kualiti dan persijilan di tahap III, geran pembangunan pasaran di tahap IV, geran untuk peningkatan keupayaan reka bentuk kejuruteraan, geran e-perkilangan, ERP, geran pelaksanaan standard, dana perolehan teknologi, dana pengkomersialan pendidikan dan pembangunan.

Dari segi kemudahan kredit, skim pinjaman mudah disediakan untuk membantu EKS sedia dan baru dalam pembiayaan projek, aset tetap dan modal kerja. Jumlah pinjaman maksimum ialah RM5 juta iaitu bagi pembiayaan projek termasuk perbelanjaan permulaan dan sebelum operasi sehingga RM250,000. Pinjaman ini dilaksanakan oleh MIDF. Usaha kerajaan tidak berhenti setakat itu sahaja malah sentiasa memberi perhatian untuk terus memajukan EKS.

Sehubungan dengan itu, kerajaan dalam Bajet 2003 telah mencadangkan pengurangan cukai daripada 28% kepada 20%, ke atas pendapatan yang dikenakan sebanyak RM1000 kepada syarikat EKS. Ini adalah juga sebahagian daripada inisiatif bagi pelaburan tempatan kerana majoriti daripada pelaburan tempatan adalah syarikat bersaiz kecil dan sederhana.

Sebenarnya panduan pembangunan EKS secara terancang telah didokumenkan dalam Pelan Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana (SMIDP). Pelan ini menggariskan tindakan-tindakan yang perlu bagi membantu EKS dalam lima bidang utama berkaitan pasaran teknologi pembangunan kemahiran, kewangan dan maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Marang supaya usaha juga diambil untuk menekankan pelaburan di sektor pertanian, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan memang menyedari kepentingan sektor pertanian terutamanya di bidang makanan. Ini dapat dilihat daripada usaha-usaha kerajaan bagi menggalakkan lagi pelaburan dalam sektor pemprosesan makanan dan projek-projek pertanian.

Pada tahun 2001, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah meluluskan sebanyak 51 projek pemprosesan makanan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM855.4 juta, manakala pada setengah tahun yang pertama untuk tahun 2002 (Januari hingga Jun) ini. Jumlah pelaburan untuk 6 bulan pertama tahun 2002 adalah 76% daripada keseluruhan pelaburan untuk tahun 2001.

Di antara projek yang diluluskan adalah dalam minyak masak, koko, hasil ternakan, keluaran makanan laut siap proses, makanan berasaskan tepung dan makanan haiwan. Bagi projek pertanian, pada tahun 2001 sejumlah 23 projek pertanian telah diberikan galakan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan pelaburan berjumlah RM63 juta diluluskan. Di antara projek-projek utama

yang diluluskan, insentif cukai adalah projek *aquaculture*, penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran, projek ternakan biri-biri dan ikan hiasan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kecekapan dan keberkesanan sektor awam dalam melaksanakan dasar kerajaan juga telah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Di peringkat MITI banyak langkah telah diambil bagi membantu pihak swasta dalam mempercepatkan proses kelulusan dalam pelaksanaan projek-projek perindustrian.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh MITI ialah mewujudkan unit penyelarasan pelaksanaan projek di MIDA untuk memantau masalah-masalah pelaksanaan projek perkilangan dalam mendapatkan kelulusan-kelulusan pelan bangunan dan Sijil Kelayakan Menduduki atau CF. Sejak unit ini ditubuhkan masalah yang dihadapi oleh para pelabur yang melibatkan kelulusan di peringkat negeri dan kerajaan tempatan telah dapat diselesaikan.

Mengenai cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Bachok supaya dasar kerajaan dalam menghantar balik pendatang asing dan proses pengambilan pekerja asing dikaji semula. Ingin dimaklumkan, bagi sektor pembuatan, MITI telah menyediakan satu garis panduan mengenai dasar peraturan dan prosedur pengambilan pekerja asing di sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan berkaitan perkilangan.

Mulai 1 Jun 2002, MITI telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi menilai dan menimbangkan sesuatu permohonan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh MITI, KDN, Jabatan Tenaga Rakyat, Jabatan Buruh, MIDA dan SMIDEC. Semua permohonan pengambilan pekerja asing bagi sektor perkilangan ini perlu dibuat ke MITI sahaja. Semenjak terlaksananya prosedur baru ini, MITI telah memproses permohonan yang melibatkan 9,700 orang pekerja asing bagi tempoh Julai hingga Ogos 2002 dan semuanya telah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Berhubung dengan tenaga kerja yang berdaya tahan dan berdaya saing seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam, kerajaan memang menyedari bahawa ia merupakan satu prasyarat penting bagi membolehkan negara terus mencapai pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan khususnya dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan termasuklah menyediakan pelan induk pembangunan sumber manusia bagi memastikan keperluan tenaga kerja yang sesuai bagi sektor-sektor di dalam ekonomi dipenuhi secara terancang. Pada masa ini, juru perunding bagi menyediakan pelan berkenaan telah pun dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi untuk melaksanakan pelbagai program latihan bagi meningkatkan bilangan dan kualiti tenaga kerja berkemahiran termasuk penyediaan kemudahan latihan dan bantuan kewangan, meneruskan program khusus bagi menggalakkan rakyat Malaysia yang berkemahiran di luar negara pulang untuk berkhidmat di negara ini.

Di bawah program peningkatan kemahiran bagi meningkatkan kemahiran, kecekapan serta produktiviti syarikat IKS, SMIDEC telah bekerjasama dengan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri bagi menyediakan latihan kemahiran teknikal kepada syarikat-syarikat IKS di mana SMIDEC akan membiayai 80% daripada yuran latihan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka agar Perjanjian GATT dikaji semula memandangkan permintaan, dengan izin, European *commission* boleh menjejaskan sektor perkhidmatan tempatan. Ingin dimaklumkan bahawa rundingan perdagangan…..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan ulasan Yang Berhormat tentang SMIDEC. Banyak usaha yang berjaya yang telah dilaksanakan oleh SMIDEC dan difahamkan dalam minggu ini pun ada satu *exhibition* untuk industri kecil dan sederhana yang akan diadakan di PWTC. Syabas kepada SMIDEC.

Tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dengan pengumuman dalam bajet kita baru-baru ini bahawa kita ingin mengalihkan kepada satu jalan baru atau *second track* kepada *services.* Adakah SMIDEC pada masa akan datang memikirkan wajar, bukan sahaja tumpuan kepada pembuatan tetapi kepada nilai tambah dan nilai tambah ini tidak semestinya kepada pembuatan semata-mata tetapi juga kepada industri-industri kecil yang lain. Adakah ini juga kemungkinan menjadi satu tumpuan akan datang kepada kementerian?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya skop yang layak menikmati segala bantuan dan geran yang disediakan oleh SMIDEC telah pun diperluaskan merangkumi perkhidmatan yang ada kaitan dengan perkilangan buat sementara. Misalnya dalam sektor perkhidmatan seperti *engineering support services,* dengan izin, *calibration, electro-plating, machining, heat treatment, metal casting* dan juga lain-lain perkhidmatan yang khusus seperti *sterilization, waste treatment* dan juga ada kaitan dengan perkilangan seperti *logistic service, warehousing, bulk breaking, international procurement, maintenance repair, ERP, automation production line, design* dan sebagainya.

Perkhidmatan atau sektor-sektor perkhidmatan yang ada kaitan dengan perkilangan, kini pun telah layak memohon bantuan dan geran daripada SMIDEC. Jadi, ini adalah peringkat pertama dan SMIDEC juga sedang mengkaji pada masa akan datang untuk memperluaskan lagi perkhidmatan kepada sektor-sektor yang bukan perkilangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Fu Ah Kiow: Ada, tidak panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Fu Ah Kiow: 5 minit. Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka agar Perjanjian GATT dikaji semula memandangkan permintaan, dengan izin……

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kelang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Oh, sudah sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kelang berdiri. Ya, sila.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, saya telah membangkitkan masalah berkenaan dengan pinjaman wang daripada institusi kewangan, masalah yang dihadapi oleh IKS. Walaupun pihak kerajaan telah memberi nasihat dan amaran kepada pihak institusi kewangan, namun begitu ia tidak menerima respons yang berkesan dan baik.

Jadi, saya ingin tahu sama ada kerajaan akan menggunakan cara yang lain untuk menggalakkan pihak bank-bank untuk meminjamkan wang kepada IKS dan dalam ucapan Belanjawan itu, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah sebutkan ada alternatif. Apakah cara alternatif itu? Bolehkah Yang Berhormat memberi satu cadangan yang lebih spesifik? Misalnya kalau skim-skim CGC tidak berkesan, patutlah kita menggunakan skim-skim yang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum bahawa Bank Negara telah pun mensyaratkan supaya semua institusi perbankan mesti merizabkan sebahagian pinjaman untuk IKS melalui CGC. Apa yang berlaku ialah peranan yang dimainkan oleh IKS kian penting dan kian ramai IKS perlukan bantuan kewangan dan pinjaman untuk mengembangkan perniagaan mereka. Maka, institusi perbankan tempatan sentiasa digesa dan disuruh untuk mengambil sikap yang lebih positif cuba mengkaji dari segi daya jaya atau *commercial viability* sesuatu permohonan atau sesuatu projek dan

janganlah semata-mata meminta cagaran di mana ia adalah di luar daripada kemampuan IKS. Kita harap pihak pembangkang dapat….. eh pihak*….[Ketawa]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Fu Ah Kiow: *Sorry*, pihak bank-bank tempatan dapat memberi bantuan kepada IKS tempatan. *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, tadi tentang GATS, ingin saya memaklumkan bahawa rundingan perdagangan perkhidmatan yang sedang berjalan sekarang adalah ekoran daripada keputusan yang dibuat oleh persidangan keempat Menteri-menteri WTO di mana perkhidmatan adalah salah satu sektor yang perlu dirundingkan.

Pusingan rundingan perkhidmatan adalah selaras dengan perjanjian am mengenai perdagangan dalam perkhidmatan GATS di mana Malaysia sebagai ahli WTO dibenarkan untuk melaksanakan liberalisasi secara berperingkat atau progresif. Perjanjian tersebut menyediakan fleksibiliti kepada negara membangun seperti Malaysia untuk pembukaan pasaran kepada pembekal-pembekal luar negara di bawah syarat-syarat tertentu berdasarkan tahap kesetiaan dan kepentingan negara.

Liberalisasi sektor perkhidmatan akan dicapai melalui rundingan-rundingan dua hala. Permintaan yang diterima dari EC sedang dibincangkan oleh MITI dengan pihak industri dan belum ada sebarang keputusan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan oleh Yang Berhormat bagi Sibu supaya kerajaan memansuhkan lesen import dan duti import yang dikenakan ke atas barangan yang berkaitan dengan pembinaan kapal-kapal, sukacita saya memberi penjelasan. AP yang dikenakan ke atas barangan pembinaan kapal yang diimport adalah untuk maksud kawalan dan menentukan barangan tersebut tidak bersaing dengan barangan besi keluaran tempatan.

Namun begitu, untuk memudahkan urusan, mulai 15 Mac tahun ini, pengeluaran AP bagi industri ini telah dipermudahkan dengan kewujudan, dengan izin, *green lane counter* di mana tempoh proses AP adalah hanya tiga hari bekerja. Pengimport barangan pembinaan kapal boleh mengemukakan permohonan pengecualian duti import dan pertimbangan boleh diberi kepada syarikat yang menjalankan aktiviti pembinaan kapal yang barangannya tidak dikeluarkan oleh pengeluar tempatan dan jika barangan yang dikeluarkan adalah untuk eksport, pengeluar juga boleh dapat *rebate duty* yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mencadangkan strategi pertumbuhan industri domestik dengan membangunkan industri gas dan petroleum, pendaratan gas ke Malaysia, bukan melalui Thailand. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand telah membangunkan secara usaha sama sumber gas asli di kawasan bertindih sempadan pengairan luar pantai Malaysia-Thailand yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia Thailand (MTJDA).

Berdasarkan perjanjian penjualan gas pada 30 Oktober 1999, gas untuk bahagian Malaysia akan disalurkan menerusi saluran paip dengan izin, *Trans Thailand-Malaysia Pipeline System* dari loji pemprosesan gas di Songkhla ke Changlun Kedah untuk bertemu dengan saluran paip gas, sistem penggunaan gas Semenanjung Malaysia. Projek saluran paip gas TTM dan loji pemprosesan gas akan dibina dan dikendalikan oleh syarikat dengan izin, *Trans Thailand-Malaysia Pipeline Limited* iaitu, syarikat usaha sama 50-50 di antara Petronas dan *Petroleum Authority Thailand* iaitu sebarang keputusan membabitkan projek ini adalah merupakan keputusan bersama di antara Petronas dan PTT. Pelaksanaan projek saluran paip gas mengikut laluan yang dirancang adalah merupakan penekanan terbaik daripada segi ekonomi, teknikal dan jaminan bekalan, dengan izin.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti, saya habis dulu. Sikit lagi. Dengan izin, *security of supply*. Projek berkenaan akan memenuhi permintaan gas daripada pengguna-pengguna

di sektor jana kuasa elektrik dan industri terutama barang industri eksport di kawasan utara Semenanjung Malaysia dan di selatan Thailand. *Petroleum Authority of Thailand* memerlukan dengan izin, *anchor consumer* bagi mendapatkan pulangan daripada pelaburan yang telah dibuat. Laluan yang dipilih juga akan memberi tambahan bekalan gas untuk seluruh kawasan Semenanjung yang setakat ini hanya bergantung kepada satu pintu masuk di Kerteh, Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan. Tadi, Yang Berhormat sebutkan *security* bekalan. Ini adalah satu konsep yang perlu Yang Berhormat fahami sepenuhnya kerana *security* bekalan bermakna apabila kita boleh mengawal sesuatu sumber, lebih besar kawalan itu, itu lebih selamat. Jika kita mendaratkan di Thailand, itu bermakna, kita sudah meletakkan kawalan kita menjadi lebih longgar dan ini menggugat apa yang dipanggilkan sebagai *security of supply*. Jika *security of supply* itu kita ungkapkan, bermakna kita akan membawa pendaratan itu ke dalam pantai di dalam kawalan kita.

Yang kedua ialah, Yang Berhormat semua tahu bahawa apabila pendaratan ini dicadangkan dinaikkan di Songkla, sampai hari ini ia tidak dapat dinaikkan. Ini ialah kerana pihak Thailand sendiri telah membantah dan walaupun Perdana Menteri kita kali yang terakhir, tiga bulan yang lepas, telah bertemu dengan Thaksin, Perdana Menteri Thailand, tetapi kita hanya dapat jaminan mulut dan sudah beberapa kali jaminan ini diberikan. Itu menunjukkan bahawa kita tidak mengawal *security* yang kita maksudkan tadi.

Jadi, saya berharap kita berunding semula dengan Thailand dan saya ingin tahu adakah Thailand membantah sekiranya kita bawa naik ke Malaysia. Saya mendapat tahu daripada sumber-sumber di Bangkok, Kerajaan Thailand tidak membantah tetapi kita lebih-lebih pula hendak bawa pergi ke Thailand dan kalau MITI tidak boleh berunding dengan pihak Thailand, saya ingat Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan Pokok Sena, saya juga insya-Allah, boleh membantu Yang Berhormat untuk berunding.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, apa salahnya kalau kerajaan sudah tidak mampu hendak berunding, kita boleh tolong berunding.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup Yang Berhormat. Tidak, kita satu sahaja kerajaan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ini menunjukkan kelemahan kerajaan daripada segi perancangan dan juga penglihatan kerajaan. Perspektif kerajaan adalah terlalu lemah, lebih-lebih lagi apabila kita hendak *connect* dengan PGU di Perlis, di Changlun dan saya difahamkan sebahagian daripada paip gas ini, kita hendak gunakan sebagai *power plant* untuk *power plant generation.* TNB ada sini, boleh mengesahkan. *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Rompin]* Ini juga satu konsep yang tidak *secure* kerana pertama, jika bekalan gas ini tergendala oleh sesuatu sebab di luar kawalan kita, katakan ada satu lubang dan sebagainya, *power plant* kita akan kehilangan gas dan tidak boleh dinyalakan. Jadi, lebih baik kita bawa datang ke Malaysia, ke Kelantan, apa salahnya. Kelantan pun dalam Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Jangan cuba hendak anak tiri Kelantan sampai gas ke Malaysia dinaikkan di Thailand. Jadi, saya berharap jawapan yang lebih profesional, patriotik dan lebih kemas dapat diberikan. Sudah berapa lama kita tunggu, tidak naik-naik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Siapa salah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah kita kena bayar penalti lagi dan penalti tidak disebut oleh Setiausaha Parlimen, berapa penalti yang Petronas kena bayar kepada Tricon kerana kelambatan pengeluaran. Pengeluaran tidak boleh keluar. Kita sudah *overdue* daripada segi *agreement*. Sudah beberapa tahun dah kita *overdue*, kita kena bayar penalti kepada Tricon dan ini tidak disebut berapa banyak Petronas rugi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Datuk Fu Ah Kiow: Cukuplah penjelasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah, panjang sangat.

Datuk Fu Ah Kiow: Yang pertama, saya rasa Yang Berhormat suka dengar sumber-sumber daripada luar negeri dan lain-lain tempat tetapi biasanya penjelasan yang diberi dalam Dewan ini, dia enggan terima. Yang pertama tentang *security project*. Dalam dunia di mana kita sering menekankan kerjasama antara negara-negara terutamanya negara-negara ASEAN, takkanlah semua projek kita hendak menekankan misalnya jika saluran paip mesti mendarat di Malaysia. Ia perlu dikaji daripada segi seperti saya kata dalam ucapan saya, daripada segi ekonomi, daripada segi teknikal dan juga jaminan bekalan.

Jadi, ada banyak faktor perlu dikaji. Tidak boleh semata-matanya apa yang dibawah Malaysia, barulah ia selamat. Kalau begitu, kabel-kabel Internet, kabel-kabel elektrik, kabel-kabel informasi, langsung tidak boleh disambung ke Malaysia, sebab ia mungkin ada masalah *security*. Jadi, saya rasa kita perlu ada sikap yang lebih terbuka. Lagipun, kita tahu selama ini kita tidak ada masalah.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia jawab lagi Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow:.....bekerja dengan negara-negara ASEAN seperti Thailand. Yang kedua.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab dulu, Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Tentang masalah yang dihadapi dalam melaksanakan saluran paip. Kita sedia maklum bahawa projek ini adalah projek besar-besaran. Tentu mungkin ada penduduk tempatan yang berasa kurang senang dan ia memerlukan penyelarasan. Dalam projek di dalam Malaysia pun, bila kita ada penempatan penduduk, kita juga menghadapi bantahan daripada penduduk tetapi kalau kita ada rancangan seperti penempatan semula, pemberian pampasan, masalah teknikal ini dapat diselesaikan. Jadi, saya harap Yang Berhormat janganlah menuduh kita yang bukan-bukan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat, lepas itu Rompin, ya.

Datuk Fu Ah Kiow: *Last*, *last*.

Tuan Husam bin Haji Musa: *Last, last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi Rompinkah siapa ini?

Datuk Fu Ah Kiow: Eh, Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Haa, Rompin.

Tuan Husam bin Haji Musa: Rompin buat apa lagi. Rompin bukan ada masalah, Kerian. Saya hendak bertanya ada *point* itu, bagi saya dulu, kemudian dia cakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahulah, dia bagi Rompin.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh saya cakap dulu?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Setiausaha Parlimen bagi kepada Rompin.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Lepas itu, sayakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian, duduklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Lepas daripada Rompin, saya? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bagi Rompin, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian hari ini macam ada semangat baru sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, terus Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen, kementerian ingin membangunkan industri di seluruh negara kita. Tadi, Yang Berhormat bercakap tentang masalah kita dengan negara Thailand tetapi saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat berpuas hati dengan pembangunan industri kita di Kelantan itu sendiri sebab tadi ada tawaran daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sama ada Yang Berhormat hendak cadangkan Kubang Kerian kembali nanti ke Kelantan, menjadi Menteri Besar Kelantan, barulah kita bela betul Kelantan. Semangat yang berkobar-kobar ini. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih. *[Dewan riuh seketika]*

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, itu kisah yang sedih di Kelantan dan di Terengganu.

Beberapa Ahli: Ya!

Datuk Fu Ah Kiow: Seperti yang saya telah jawab semalam.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kali terakhir - last.

Datuk Fu Ah Kiow: Tidak payah lagilah sudah habis..

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Husam bin Haji Musa: Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang baik hati dan Tuan Yang di-Pertua yang baru. *[Ketawa]* Tadi Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan lebih *economic* didaratkan di Songkhla. Ini pun tidak betul, Yang Berhormat semua tahu dari Kota Bharu bagi Blok MTJDA hanya 140 kilometer, tetapi ke Songkhla 270 kilometer dan ke Changloon 90 kilometer lagi. Bermakna 360 kilometer dan tiap-tiap satu kilometer *pipe line* ialah USD1 juta. Jadi kita akan membazirkan wang hampir setengah bilion *extra* bagi paip sahaja dan dari Blok PM301 dalam perairan Kelantan itu lebih dekat, tidak *economic* sama sekali.

Yang kedua, Yang Berhormat tahu bahawa dalam *joint venture* 50-50 ini pihak Thailand telah pun mendaratkan gas yang hendak digunakannya di Rayong. Mereka sudah daratkan, ini *portion* kita, *portion* Thailand sudah *lending* dekat Rayong. Dia tidak ada masalah *this is our portion*. Jadi, bukan kita kata kita tidak mahu terbuka, yang kita hendak ialah runding semula. Apabila mengikut *agreement* itu sendiri Thailand telah gagal untuk memberikan kebenaran pendaratan selepas dua tahun lebih dan kita kena membayar *penalty* dan *penalty* itu dibayar oleh Petronas bukan oleh PTT Thailand. Jadi, adalah menjadi hak kita untuk berunding semula takkan runding semula pun tidak boleh. Apa punya kerajaan hendak runding semula pun tidak boleh. Jadi, macam mana kerajaan apa? Hendak berunding tidak boleh, dengan Singapura boleh berunding, dengan Amerika boleh berunding, dengan Pope boleh berunding, dengan Thailand tidak boleh berunding. Saya tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang Yang Berhormat hendak minta penjelasan bukan berhujah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya tidak faham macam mana Kerajaan Malaysia tidak boleh berunding semula untuk mendaratkan gas ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen fahamlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...di Malaysia. Sebab itu kita menawarkan untuk berunding bagi pihak Kerajaan Malaysia. Apa salahkah? *[Tepuk]* Biasa sahaja dalam dunia ini, pembangkang menolong kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, sekarang bukan masa untuk Yang Berhormat berucap.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengambil gambaran yang terlalu *simplistic*, kos sesuatu projek bukan ditentukan kepanjangan paip sahaja, ada lain-lain elemen kos. Jadi, kalau kita bukan dalam syarikat tersebut kita bukan pakar-pakar yang untuk…

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini bukan cara, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat faham tidak, ini Peraturan Mesyuarat.

Datuk Fu Ah Kiow: … tidak faham peraturankah? Bila saya beri peluang Yang Berhormat minta penjelasan, saya dengar. Jadi, bila saya menjawab dengarlah. Sebab itu Yang Berhormat tidak suka dengar, Yang Berhormat tidak faham. Jadi kos elemen ada banyak, paip cuma salah satu darinya. Jadi, jangan mengambil gambaran yang terlalu *simplistic.*

Jadi, sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua penjelasan yang ingin saya memberikan kepada…..

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Datuk Fu Ah Kiow: ....beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow*: [Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong ada apa?

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) yang kita belum bereskan kelmarin. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow: *Hansard* pun sudah dikeluarkan, ….

Puan Chong Eng: Ya, ya.

Tuan Chow Kon Yeow: ….orang yang ditujukan pun ada di sini. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat okey. Baik, saya telah semak *Hansard* yang dikeluarkan pada hari ini..

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam ucapan Yang Berhormat bagi Kota Melaka memang tidak menggunakan bahasa biadab. Yang kedua teguran daripada Yang Berhormat bagi Rompin beliau telah menyatakan bahawa dia hanya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka sama ada beliau ada menggunakan perkataan 'polis bodoh' itu. Sehubungan dengan ini Yang Berhormat bagi Rompin pun tidak membuat apa-apa kesilapan, dia hanya hendak tahu sama ada Yang Berhormat bagi Kota Melaka ada menggunakan bahasa itu atau tidak. Oleh itu Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) tidak timbul dalam perkara ini. Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chow Kon Yeow: ....mengikut *Hansard* yang dikemukakan jelasnya Ahli Yang Berhormat bagi Rompin membuat tuduhan yang beberapa kali. Sebenarnya dia menyebut perkataan itu tidak kurang daripada lima kali bahawa Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengatakan 'polis bodoh'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebenarnya tidak timbul sama sekali..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong, saya pun ada membaca juga..

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi sekurang-kurangnya Dewan ini menuntut satu keadilan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau tidak minta maaf pun tarik balik apa yang dikatakan..

Puan Chong Eng: Ya, setuju*. [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin kata saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebab ia ulangi satu perkara yang tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana beliau nampak pada ketika itu Yang Berhormat bagi Kota Melaka emosional sedikit. Jadi, inilah telinga dia mendengar, apa yang didengar itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagi peluang Yang Berhormat bagi Rompin menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin adakah niat yang tidak baik ketika itu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tadi Yang Berhormat bagi Tanjong memberi ulasan. Saya terdengar mengatakan bahawa, saya bertanya kepada

Dato' Setiausaha Parlimen bahawa adakah Dato' mahu bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka, adakah Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengatakan polis itu bodoh. Saya hendak bertanya, kalau dia kata tidak, tidaklah. Saya tidak kata 'oi Kota Melaka! hang kata polis bodoh?'. Saya tidak mengatakan begitu, saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat mahu bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Adakah Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengatakan polis bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin saya sekarang..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak berhajat bahawa Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengatakan polis bodoh. Saya tidak ada hajat begitu

Tuan Chow Kon Yeow: Tetapi Yang Berhormat mengulangi sehingga lima kali.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya ulangi perkataan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak mengatakan begitu. Yang Berhormat bagi Tanjong saya sudah beritahu, saya tidak ada hajat, tidak ada niat.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya rasa ada niat yang sungguh jahat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Tanjong minta saya menjawab.

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau tidak satu kali sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rompin

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Tanjong sekarang sudah emosional juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, semalam Yang Berhormat bagi Rompin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka sama ada - dan selepas itu, sekarang saya telah merujuk, semak tidak ada, sudah cukup. Yang Berhormat cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Habis, youlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, dia kata dalam muka surat 148 Yang Berhormat bagi Rompin mengatakan 'Betul, Dato' Timbalan Menteri dengar tak, dia kata 'polis bodoh'*..... [Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak apa cukup.

Tuan Chow Kon Yeow: Dia memang tuduh, berniat jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis sekarang Yang Berhormat bagi Rompin sendiri mengatakan dia tidak ada niat itu.

Puan Chong Eng: Mana boleh, dia kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah. Saya membuat keputusan Yang Berhormat bagi Kota Melaka tidak menggunakan bahasa yang tidak senonoh. Jadi, Yang Berhormat bagi Rompin bertanya saya jawablah. Semalam memang dia tidak berkata 'bodoh' itu. Jadi sekarang saya minta Menteri, sila jawab.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tanya Yang Berhormat kalau sudah tidak ada, tidak adalah apa lagi hendak dibangkitkan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Memang dia berniat jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat ini bukan kedai hendak tawar, bolehkah tidak boleh. Keputusan sudah dibuat. Cukup, cukup. Baiklah cukup.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ingat ini pasarkah?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, lebih cepat lebih baik. *[Ketawa]*

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga

4.09 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2003 dan menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Segala saranan dan pandangan merupakan satu maklum balas yang penting dan akan dijadikan asas bagi kementerian untuk tujuan perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti kami.

Ahli Yang Berhormat bagi Marang telah mencadangkan supaya kelayakan cuti bersalin ditambah dari 60 hari ke 90 hari termasuk membenarkan cuti 15 hari sebelum bersalin.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah melanjutkan tempoh cuti bersalin daripada 42 hari kepada 60 hari mulai 1 Mei 1998. Anggota sektor Awam juga dibenarkan mengambil cuti tanpa gaji selama maksimum 90 hari untuk memberi peluang kepada ibu menyusu dan menjaga anak-anak mereka. Di bawah Bajet 2003 yang dibentangkan baru-baru ini, kerajaan telah meluluskan tambahan cuti *paternity* daripada tiga hari kepada tujuh hari untuk membolehkan bapa-bapa bersama dengan isteri dan anak mereka yang baru dilahirkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengutamakan keluarga.

Mengenai tabung usahawan wanita, kerajaan sememangnya telah memberi penekanan kepada kemajuan para usahawan termasuklah usahawan wanita melalui pelbagai agensi kerajaan…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Peringat bangun.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tabung khusus untuk…, saya tidak beri laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ok, baiklah.

[Beberapa Ahli Pembangkang bersorak]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tabung khusus untuk usahawan wanita telah diwujudkan di bawah SMIDEC iaitu Skim Pembangunan Khas untuk Wanita. Ia merupakan satu pakej khas yang lebih fleksibel dan bersesuaian….

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun…..

Puan Chong Eng: Tidak bagilah, tidak bagi…

Puan Teresa Kok Suh Sim: *Double standard……*

Tuan Chow Kon Yeow: *Double standard* betul….

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Dan bersesuaian dengan keperluan usahawan wanita……

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, sila duduk.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya akan beri laluan tapi sedikit masa, ini saya baru hendak *start* ini Tuan Yang di-Pertua, enjin baru hendak *start* sudah hendak kena *stop*, macam mana ni?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah dia…

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: …..Kerajaan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia juga mewujudkan skim pembiayaan ibu tunggal bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan taraf ekonomi dan sosial golongan ibu tunggal. Selain daripada itu kerajaan menyediakan berbagai skim atau tabung untuk membantu para usahawan tanpa mengira *gender.*

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta usahawan-usahawan wanita merebut peluang-peluang yang ada dan memanfaatkan untuk kejayaan dan kecemerlangan wanita itu sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Selain daripada itu penyediaan skim dan tabung untuk membantu usahawan dengan latihan kemahiran tertentu yang berkaitan dengan bidang keusahawanan juga disediakan kepada usahawan wanita termasuk latihan dalam bidang ICT di bandar dan di luar bandar. Dalam hubungan ini kementerian telah melancarkan dua projek iaitu Nur-Eta Dot Com untuk membantu golongan ibu tunggal supaya celik komputer dan mendapat akses kepada maklumat yang berkaitan dan projek *market place dot net* bertujuan untuk membantu kaum wanita peribumi Sabah dan Sarawak memasarkan produk kraf tangan mereka melalui *Internet*.

Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pula membangkitkan isu supaya setiap organisasi diwajibkan mempunyai pusat penjagaan atau asuhan anak-anak atau PAKK bagi pekerja. Saya suka memaklumkan bahawa perkara ini sebenarnya merupakan salah satu isu yang telah diberi perhatian serius oleh kementerian ini dan juga Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebagai satu usaha ke arah menarik lebih ramai wanita ke dalam pasaran pekerjaan. Kementerian telah menubuhkan kumpulan kerja teknikal wanita dalam pasaran pekerjaan untuk menangani isu ini di samping mencari jalan supaya wanita dalam pasaran pekerjaan terjamin daripada segi peraturan, undang-undang dan kebajikan mereka.

Isu ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Marang supaya setiap syarikat yang mempunyai lebih daripada 100 orang pekerja wanita menyediakan *nursery* atau pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja atau di kawasan kediaman yang dibiayai sepenuhnya oleh majikan. Perkara ini perlu dikaji secara mendalam kerana ia boleh menimbulkan implikasi sampingan seperti majikan akan mengurangkan pengambilan pekerja wanita bagi mengelakkan daripada membiayai kos PAKK. Sekiranya ini berlaku, ia akan tersasar daripada tujuan asal penubuhan PAKK iaitu untuk memudahkan wanita bekerja serta meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan.

Oleh itu langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pada masa ini dalam soal PAKK adalah tepat dan usaha-usaha ke arah menggalakkan penubuhan PAKK akan diteruskan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah, Permatang Pauh, Sepang…….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: …. Bukit Mertajam dan Petaling Jaya Utara telah membangkitkan masalah dan keperluan ibu tunggal.....*No* laluan, *sorry* Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ha..ha!, *no* laluan. *You just give us the return answer* .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah pun diberi masa untuk menyuarakan, jadi berilah masa kepada saya untuk menjawabnya. Kementerian sentiasa prihatin terhadap isu-isu yang dibangkitkan dan beberapa usaha yang telah, sedang dan akan terus diambil untuk menangani isu-isu tersebut. Buat masa ini kementerian .....

Seorang Ahli: Geram ni.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Buat masa ini kementerian sedang dalam proses menyiapkan pelan strategik ibu tunggal bagi memastikan kesejahteraan ibu tunggal dan keluarga mereka. Pada asasnya strategi yang digubal meliputi program bagi meningkatkan pembangunan kapasiti jangka panjang supaya mereka boleh berdikari. Pelan strategik tersebut menggunakan pendekatan bersepadu dengan agensi kerajaan lain seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah dan Sungai Benut mengenai dengan penempatan ibu tunggal yang berpendapatan RM600 sebulan di sebuah kawasan perumahan kos rendah secara berkelompok, saya ingin memaklumkan bahawa kaedah, prosedur serta syarat pengagihan rumah kos rendah kepada ibu-ibu tunggal akan ditetapkan kelak dengan pihak-pihak berkaitan. Saya juga mengambil perhatian di atas kenyataan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tentang kesukaran ibu-ibu tunggal untuk mendapatkan peluang pekerjaan kerana mereka sering kali dipinggirkan…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Untuk membantu ibu tunggal mendapatkan pekerjaan, kementerian telah melaksanakan beberapa strategi dengan kerjasama agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang tertentu termasuk pertama mewujudkan rangkaian ataupun *networking* dengan agensi yang mengendalikan program-program bantuan kewangan untuk membantu ibu tunggal yang memerlukan bantuan segera....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading...

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Kedua, melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti Wanita termasuk ibu tunggal dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, *literacy* ICT serta kemahiran dalam pengeluaran produk tertentu seperti makanan dan kraftangan dan ketiga menggalakkan penyertaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Okaylah, satu soalan diberikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading selepas ini jangan bangun lagi ya?

[Beberapa Ahli ketawa]

Seorang Ahli: Macam mana nak bangun, ...cengih!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya terpengaruh dengan wanita Dato' Seri. Jadi terima kasih Dato' dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mukadimah tidak payahlah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hormat, hormat wanita kalau tidak nanti wanita marah, macam wanita-wanita DAP, takut sangat dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu pun tak perlu Yang Berhormat, masa tak cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga. Sejak kementerian ini ditubuhkan, memang banyak kerja yang telah dijalankan dan saya lihat martabat dan harkat wanita makin dihargai dan dihormati ini syabas dan tahniah, berbagai-bagai usaha. Ibu tunggal, itu sebagai contoh dan banyak lagi perkara-perkara yang memberikan penghargaan dan memberikan sesuatu pengiktirafan kepada wanita hasil usaha Yang Berhormat Menteri dan kementerian, termasuk selama ini tiga hari sahaja suami diberikan cuti kalau si isteri bersalin. Hari ini sudah tujuh hari, termasuk agaknya yang ini tujuh hari ini ada kaitan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat semasa Yang Berhormat berucap perkara ini telah bangkit, tidak payah ulang lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak bangkit dalam ucapan, saya tak dapat, saya diberi masa terlampau singkat. Termasuk tema makin hari makin sayang agaknya tujuh hari ini kalau agak ditukar sedikit tema ini makin hari makin geram macam mana agak-agak, saya tak tahulah agaknya jadi macam mana. Apakah tak boleh tujuh hari itu dinaikkan lagi? Cuti suami kerana si isteri bersalin jadi supaya makin hari makin sayang ataupun makin hari makin geram? Saya tak tahu saya lebih suka yang makin hari makin geram itu maknanya dia lebih rapat hubungan. Jadi apa agaknya komen Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana sentiasa memberi rangsangan kepada kami di Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Insya-Allah, kita akan bekerja lebih kuat untuk menentukan bahawa nasib wanita Malaysia di bawah Kerajaan Barisan Nasional sentiasa terbela.

Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa di sini cuti tujuh hari yang diberi daripada tiga hari naik ke tujuh hari adalah di antara perjuangan kementerian. Insya-Allah, saya percaya bahawa dalam masa-masa yang akan datang tempoh tujuh hari itu akan dapat dinaikkan lagi. Tunggulah sahaja Yang Berhormat. Saya percaya bahawa mungkin dalam masa dua tiga tahun ini pihak kementerian akan dapat menarik perhatian pihak-pihak berkuasa dan cuti yang lebih banyak diberi kepada bapa.

Cuma saya hendak nyatakan di sini Yang Berhormat, ada *feedback* yang kita dapat bahawa ada juga di antara isteri yang merasakan kalau cuti begitu lama sangat diberi kepada bapa itu, kalau bapa itu tak membantu isteri untuk menjaga anak, ini akan membazir. Ada sesetengah yang kata bapa itu dia lagi leceh hendak jaga daripada anak. Tetapi itu adalah pendapat bukan semua wanita. Ada yang menghargai tetapi ada setengah *feedback* yang kita dapat itu selepas seminggu itu eloklah suami mereka balik ke tempat kerja. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya *continue,* dengan izin, ya.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, saya bagi kepada pembangkang satu, selepas itu tak ada lagi ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasihlah.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya bagi dekat yang berjanggut di belakang itu ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Besut.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya nak buat *protest.* Janggut Yang Berhormat bagi Tumpat tidak laku. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Habis, yang tidak ada janggut macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, duduk. Tidak ada janggut duduk.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh, dapat juga. Okey, okey.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Sekadar perbandingan, apakah Yang Berhormat sedar langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Terengganu banyak membantu wanita dan keluarga. Pertamanya, sebaik sahaja memerintah Terengganu kita mengisytiharkan cuti tujuh hari dan Kerajaan Persekutuan mengambil masa 45 tahun untuk bertindak demikian.

Yang kedua, cuti bersalin kepada wanita, Kerajaan Persekutuan mengambil masa 60 hari, Kerajaan Negeri Terengganu memberi 90 hari.

Dan yang ketiga, hari Jumaat diisytiharkan sebagai hari ilmu untuk keluarga, dibenarkan, diarahkan, disuruh seluruh masyarakat, anak, isteri, suami keluar untuk belajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan?

Tuan Hassan bin Mohamed: Soalannya, sedarkah perkara ini dan apakah perkara ini tidak menjadi rujukan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang akhirnya hari Sabtu diisytiharkan sebagai hari keluarga dan Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan dua hari dalam sebulan cuti tetapi Kerajaan Negeri Terengganu telah mengisytiharkan setiap hari Sabtu sebagai hari keluarga. Surat khabar hari ini disiarkan tentang cadangan untuk menubuhkan persatuan poligami dan saya rasa ini bersangkutan juga dengan keluarga dan saya nak minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa untuk kerajaan baru seperti pembangkang di negeri Terengganu ini memang mudah sahaja untuk mentadbir. Diibaratkanlah kita cuci kaki masuk rumah yang sudah pasang siap, indah semua. Jadi, daripada itu kalau kita guna itu sebagai satu tahap, kepada sayalah patut ditahniahkan Kerajaan Barisan Nasional kerana kita telah mengorak langkah, macam kita buat *highway*, Yang Berhormat, jadi Kerajaan Terengganu itu hanya bawa kereta selesa sahaja naik atas *highway.* Tetapi kalau kita hendak berwawancara tentang tindakan-tindakan lain oleh Kerajaan Negeri Terengganu, mungkin bukan Ahli Yang Berhormat tetapi pemimpin-pemimpin yang lain yang cuba menzalimi hak-hak wanita, saya rasa seribu satu malam pun tak habis kita bercerita. Tetapi tidak mengapa, saya mengucapkan terima kasih di atas tindakan yang diambil. Cuma saya hendak kata bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun mengorak langkah untuk menentukan hak-hak wanita dan keluarga itu terbela.

Berkenaan dengan soalan kedua Yang Berhormat tentang persatuan isteri-isteri berpoligami ini, kementerian berpendirian bahawa dengan mewujudkan persatuan untuk isteri berpoligami itu bukanlah cara yang terbaik untuk menyelesaikan konflik keluarga terutama keluarga berpoligami. Kerana kalau kita galakkan isteri kedua mengadakan persatuan misal kata, apa pula nanti tindakan isteri ketiga, apa pula tindakan isteri keempat.

Bagaimana pula dengan isteri pertama yang mungkin mereka kata mereka telah dianiayakan.

Jadi, kami di kementerian berpendapat bahawa seelok-eloknya tubuhkanlah kalau hendak tubuh kelab, kelab 'Utamakan Keluarga' atau kelab '*Family Comes First',* semakin hari semakin sayang, Yang Berhormat. Sepatutnyalah Yang Berhormat, ini saya hendak bagi nasihat sedikit, kalau boleh, kepada kaum bapa sepatutnya semakin hari semakin sayang. Jangan pula habis madu sepah dibuang. Jadi, kami bagi pihak kementerian, kita rasakan bahawa ada cara lain untuk menangani konflik rumah yang berpoligami.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya minta maaf Yang Berhormat. *Okay, last one. Last,* terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh, terima kasih, terima kasih. Memang selepas saya berucap ini jangan kasi orang lain bercakap. *[Ketawa]* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahajalah. Saya berterima kasih. Semenjak Yang Berhormat pegang kementerian ini banyak perubahan berlaku, peruntukan pun bertambah dekat 60% hingga 90% bertambah. Ini cerita program utamakan keluarga yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebutkan dalam belanjawan, semakin hari semakin sayang. Tetapi saya hendak sentuh ini orang yang ada dua, tiga dan empat isteri. Program ini kebanyakan sekarang ini semua yang ada isteri satu sahaja tetapi yang kedua ini makin tua makin berang. Tidak tahulah, sayang sayanglah tetapi saya dapat *report* ini ramai yang datang jumpa saya. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormatlah, ada atau tidak program atau rancangan untuk menjaga isteri-isteri yang kedua, ketiga dan keempat ini adakah program khas. Sekarang ini kadang-kadang isteri kedua, ketiga kena tinggal.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tidak adalah!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak, itu hal lain. Itu dia kahwin dualah agaknya. Ini seriuslah sikit, memang berlaku. Saya hendak sebut ini pasal ada yang jumpa sayalah, masalah timbul pasal suami tidak kisah ini. Jadi, kita cuba buat satu program kita kumpulkan keluarga, isteri yang lebih satu termasuklah panggillah kalau ada suami yang berani dan *gentleman* cuba barangkali kita himpunkan. Jadi, isteri kedua, ketiga ini tidak gaduh lagi. Kita buatlah kegiatan-kegiatan yang baik atau apalah. Ini berlaku Yang Berhormat, sambil jenaka, jenaka jugalah. Kalau macam Yang Berhormat bagi Sri Gading ada dua, tidak tahulah dia ada satu atau dua, kalau dua kumpulkan termasuk yang lain ini. Itu sahaja. Macam mana pandangan Yang Berhormat dalam kes ini?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasihlah Yang Berhormat di atas cadangan itu. Tetapi saya rasa cadangan yang lebih baik sedikit daripada cadangan Yang Berhormat ialah apa kata kalau Yang Berhormat mengambil inisiatif untuk mengumpul semua lelaki yang berpoligami ini selepas itu kementerian kita boleh turun bersama Yang Berhormat bagi kursus *gender sensitization* dan bagaimana hendak jaga isteri seorang menghargainya, menjaga anak-anaknya dengan penuh tanggungjawab dan tidak lepas tangan kepada kerajaan atau kaum keluarga selepas suami itu berpoligami. Saya rasa itu cadangan yang lebih baiklah, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sanggup hendak buat program hendak kumpul suami berpoligami itu kita boleh ....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh, boleh. Sanggup, sanggup.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okay, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Satu sahaja, peruntukan kena beri. Jangan tidak ada peruntukan. *[Ketawa]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Itu saya boleh bincang, Yang Berhormat, saya boleh bincang dengan Ketua Setiausaha Kementerian dan insya-Allah kita sedia bertemu dengan suami-suami berpoligami ini dan di antara lain kita hendak memberitahu kepada mereka hak-hak isteri apa yang boleh mereka tuntut daripada suami ini. Cuma malangnya ramai daripada suami yang berpoligami ini, Yang Berhormat, pada sayalah mereka tidak menjalankan tugas. Ini saya hendak baca sedikit surah an-Nisa'.

Boleh atau tidak? Surah an-Nisa' ayat ketiga menyatakan bahawa, dengan izin ya, "Jika kaum lelaki takut tidak mampu berlaku adil maka kahwinilah seorang sahaja". Itulah ceritanya. Betul atau tidak Yang Berhormat? Saya rasa Yang Berhormat bagi Besut setuju dengan saya dan Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih. Boleh saya *continue* Yang Berhormat ya?

Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: *[Bangun] [Ketawa] [Dewan riuh]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: *Okay, no problem*, Tuan Imam. Tuan Imam adalah hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional. Kalau pandai Tuan Imam maknanya hebatlah Kerajaan Barisan Nasional sekian lama ini. Silakan Tuan Imam. *[Ketawa]*

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Dia hasil belajar bukan hasil kerajaan. Orang tidak ada ilmu tidak ada. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kempen semakin hari semakin sayang ini, kalau semakin hari semakin sayang pertama sekali biasanya dia anak ramailah. Makin hari makin sayang ini anak ramai. Apabila anak ramai apakah Yang Berhormat setuju kementerian Yang Berhormat ini menyediakan suatu galakan terutama sekali kepada keluarga yang anak ramai yang berjaya memberi didikan yang baik, didikan akhlak, pendidikan pelajaran dan sebagainya ada satu galakan boleh jadi kita katakan ada satu anugerah yang tertentu. Ini saya rasa boleh mempertingkatkan lagi slogan "semakin hari semakin sayang". Sama ada ini saya rasa Yang Berhormat bagi Sri Gading pun setujulah ini sebab dia anak ramai.

Kemudian itu, yang kedua yang saya rasa perlu juga dilihat. Kadang-kadang satu *trend* dalam masyarakat di negara kita suka buat kenduri kahwin di tempat-tempat yang eksklusif. Ada yang sampai lima *star*, enam *star* kah tidak tahu. Jadi, apabila sampai tempat-tempat yang sebegini dengan sendirinya akan membawa suatu jurang bagi orang yang berpendapatan rendah mereka hendak pergi tempat eksklusif ini memang rasa satu benda yang agak janggal bagi mereka. Jadi, dengan sendirinya kenduri kahwin ini tempat yang memupuk masyarakat, keluarga penyayang akan jadi renggang jauh, tak serupa dengan budaya kita dulu di kampung yang bertungkus-lumus bersama yang tinggi, yang rendah turun semua makin harmoni masyarakat.

Jadi, apakah tidak pihak kementerian bersetuju selain daripada tempat-tempat ini maka kita lebih beri galakan kepada tempat-tempat terutama sekali disediakan kemudahan-kemudahan di masjid, surau, balai raya dengan tempat-tempat begini dan kita beri galakan supaya tidaklah pakai *catering* dengan *caterer* yang khusus tetapi kita galakkan masak itu sendiri gotong-royong. Boleh jadi keluarga yang besar akan meningkat lagi kasih sayang dari itu. Ini antara satu dualah. Kalau bagi lagi bangun, kita bangun pula lagilah. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Anak didik Kerajaan Barisan Nasional, cakap hebat. Saya bagi pihak kementerian setuju dengan apa yang Yang Berhormat kata tadi. Memang kita kalau boleh Yang Berhormat, kita hendak lebih ramai daripada pasangan kita yang melahirkan anak yang lebih ramai. Tetapi nampak gaya pada zaman ini kedua-duanya suami dan isteri sibuk dan kalau kita lihat purata anak-anak yang dilahirkan pada zaman ini begitu kecil sekali jika dibandingkan dengan masa dahulu. Namun begitu, diharapkan bahawa dengan beberapa insentif yang diberi, insya-Allah lebih ramai lagi rakyat Malaysia. Mungkin Yang Berhormat boleh mulakan. Saya tidak tahu berapa anak Yang Berhormat ada tetapi kalaulah kurang daripada lima, saya rasa eloklah memperbanyakkan lagi.

Selain daripada itu saya pun setuju dengan Yang Berhormat apabila menyatakan bahawa mungkin di dalam kita menjayakan majlis-majlis perkahwinan eloklah kita mencari satu pendekatan yang akan dapat mengikatkan lagi tali silaturahim di antara keluarga dan kawan-kawan dan mungkin kewangan dana yang digunakan untuk majlis perkahwinan itu dapat digunakan sebagai wang permulaan untuk makanan itu. Saya pun berpendapat bahawa mungkin masanya telah tiba untuk kita melihat cara kita menunaikan majlis-majlis perkahwinan yang ada yang kian memakan wang ringgit, peruntukan yang banyak. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sepang yang telah mencadangkan supaya diwujudkan Koperasi Ibu Tunggal dengan kerjasama Angkasa, KEMAS dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk memberi bimbingan kemahiran. Cadangan ini telah diambil perhatian untuk dikaji dengan lebih teliti. Bagi cadangan Ahli Yang Berhormat supaya ibu tunggal diberi sokongan dan motivasi, saya ingin menyatakan bahawa kementerian memang sedia memberi khidmat kaunseling untuk meningkatkan semangat dan motivasi ibu tunggal di unit kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita dan juga di pusat-pusat khidmat wanita di setiap negeri. Kementerian juga amat mengalu-alukan seruan dari Ahli Yang Berhormat bagi Sepang supaya ibu tunggal dari golongan profesional membantu mereka yang kurang bernasib baik. Dalam hal ini, kementerian juga menggalakkan ibu tunggal menubuhkan 'kumpulan sebaya' *(self-help peer group)* di samping menyertai aktiviti-aktiviti anjuran Persatuan-persatuan Ibu Tunggal masing-masing seperti kursus, seminar dan bengkel motivasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bahawa bajet yang ada sekarang adalah *gender neutral* dengan izin, iaitu bajet untuk semua golongan lelaki dan wanita. Cadangan untuk memperkenalkan analisis bajet gender seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk memberi pengiktirafan yang lebih kepada peranan wanita di negara ini. Analisis bajet gender akan membawa kesedaran mengenai perspektif *gender* ke dalam dasar dan bajet kesemua kementerian dan agensi dengan mengambil kira perbezaan kedudukan, peranan, sumbangan serta keperluan antara lelaki dan wanita. Berhubung dengan tema Hari Wanita tahun 2002 iaitu 'Memupuk Generasi Berilmu,' suka saya menjelaskan bahawa tema ini ditetapkan selaras dengan Dasar Pembangunan Negara yang menekankan ilmu pengetahuan sebagai teras utama pembangunan ekonomi di era ini.

Di samping itu, kaum wanita sebagai tunggak pembangunan keluarga dan negara memainkan peranan penting dalam memupuk budaya ilmu di kalangan ahli keluarga dan masyarakat. Oleh itu, tema ini adalah sangat bertepatan dan relevan bukan sahaja kepada wanita tetapi juga kepada keluarga dan rakyat Malaysia keseluruhannya. Untuk sambutan Hari Wanita tahun sudah, tahun 2001 temanya menekankan kepada kesaksamaan *gender*.

Kementerian mengambil perhatian ke atas cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Seratok, Hulu Langat, Kuala Selangor, Gombak dan Bentong untuk memantapkan lagi kempen utamakan keluarga 'Semakin Hari Semakin Sayang' yang dilaksanakan baru-baru ini. Matlamat program ini adalah untuk melahirkan keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu, berdaya tahan, beriman serta harmoni dan akan dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Bagi meningkatkan ilmu keibubapaan dan kekeluargaan, LPPKN akan memperluaskan kursus kemahiran keibubapaan dan kekeluargaan kepada orang awam dengan kerjasama agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sepang dan Petaling Jaya mencadangkan supaya diadakan kursus yang berterusan kepada pasangan suami isteri. Sehubungan dengan ini kementerian akan mempergiatkan kursus untuk pasangan suami isteri melalui modul latihan persediaan perkahwinan……

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Kuala Selangor bangun.

Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: ….dan kemantapan keluarga yang telah dibangunkan oleh LPPKN. Minta maaflah, saya tidak beri laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya Yang Berhormat.

Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: LPPKN kini sedang mengemaskinikan modul tersebut untuk mengambil kira isu-isu baru serta pendekatan yang paling berkesan.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Yang Berhormat, sesat lagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Selangor….

Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Benut pula menimbulkan isu mengenai perlunya perancangan program pembangunan keluarga mengambil kira bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga bersifat kejiwaan dan kerohanian. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, program pembangunan keluarga yang dijalankan oleh kementerian melalui LPPKN sememangnya menggunakan pendekatan yang *holistic* dengan memberi perhatian bukan sahaja kepada aspek-aspek pembangunan fizikal tetapi juga *aspek psychosocial,* mental, kerohanian dan kesihatan. Program dan aktiviti yang dilaksanakan termasuklah program latihan dan pendidikan, kajian dan penyelidikan, promosi dan *advocacy* dan kaunseling keluarga. Program dan aktiviti tersebut adalah berbentuk jangka pendek dan jangka panjang.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kerajaan telah memberi insentif mulai 1 Januari 2001 untuk menarik warganegara Malaysia yang berkepakaran yang bekerja di luar negara untuk pulang berkhidmat di negara ini, dan daripada jumlah 175 orang profesion rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara yang telah diluluskan di bawah skim ini, terdapat 23 daripada mereka adalah wanita. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap isu *gender* dan kekeluargaan. Dengan sokongan Ahli Yang Berhormat, insya-Allah kementerian akan terus ……

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, okey, bagi *chance* pada Bukit Mertajam, takut dia merajuk nanti. Okey.

Puan Chong Eng: Bukan, dia takut nanti dia akan dikatakan hanya *bias* kepada lelaki, hanya lelaki yang cantik pula lagi *handsome* pula yang diberi. Biasa macam itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tidak perlulah, tidak perlu. Tidak kasi, tidak kasi, beri peluang, ada cerita.

Puan Chong Eng: Mestilah! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini Parlimen, kita di sini, apabila menteri menjawab, kita hendak penjelasan yang lebih jelas. Kalau menteri tidak mahu beri laluan, lebih baik bagi sahaja *written answer*. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ini tidak memberi makna kepada Dewan ini. Bagi begitu soalan yang hendak ditanya tetapi sekarang sudah sampai akhir. Saya rasa apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah ialah ada mereka yang memohon tetapi permohonannya dilewat-lewatkan dan tidak diberi kelulusan walaupun sudah lapan bulan. Ada kes-kes yang spesifik yang beliau sudah berikan. Kes tentang wanita profesional Malaysian women yang sudah kahwin di Amerika dan sekarang dia hendak balik, ada kes yang spesifik, saya boleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah mengemukakan kepada Yang Berhormat. Yang penting ialah saya rasa ada beberapa…..... Soalan tambahan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah soalan itu dituju kepada Kementerian Dalam Negeri?

Puan Chong Eng: Tadi Yang Berhormat Menteri pun ada mengatakan tentang kes-kes seperti ini, saya rasa ini pun berkenaan juga. Saya hendak tanya pelaksanaan yang saya timbulkan perlu mengadakan satu jawatankuasa supaya boleh mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan. Semua rancangan di dalam Rancangan Malaysia saya rasa adalah bernas dan juga dalam MAPEN II mengenai wanita dan pembangunan keluarga tetapi pelaksanaannya belum cukup, tidak mengikut rancangan yang ada itu. Yang penting sekali yang memang selalu ditimbulkan ialah pusat jagaan kanak-kanak. Kalau tidak ada pusat perkhidmatan seperti ini, adalah susah untuk wanita hendak keluar bekerja. Jadi bilakah akan adanya?

Walaupun tadi Yang Berhormat ada mengatakan kita akan menggalakkan *the private sector* untuk mengadakannya tetapi ini ialah dalam Rancangan Malaysia Keenam pun sudah sebut begitu, sampai hari ini tidak berjaya. Apakah usaha-usaha lain yang akan dibuat? Itu adalah harapan wanita. Jadi saya harap Yang Berhormat yang mewakili wanita di dalam negara ini dapat bekerja lebih gigih lagi. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan *professional women* itu Yang Berhormat, saya hendak minta Yang Berhormat tulis kepada saya siapakah wanita-wanita yang terbabit. Sebenarnya kita di kementerian, kita tidak pilih kasih, kita membantu sesiapa sahaja yang datang memohon bantuan di kementerian, malah saya sendiri tidak tahu siapa dia sama ada dari Bukit Mertajam atau Batu Gajah, kita tidak tahu. Cuma kita membantu mengikut dengan izin, *case by case*, itu yang pertama.

Yang keduanya, tentang PAKK ini Yang Berhormat, saya hendak menjelaskan bahawa isu pusat penjagaan kanak-kanak, pertamanya adalah di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kita Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini, peranan kita agak aneh sedikit. Kita mengaudit, mengawasi dan mengetengahkan isu-isu wanita. Jadi di peringkat Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di mana isu-isu PAKK ini dan anak-anak menjadi salah satu daripada tugas dan tanggungjawab mereka. Tetapi kita di kementerian, kita menyuarakan atau kita memberi sokongan, kita memberi pendapat. Tetapi pada akhirnya untuk implementasi program ini terpulang kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Seperti mana kita bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain juga, kalau ada isu-isu misal kata isu *paternity leave* ini, kita bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia. Namun begitu Yang Berhormat, isu ini adalah di antara isu yang terulung di mana kami di Kementerian Perpaduan Wanita dan Keluarga ingin memperjuangkan. Saya akan cuba dan cuba lagi, tidak akan putus asa dan saya percaya insya-Allah, dalam masa yang terdekat perkara ini akan menjadi kenyataan.

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Jadi itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bagi *chance* kepada janggut di belakang, hendak satu lagi *chance*? *[Ketawa]* Misai yang depan, jangan tersalah, kita sudah hendak akhirkan. Jadi dengan sokongan Yang Berhormat, insya-Allah kementerian akan terus berusaha….

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Datuk, Hulu Langat, Hulu Langat, bapa penyayang, Hulu Langat!

Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: …untuk melaksanakan program untuk manfaat kumpulan sasaran kami. Saya ucapkan terima kasih, assalamualaikum.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Datuk, Hulu Langat Datuk!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Habis…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2003 di peringkat dasar yang telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Di antaranya Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dan juga Yang Berhormat bagi Tampin.

Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan isu mengenai projek pembinaan insinerator ataupun loji merawat bahan buangan pepejal yang akan dibina di Kampung Bohol di Puchong. Walaupun mungkin tajuk ini lebih berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya hanya akan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan laporan EIA yang dikemukakan oleh kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar.

Demikian juga perkara yang sama yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Seputeh, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak menafikan bahawa dioksin merupakan pencemar yang persisten di dalam alam sekeliling dan pendedahannya kepada manusia adalah melalui udara, air dan rantaian makanan.

Pelepasan dioksin daripada loji insinerator adalah dalam bentuk kumin pepejal. Sebahagiannya jatuh ke permukaan tanah, manakala sebahagian lagi dalam bentuk kumin pepejal yang halus, yang akan diterbangkan dalam udara lebih jauh bergantung kepada keadaan cuaca. Dalam kes insinerator yang dicadangkan akan dibina di Kampung Bohol ini, kajian EIA mendapati bahawa kandungan gas dioksin dalam udara sekeliling akibat pelepasan dari loji insinerator, berada jauh di bawah had yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ataupun WHO, serta terlingkung dalam kawasan 400 meter dari tapak projek.

Dalam laporan EIA bagi pembinaan loji insinerator di Kampung Bohol, telah mendapatkan penilaian kualiti udara akibat pelepasan habuk dan gas-gas pencemar daripada insinerator. Kesihatan orang awam, sosioekonomi dan peningkatan aliran trafik, ramalan kualiti udara ataupun *air quality modelling*, dengan izin, telah dibuat bagi dua senario, iaitu loji beroperasi dengan alat kawalan pencemaran udara berfungsi dan loji beroperasi dengan alat kawalan pencemaran udara tidak berfungsi. Bagi kedua-dua senario di atas, didapati kepekatan habuk gas sulfur dioksida, gas hidrogen klorida, gas nitrogen dioksida dan logam plumbum dalam udara sekeliling, akibat pelepasan daripada loji insinerator, berada jauh di bawah had yang ditetapkan dalam, dengan izin, *recommended Malaysian Air Quality Guidelines* (*Ambient Standards*), serta terlingkung dalam kawasan 500 meter dari loji insinerator.

Oleh itu penetapan zon penampan sekurang-kurangnya 500 meter adalah wajar berdasarkan kajian EIA yang telah dibuat. Dengan demikian juga, kajian impak alam sekitar ke atas kualiti udara, khususnya di luar atau melebihi jejari 500 meter, didapati tidak perlu. Memandangkan Kem Tentera Kinrara terletak paling hampir, iaitu hanya bersebelahan dengan kawasan 500 meter dari tapak projek, iaitu di jejari 600 meter, maka satu syor telah dibuat dalam laporan EIA supaya Kem Tentera Kinrara dipindahkan.

Bagaimana pun pihak Jabatan Alam Sekitar tidak menyatakan sedemikian - sama ada perlu dipindah atau tidak adalah bergantung kepada keadaan. Manakala Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Kinrara, yang berkedudukan lebih jauh iaitu hampir 800 meter dari tapak projek, didapati tidak perlu dipindahkan kerana didapati selamat dari bahaya pencemaran.

Seterusnya, menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh juga, kementerian mengalu-alukan dan setuju dengan cadangan Yang Berhormat bahawa pengasingan sampah-sarap perlu dilaksanakan sebelum buangan dibakar di dalam insinerator. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam kelulusan EIA bagi projek loji insinerator seperti ini, Jabatan Alam Sekitar mensyaratkan supaya pengasingan sampah-sarap ataupun *segregation of waste*, dengan izin, hendaklah dijalankan sebelum buangan dibawa ke loji insinerator untuk pengolahan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya minta penjelasan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, saya ingin tanya kenapa EIA untuk insinerator ini tidak mengikut *international standard*, seperti *U.S. EPA Clean Air Act, U.N. Environment Programme, UN Department of Environment,* yang mana *impact assessment* terhadap sesuatu kawasan haruslah 7.5 km *radius.*

Selain itu, kenapakah perhatian hanya ditumpukan dalam lingkungan 500 meter sahaja, tetapi kawasan kediaman yang berdekatan dengan insinerator itu, iaitu Taman Sri Pandiyan, Taman Angkasa, Taman Kinrara, yang mana begitu dekat dengan tapak insinerator itu, hanya disebut begitu sahaja tetapi nampaknya penulis EIA ini tidak mengambil kira kependudukan padat yang terdapat di kesemua taman perumahan itu. Saya hendak minta penjelasan, kenapakah tidak mengikut *international standard* 7.5 km *radius*, tetapi hanya tertumpu kepada lingkungan *radius* 500 meter sahaja.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Kita sebenarnya menggunakan kaedah ataupun *standard* yang biasa kita laksanakan di negara kita selama ini. Jadi, mungkin dari beberapa segi perkara yang dibangkitkan akan saya sentuh sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi teknologi pelupusan sisa pepejal melalui insinerator yang dicadangkan oleh pihak kerajaan, ini bukanlah hanya satu teknologi yang diguna pakai di negara ini. Pendekatan sistem pengurusan sisa pepejal secara bersepadu, ataupun *integrated solid waste management system*, dengan izin, telah pun diamalkan yang turut menggunakan teknologi-teknologi pengurusan sisa pepejal yang lain, termasuk kaedah tapak pelupusan *sanitary*, stesen pemindahan, loji kitar semula, loji pengkomposan, dan dengan izin, *anaerobic digestion* dan sebagainya.

Teknologi-teknologi ini akan dikaji dari semasa ke semasa untuk menilai kesesuaiannya, dan juga untuk mendapatkan teknologi yang terkini dan terbaik untuk digunakan di negara ini. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, sebagai pandangan memanglah banyak teknologi yang digunakan masa kini dalam kaedah-kaedah untuk pelupusan sisa pepejal seperti yang akan kita laksanakan hari ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa ada beberapa teknologi lain selain daripada insinerator berasaskan *gasification* yang sangat mahal dan belum teruji penggunaannya. Di Jepun sendiri – di Ibara, lojinya adalah sangat kecil. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Korea ada satu teknologi baru, dipanggil *waste pyrolysis recycling*, yang bukan sahaja lebih menjimatkan, tidak mengeluarkan kesan alam sekitar, tetapi juga boleh menghasilkan tiga bahan daripada buangan yang dilupuskan tadi, menjadi bahan yang berharga yang dibeli di Korea sekarang, iaitu *methane* dan beberapa bahan yang lain.

Hasilnya, majlis daerah atau perbandaran di Korea mendapat hasil tambahan. Dia bukan sahaja tidak perlu mengeluarkan belanja untuk pelupusan, tetapi dia juga mendapat *revenue* daripada pelupusan itu. Jadi ini teknologi yang lebih murah – RM20 juta satu loji, boleh melupuskan 83 metrik tan satu hari bagi satu loji. Saya rasa ini adalah jauh lebih *advance*. Adakah kementerian ini tidak menasihati Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam hal ini?

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Mungkin soal ini boleh dijelaskan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apabila sampai masa menjawab nanti. Oleh kerana saya sentuh tadi apa yang saya ingin jelaskan ialah dari segi laporan EIA yang dikemukakan oleh kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya minta penjelasan berkenaan *manufacturer* – pengeluar, *Ibara*, yang mana *Ibara* seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, mulakan *pilot* projeknya dengan *volume* 20 tan sehingga 225 tan sehari, yang mana bermula pada Julai 1997. Pada masa itu adalah masa di mana laporan EIA berkaitan *incinerator* di Kampung Bohol ini ditulis. Jadi bukankah ini agak *risky* kerana kita sekarang menggunakan teknologi insinerator *Ibara* dan pada masa itu mereka hanya keluarkan satu *pilot project* sahaja.

Dan juga dari segi saiz, insinerator di Kampung Bohol ini ia boleh mengendalikan 1,500 tan sampah satu hari, yang mana jauh lebih besar daripada *volume* yang boleh dikendalikan oleh insinerator di Jepun, yang mana hanya boleh mengendalikan dua ratus tan lebih sahaja. Jadi, bukankah ini agak *risky* bagi negara kita untuk membina insinerator yang terbesar di dunia, dan juga di kawasan yang mempunyai penduduk yang begitu padat.

Dato' Zainal bin Dahalan: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Seperti yang telah dijelaskan tadi, bahawa kapasiti insinerator ini ialah 1,500 tan *per day,* dengan izin, yang merupakan satu angka yang besar. Jadi, memanglah seperti yang saya sebutkan tadi, banyak teknologi baru yang sentiasa ditemui dan dikemukakan dalam berbagai-bagai kaedah untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah seperti ini. Ini adalah keputusan yang telah diambil oleh kerajaan berdasarkan kepada kajian dan juga keupayaan serta *feasibility,* dengan izin, yang telah dikemukakan pada masa itu. Berkaitan dengan harga, saya mendapat makluman bahawa pihak kerajaan juga sedang meneliti semula tentang harga yang telah ditawarkan untuk melihat supaya harga tersebut dapat dikaji semula.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Dato' Zainal bin Dahalan: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Tanjong, sukacita dimaklumkan bahawa tapak bagi pembinaan loji ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya tanya lagikah? Itu sahajakah?

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya ingat cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Itu sahaja? Boleh saya tanya lagi?

Dato' Zainal bin Dahalan: Mungkin selepas inilah. Saya hendak habiskan yang ini. Mungkin ada kaitannya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Berkenaan dengan tajuk ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau boleh kita perlu tunggu Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan mereka.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya masih lagi dalam perkara insinerator. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat bagi Tanjong, sukacita dimaklumkan bahawa tapak bagi pembinaan loji insinerator di Kampung Bohol dikenal pasti setelah kajian terperinci dijalankan, dan ianya adalah amat strategik bagi pelupusan buangan di Lembah Kelang. Kajian EIA juga mendapati tapak ini adalah sesuai.

Sukacita juga saya maklumkan bahawa teknologi dengan izin, *gasification and ash melting system*, bukanlah merupakan teknologi *sunset* yang dianggap *obsolete*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaannya yang semakin mendapat perhatian di negara maju juga, seperti Jepun misalnya, arahan yang dikeluarkan oleh *Ministry of Welfare*, Japan telah menetapkan bahawa semua loji insinerator sisa pepejal perbandaran yang baru dibina hendaklah dilengkapi dengan *ash melting system*. Antara ciri-ciri kelebihan teknologi ini berbanding teknologi konvensional yang lain adalah keupayaan memusnahkan dioksin melalui pembakaran bersuhu tinggi, iaitu sekitar 1,300 darjah *celcius.* Keupayaan meleburkan abu pembakaran, keupayaan membakar berbagai jenis buangan, keupayaan memperoleh guna buangan selepas proses pembakaran, dan potensi menjana elektrik melalui pemasangan – *heat recovery system.* Ya. *[Mempersilakan Yang Berhormat bagi Seputeh untuk bertanya]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh dijadikan model untuk semua Menteri dan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang memberi jawapan di sidang ini. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun menyokong saya.

Yang Berhormat, saya ingin tanya beberapa perkara tentang EIA insinerator, di mana pada bab 11 muka surat 5, yang mana dalam laporan EIA dikatakan, kawasan Puchong adalah tidak sesuai bagi seseorang untuk dijadikan kawasan perumahan, dan juga pada bab 3 muka surat 24, yang mana penulis EIA juga menyatakan bahawa kerajaan tidak harus membina insinerator kerana ia memberi impak dan kesan yang buruk. Ini semua adalah diakui oleh konsultan yang mengeluarkan laporan EIA ini. Dan juga dari segi kualiti udara di kawasan itu yang mana dikatakan adalah tidak begitu baik, dan juga penyakit asma, yang dinyatakan dalam bab 5 muka surat 21, yang mana penduduk di persekitaran kawasan itu, kerana kualiti udara tidak bagus, ramai di antara mereka mengalami penyakit asma, dan juga penyakit-penyakit lain yang berkaitan dengan pernafasan.

Jadi semua ini, kalau kita lihat isi kandungan laporan EIA ini, sebenarnya ia menunjukkan bahawa insinerator memang tidak sesuai untuk dibina di kawasan Puchong, dan sekarang terdapat 135,000 orang penduduk telah menurunkan tandatangan untuk membantah insinerator didirikan di situ. Saya juga difahamkan bahawa di Terengganu, satu insinerator pernah di*close down*, ditutup oleh kerajaan kerana sampah terlalu basah, yang mana bila *operator* perlu membakar sampah dalam insinerator. Insinerator itu perlu menggunakan lebih petrol untuk membakar sampah tersebut. Sampah di Terengganu dan sampah di Kuala Lumpur, Lembah Kelang adalah agak sama, di mana sampah-sarap di sekitar kawasan ini adalah sangat basah. Jadi untuk membakar sampah-sarap ini perlu menggunakan lebih minyak atau lebih bahan bakar untuk membakarnya. Kesemua ini akan lebih lagi mencemarkan udara dan juga mengeluarkan dioksin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapankah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, ini pertanyaan. Ini Timbalan Menteri yang baik hati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Keluarkan soalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi saya hendak minta, memandangkan yang laporan EIA juga menunjukkan bahawa ia tidak sesuai, jadi kenapakah kerajaan, EPU, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin meneruskan projek itu tanpa mengira bantahan daripada 100,000 lebih penduduk di sekitarnya.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah dalam keadaan-keadaan tertentu, dalam keadaan *constrain* yang kita hadapi di Lembah Klang khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kadangkala kita agak sukar untuk mendapatkan satu kawasan yang begitu ideal untuk membinakan sesuatu projek tertentu. Sebab itu banyak contoh yang lain juga melibatkan soal pengambilan balik tanah, soal pemindahan penduduk dan juga mungkin meruntuhkan beberapa bangunan dan sebagainya untuk kita melaksanakan sesuatu projek yang difikirkan lebih sesuai untuk menyelesaikan masalah-masalah semasa yang kita hadapi.

Jadi kalau Yang Berhormat nampaknya sudah baca semua laporan yang…, saya juga ada salinannya di sini mungkin semua jawapan ada di situ, ya. Sebab itu juga dalam satu daripada *recommendation* yang dikemukakan oleh pihak perunding ialah supaya satu, apa yang disebut sebagai Sungai Bohol Incineration Project Coordination Committee ditubuhkan.

Jadi untuk memantau supaya pelaksanaan projek ini dan kesan-kesan yang mungkin timbul selepas daripada pembinaannya dapat dipantau dan dipastikan mengikut semua kaedah dan juga nasihat-nasihat yang perlu bagi memastikan bahawa kita akan cuba mengatasi, untuk *minimize* seberapa daya upaya yang boleh bagi mengatasi masalah-masalah yang mungkin menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk yang memang sudah sedia ada di sekitar kawasan ini.

Puan Teresa Kok Suh Shim *[Bangun]*

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Shim: Saya ada satu lagi.

Dato' Zainal bin Dahalan: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Zainal bin Dahalan: Mungkin boleh sambung nanti dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan…

Puan Teresa Kok Suh Shim: Yang Berhormat yang lebih baik hati, satu lagi. Adakah ini menunjukkan sebenarnya kementerian Yang Berhormat ini…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya ingat cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Shim: Satu lagi, *last* sekali. Adakah ini menunjukkan kalau mengikut kepada laporan EIA yang mana dinyatakan bahawa Puchong bukanlah tempat yang sesuai bagi orang untuk duduk di sana di mana di situ telah mempunyai begitu ramai penduduk di sana dan itu kawasan Barisan Nasional pula, adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa yang tapak insinerator itu memanglah tidak sesuai. Kalau kerajaan hendak bina insinerator, bina di tempat yang lebih jauh daripada di sana…

Seorang Ahli: Di Putrajaya.

Puan Teresa Kok Suh Shim: Dan, ya. Ramai penduduk di Puchong cadangkan dibina Putrajaya, lebih baik di sebelah rumah kediaman Perdana Menteri. *[Ketawa]*

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya daripada segi laporan yang telah dibuat bahawa inilah kawasan yang mempunyai sekurang-kurangnya *the minimum requirement* daripada segi keperluan untuk membina insinerator tersebut di mana sekurang-kurangnya zon penampan yang ada mencukupi untuk memberi syarat-syarat daripada segi standard yang kita amalkan di sini. Jadi… *[Ketawa]* Maknanya memang kawasan ini sesuai. Daripada segi EIA, memang sesuai dengan syarat-syarat minimum sekurang-kurangnya yang ada bagi membolehkan insinerator ini dibuat di situ. Terima Yang Berhormat Seputeh yang begitu berminat tentang projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan khususnya oleh Yang Berhormat bagi Mambong, Kuala Pilah dan Tampin, berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan soal bio-teknologi dan *bio-valley* di dalam perbahasan Bajet 2003. Di sini saya suka maklumkan bahawa Dasar Kepelbagaian Bialogi Kebangsaan telah dilancarkan pada April 1998. Dasar Bio-Diversity Kebangsaan digubal khusus untuk memberi hala tuju dan panduan kepada agensi-agensi pelaksana kerajaan termasuk kerajaan-kerajaan negeri mengenai pemuliharaan dan penggunaan sumber-sumber kepelbagaian biologi secara lestari.

Dalam pada itu, satu Dasar Bio-Teknologi Kebangsaan pula telah disediakan oleh kementerian dan telah dibentangkan dalam Majlis Bio-Teknologi dan Bio-Diversity Negara atau MBBN pada 23 September 2002 yang baru lalu yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Majlis Bio-Teknologi dan Bio-Diversity Negara secara prinsipnya bersetuju dengan draf ini dan mengarahkan pihak kementerian mengadakan perbincangan lanjut dengan semua kerajaan-kerajaan negeri untuk mendapatkan pandangan mereka. Draf dasar ini disediakan dengan mengambil kira dasar-dasar sedia ada serta Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, Dasar Pertanian Negara dan sebagainya. Berkaitan dengan Akta *Bio-Diversity* dan *Bio-Safety* dengan izin, draf akta-akta tersebut memang telah disediakan dan kini dalam peringkat semakan terakhir oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Kita berharap draf akta ini akan dapat dibentangkan dalam Persidangan Parlimen akan datang dan sesudah itu akan diwartakan untuk dilaksanakan.

Bagi pertanyaan mengenai kemudahan latihan dan geran penyelidikan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mendapat peruntukan berjumlah RM90 juta bagi membiayai program latihan dalam semua bidang-bidang keutamaan termasuk bidang bio-teknologi. Berdasarkan kepada jumlah

permohonan yang diterima, jumlah peruntukan ini dijangka mencukupi untuk menampung keperluan latihan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Pada tahun 2002 peruntukan sebanyak RM23 juta telah disediakan dan daripada jumlah ini sebanyak RM2.75 juta telah dibelanjakan setakat ini. Dalam tahun 2003 peruntukan sebanyak RM23 juta telah disediakan bagi membiayai program-program latihan.

Mengenai keperluan geran penyelidikan dan pembangunan dalam bidang bio-teknologi, pihak kementerian dari masa ke semasa mengkaji keperluan peruntukan berkenaan dan sekiranya ada keperluan, peruntukan tambahan akan dipohon. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan peruntukan khusus RM120 juta telah disediakan bagi membiayai penyelidikan dalam bidang bio-teknologi. Selain daripada itu peruntukan sebanyak RM1.5 bilion juga disediakan di bawah penyelidikan di bawah bidang-bidang keutamaan ataupun IRPA. Peruntukan ini juga turut membiayai penyelidikan asas bio-teknologi.

Mengenai peruntukan *bio-valley* pula, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM580 juta bagi pembangunan projek *bio-valley* Malaysia. Peruntukan ini adalah bagi membangunkan kemudahan bagi tiga Institut Bio-Teknologi iaitu Institut Genomik dan Biologi Molekul, Institut Neutroceutical dan Pharmaceutical dan Institut Agro Bio-Teknologi.

Komponen-komponen pembangunan yang lain seperti kemudahan perumahan, institusi pendidikan, kemudahan komersial dan sebagainya akan dibangunkan oleh sektor swasta. Keperluan pelbagai perbelanjaan bagi tahun 2003 adalah bergantung kepada pelan pembangunan yang akan dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang ada kaitannya dengan kementerian ini dan saya harap penjelasan yang telah diberi akan dapat menghapuskan sebarang kekeliruan dan memberikan gambaran dalam perkara-perkara yang dibangkitkan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

<u>Kementerian Luar Negeri</u>

5.13 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam, Bagan Datok, Parit Sulong, Batang Lupar, Wangsa Maju, Sepang, Kinabatangan, Sri Gading, Labuan, Beluran, Tuaran, Rompin, Sipitang dan Kemaman yang telah mengambil bahagian perbahasan Bajet 2003 sejak 23 September 2002 sehingga 3 Oktober 2003 di Dewan yang mulia ini yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dunia di dalam era globalisasi sentiasa dilanda oleh ketidakadilan dan penindasan yang sering berlaku dan inilah lumrah pada hari ini. Dalam hubungan ini Malaysia telah menyuarakan pandangan dan pendapatnya terhadap perkara-perkara yang dianggap penting bagi melahirkan dunia yang lebih aman dan stabil. Walau bagaimanapun, tidak semua pandangan kita adalah serupa dengan pandangan negara-negara lain tetapi kita akan terus berusaha di dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun dan negara-negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa isu dan persoalan di antaranya adalah seperti berikut.

Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, Bagan Datok pada 23 September 2003 telah membangkitkan kesulitan mendapatkan visa bagi pelajar Timur Tengah dan

ASEAN termasuk Malaysia ke Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah begitu juga Yang Berhormat bagi Parit Sulong pada 24 September menyoalkan dasar Amerika Syarikat yang mengamalkan hegemoni politik dan ketenteraan dengan memporak-perandakan kedudukan negara-negara Islam. Sedangkan Yang Berhormat bagi Batang Lupar pada 26 September pula membangkitkan dasar luar Amerika Syarikat yang *double standard* ke atas Iraq berhubung isu pemilikan senjata *mass destruction.*

Wangsa Maju pada 30 September 2002 telah menyokong usaha Malaysia melalui ASEAN, OIC, NAM dan mahupun PBB yang perlunya pendekatan secara aman di dalam menangani isu Palestin di Timur Tengah. Beliau juga menerima penjelasan apakah aturan istiadat. Beliau juga meminta penjelasan apakah aturan istiadat ke atas tetamu-tetamu kenamaan asing yang melawat Amerika Syarikat. Adakah layanan serupa diberikan ke atas setiap tetamu kenamaan asing. Beliau juga telah mengecam dasar Amerika Syarikat dan telah mempersalahkan beberapa negara Islam di dalam kempen anti keganasan.

Sedangkan Yang Berhormat bagi Sepang pada 30 September ingin tahu apakah pendirian Malaysia berhubung dasar penindasan Amerika Syarikat dan Israel ke atas Palestin berhubung isu pengepungan ke atas Presiden Yasser Arafat di kompleks kediamannya.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan pada 1 Oktober pula mencadangkan agar Malaysia memberi layanan yang sama kepada rakyat Amerika Syarikat dengan mengenakan pemeriksaan Imigresen yang rapi seperti yang dilakukan ke atas kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesulitan mendapatkan visa bagi pelajar-pelajar kita ke Amerika Syarikat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga saya sendiri telah membangkitkan isu-isu ini dengan pentadbiran Amerika Syarikat di Washington DC dan juga semasa pertemuan saya dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat pada bulan Julai 2002.

Kerajaan telah difahamkan bahawa terdapatnya hasil yang positif berikutan daripada perbincangan yang telah diadakan. Gabenor Tom Ridge, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat juga telah menyatakan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa proses pengeluaran visa akan dikaji semula agar menjadi lebih *efficient* pada masa akan datang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia telah memberi pengakuan melalui kenyataan akhbarnya pada 27 September 2002, bahawa pengeluaran visa bagi rakyat Malaysia dapat dikeluarkan dalam tempoh satu bulan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan bahawa Amerika Syarikat adalah satu-satunya kuasa besar dan merupakan negara yang mempunyai kekuatan senjata yang terbesar serta berupaya untuk mengambil tindakan secara *unilateral .*

Dalam hal ini, negara-negara di dalam dunia dan masyarakat antarabangsa serta negara-negara Islam harus tidak berdiam diri, tetapi menyuarakan kebimbangan kita mengenai isu-isu yang melibatkan negara membangun dan negara Islam. Negara-negara Islam harus menunjukkan kepada Amerika Syarikat bahawa kita boleh bekerjasama di antara satu sama lain tanpa sebarang perbalahan atau tidak bersefahaman.

Pada masa yang sama, negara-negara Islam juga harus mempamerkan kepada Amerika Syarikat kebolehan masing-masing dalam memastikan wujudnya pembangunan negara secara pesat dan aman, di mana rakyat dapat menikmati kejayaan politik, ekonomi dan sosial.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah sentiasa menegaskan bahawa sebarang tindakan ke atas Iraq hendaklah dilakukan dalam konteks.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya habiskan ayat ini, lepas itu saya akan beri laluan kepada Sri Gading. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia sentiasa menegaskan bahawa sebarang tindakan ke atas Iraq ataupun mana-mana negara hendaklah dilakukan dalam konteks proses *multilateral* yang menggunakan pendekatan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai badan dunia yang tertinggi.

Mengenai dasar luar Amerika Syarikat yang *double standard,* kerajaan berpendirian bahawa semua negara harus mematuhi resolusi Majlis Keselamatan PBB yang berkaitan dengan senjata *mass destruction* dan tidak sepatutnya menuduh satu negara sahaja. *Double standard* ataupun *selectivity,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak harus digunakan di dalam pendekatan antarabangsa ataupun perhubungan antarabangsa, tetapi ia seharusnya menggunakan pendekatan yang berasaskan rundingan, dialog dan sistem *multilateral* yang akan menjamin keamanan dan kestabilan dunia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa untuk memberikan satu gambaran kepada pihak Amerika yang mempunyai kekuatan, kegagahan, kemajuan dan macam-macamlah, pendek kata dialah *power* yang tidak ada tandingannya di dunia ini. Dengan sebab kekuatan ini dia dengan sewenang-wenangnya membuli negara-negara kecil, lemah, tidak membangun dan sebagainya.

Antaranya apa Yang Berhormat katakan tadi, yang saya dapat dengar ialah negara-negara Islam mesti menunjukkan persatuannya, kekuatannya. Apa peranan OIC? Dan saya amat kecewa apabila Yasser Arafat (Presiden Palestin) dikepung di rumah tangganya sendiri berbulan-bulan oleh Yahudi, OIC dan negara-negara Islam tidak boleh berbuat apa-apa. Ini apa yang telah diputuskan oleh Amerika akan serang Iraq.

Saya tak percaya OIC dan negara-negara Islam boleh menentangnya dan ini Amerika tahu. Maka dengan sebab itu Amerika tidak akan segan silu. Saya ingin mendapat penjelasan, bagaimana hendak mengatasi kepala syaitan yang paling besar, kezaliman yang paling dahsyat, paling kejam, paling tidak berperikemanusiaan. Bagaimana hendak mengatasi orang yang hendak mengikutkan apa sahaja perkataan, apa sahaja kemahuannya dia akan buat, walaupun ditentang oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, walau ditentang oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Amerika tetap mengatakan ya, dia akan tetap ya. Tidak akan tidak kepada apa pun bantahan dunia.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading yang prihatin dengan penuh perasaan menyuarakan rintihan negara-negara Islam dan negara-negara membangun lain, dengan adanya ketidakseimbangan kuasa di dalam dunia pada masa kini.

Tetapi itu adalah satu realiti yang paling pentingnya ialah negara-negara membangun kena melalui saluran-saluran *multilateral* ataupun pelbagai hala untuk bersatu padu dengan menyuarakan pendapat-pendapatnya di forum-forum antarabangsa dan menggunakan pendekatan untuk mendekati kuasa-kuasa besar yang lain, kuasa-kuasa veto yang lain supaya mereka dapat bersimpati dengan perjuangan kita dan melalui mereka, perjuangan kita juga boleh dapat dimanfaatkan dan ianya tidak akan membolehkan mana-mana negara ataupun kuasa besar atau kuasa veto untuk mengambil tindakan secara bersendirian.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulong dan Tumpat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa dia? Saya belum habis lagi. Biar saya habiskan ini, lepas itu saya bagi sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Ini tak boleh bagi, saya belum habis jawab, macam mana hendak masuk?

Saya tengok, walaupun pada satu masa bila kita melihat perkembangan berkenaan serangan ke atas Iraq ini, pendekatan Amerika pada asalnya adalah pendekatan

unilateral, tetapi Bangsa-Bangsa Bersatu, Setiausaha Agung sendiri tidak bersetuju dan negara-negara seperti Perancis, Russia dan China juga tidak bersetuju.

Yang dia ada sokongan adalah daripada Kerajaan Britain, maka akhirnya mereka terpaksa tunduk kepada kehendak Bangsa-Bangsa Bersatu dan masyarakat antarabangsa. Dengan itu mereka terpaksa membawa kembali kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tetapi kita hendak mereka menentukan, mereka memberikan kredibiliti, memberikan kehormatan kepada Majlis pertubuhan antarabangsa. Pokoknya Amerika sekarang ini bertindak seolah-olah dia sebagai polis dunia. Dia memberi amaran kepada Bangsa-Bangsa Bersatu. Sepatutnya Bangsa-Bangsa Bersatu memberi amaran kepada Amerika, tetapi sekarang sudah terbalik.

Jadi, dalam ucapan saya baru-baru ini, saya bertanya adakah kita boleh menerokai semula dengan izin, *to pioneer* usaha mengubah beberapa peruntukan di dalam piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditandatangani pada tahun 1945, di mana soal keahlian tetap di dalam Majlis Keselamatan itu harus dipertimbangkan semula supaya tidak ada kuasa-kuasa besar yang boleh memainkan peranan sehingga tidak mengambil kira kita semua. Itu yang pertama.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai soal Palestin. Soal Palestin ini kita memang sedar bahawa Amerika dan Israel mempunyai suatu perhubungan yang amat intim, yang istimewa di mana, Isreal memainkan peranan proksi Amerika untuk menjalankan beberapa tugas yang rahsia. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Datuk . Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, tetapi sebelum saya menjawab Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, suka saya menyentuh kembali apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi berkenaan Palestin dan apa yang telah kita buat. Daripada segi …….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Lagi empat minit, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua hendak tangguhkan sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada berapa minit lagi?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya panjang lagi jawapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi, Okey, selepas pukul 5.30 kita boleh tangguhkan dan Yang Berhormat boleh sambung.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Boleh sambung. Sekarang saya boleh teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada empat minit lagi.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya fikir hanya Malaysia, satu-satunya negara yang berani dan tegas mengambil tindakan. Bila Perdana Menteri kita menulis surat kepada Presiden Bush, Presiden Amerika Syarikat, dan menulis surat kepada Presiden Shiraq dan menulis surat kepada Shroeuder untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin supaya dalam mereka sibuk untuk mengambil tindakan ke atas Iraq, mereka tidak melupakan soal keganasan yang sedang berlaku, keganasan antarabangsa yang sedang berlaku dan mereka juga tidak melupakan soal perjuangan dan konflik yang berlaku di Palestin supaya diwujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.

Saya ingin mengatakan berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebelum kita tamat perbahasan hari ini, penggulungan hari ini, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Bangsa-Bangsa Bersatu, sebenarnya kita terkunci dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu itu sendiri.

Dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, segala soal berkenaan keselamatan dunia adalah diberikan kuasa mutlak kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan walaupun Bangsa-Bangsa Bersatu atau Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, mempunyai ahli teramai, ianya tidak mempunyai kuasa untuk mengatasi keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Malaysia adalah salah sebuah negara yang mahu penyusunan semula Bangsa-Bangsa Bersatu supaya ia mencerminkan realiti ataupun hakikat masa kini, bukan hakikat setelah berakhirnya Perang Dunia II. Dunia telah berubah tetapi Bangsa-Bangsa Bersatu tidak berubah, masih lagi tidak demokratik dan kuasa-kuasa besar dapat menentukan arah dunia tanpa mengambil kira kepentingan negara teramai.

Sebab itu, kita minta supaya disusun semula tetapi untuk susun semula, keahlian Majlis ahli-ahli tetap pun, kita memerlukan kepada sokongan ahli-ahli tetap. Jadi akhirnya kita tidak dapat berbuat apa-apa. Hanya terus mencadangkan pindaan-pindaan yang tidak mempunyai kekuatan asas yang boleh menukar bentuk dan corak penyusunan organisasi Bangsa-Bangsa Bersatu itu.

Walau bagaimanapun, kita akan teruskan usaha-usaha dengan membuat perubahan-perubahan tertentu, dengan mencadangkan perubahan-perubahan tertentu yang boleh diterima dan boleh melahirkan lebih keadilan dalam kita melaksanakan organisasi dunia yang mewakili seluruh masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Israel ……

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini sudah tinggal satu minit. Boleh saya sambung besok Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ini, *later*, dengan izin.

Kita memahami hubungan Israel dengan Amerika Syarikat adalah begitu rapat. Yang pentingnya ialah Amerika Syarikat memainkan peranan sebagai *broker* untuk mencapai kedamaian, untuk menyelesaikan masalah di antara Palestin dan Israel.

Oleh itu, penting bagi Amerika Syarikat menunjukkan sikap tidak berat sebelah. Sikap yang seimbang, bagi tujuan memberi keyakinan kepada rakyat Palestin bahawa Amerika Syarikat akan membantu mereka untuk mewujudkan sebuah negara Palestin sebagaimana diterima oleh masyarakat antarabangsa, sebagaimana diterima oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, bahawa penaklukan Israel terhadap wilayah-wilayah Palestin adalah tidak sah dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Malangnya buat pada masa ini, banyak tindakan Amerika dilihat sebagai lebih memihak kepada Israel. Perkara ini dibawa oleh pemimpin kita bila berbincang dengan pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat dan mereka menidakkan yang mereka berat sebelah tetapi daripada segi tindakan ia menunjukkan persepsi bahawa tindakan mereka sememangnya dilihat oleh dunia Islam dan dilihat oleh negara-negara tidak berkecuali sebagai berat sebelah kepada Israel dan kita berharap mereka akan mengubah sikap ini dan membawa kepada satu keadaan di mana konflik Palestin-Israel dapat diselesaikan melalui rundingan damai.

Untuk ini, saya …..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh sambung esok.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya boleh sambung esok, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.